



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Negara (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 2)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):

- Bangunan Sekolah Tidak Selamat – Tindakan Memperbaiki**
- *Y.B. Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)*

(Halaman 21)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

(Halaman 22)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang undang-undang Bank dan Institusi-institusi
Kewangan (Pindaan) 2005

(Halaman 22)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS

29. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. " Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
7. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC

13. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS

20. Yang Berhormat Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS

58. Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO

96. Yang Berhormat Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin

Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Kamisah binti Sayuti

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Isnin, 19 September 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA
MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenalkan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Eksais (Pindaan) 2005;
2. Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak)(Pindaan) 2005;
3. Akta Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2005;
4. Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi (Pindaan) 2005;
5. Akta Insurans (Pindaan) 2005;
6. Akta Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005;
7. Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005;
8. Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005;
9. Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan)(Pindaan) 2005;
10. Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005; dan
11. Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan (Pindaan) 2005.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"26 Julai 2005

**Perutusan Daripada Dewan Negara
Kepada Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2005;
2. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak)(Pindaan) 2005;
3. Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2005;
4. Rang Undang-undang Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi (Pindaan) 2005;
5. Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) 2005;
6. Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005;
7. Rang Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005;
8. Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2005;
9. Rang Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan)(Pindaan) 2005;
10. Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005; dan
11. Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan (Pindaan) 2005.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau menyokong penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai (i) Integriti Nasional; (ii) Pendidikan Tinggi; dan (iii) Perdagangan dan Industri Antarabangsa, demi mencipta sebuah Parlimen Dunia Pertama.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ucapkan selamat datang kepada semua pada Hari Pertama, Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Parlimen telah diperkenalkan kembali demi mempertingkatkan perbincangan dan perdebatan isu-isu penting serta mutu rang undang-undang yang digubal, selaras dengan komitmen kerajaan terhadap amalan demokrasi berparlimen di dalam negara.

Keputusan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen diambil berdasarkan faktor-faktor tertentu termasuk keperluan untuk mengkaji sesuatu rang undang-undang sebelum ia dibincang dan diluluskan di dalam Parlimen. Penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan tersebut akan dipertimbangkan mengikut keperluan dan kesesuaian. Buat masa ini daripada tiga perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, hanya Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai integriti telah dipersetujui oleh kerajaan dan tindakan penubuhannya sedang diambil. Usul mengenainya akan dibentang di Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan keputusan kerajaan memersetujui mengenai penubuhan jawatankuasa pilihan untuk Nasional Integriti, oleh sebab ini adalah sangat mustahak dan bolehkah kita diberi satu jaminan bahawa ini akan diadakan secepat mungkin.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada melahirkan rasa kecewanya mengenai Mesyuarat Tertinggi Perhimpunan Agung PBB di mana boleh kata satu *washout* mengenai reformasi UN, dan memandangkan rakyat pada keseluruhannya pun rasa kecewa, bahawa tidak ada apa-apa tindakan yang konkrit mengenai reformasi dalam dua tahun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khasnya mengenai membasmi rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Ini boleh dilihat baru-baru ini mengenai kes atau laporan tuduhan RM5 juta dibelanja untuk majlis-majlis persaraan Ketua Kastam Eksais.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Soalan!

Tuan Lim Kit Siang: Dan, di mana ada didedahkan bahawa kursus-kursus, kempen-kempen nasional integriti di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, semua tidak berkesan, membazirkan wang rakyat sahaja, di mana ada program-program *cigar-smoking*, karaoke, bagaimana boleh mempertingkatkan integriti di negara kita. Bukankah ini sangat mustahak, perlu satu fokus yang khas, dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa jawatankuasa pilihan Parlimen untuk pendidikan tinggi pun mustahak.

Pagi ini saya ada tengok di dalam Universiti Malaya, papan tanda besar, UM sudah bertaraf dunia, kita pertahankan matlamatnya. Apa taraf dunia kita ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana baru-baru ini ada beberapa krisis higher education sama ada mengenai Teras Gomez, Profesor Ramsamy, Zohardi dan lain-lain...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat soalan sudah ada.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Dan akhirnya mengenai perkara ini, baru-baru ini Universiti Jiao Tong di Shanghai menunjukkan bahawa dalam senarai 500 senarai universiti terbaik sekali, Malaysia langsung tidak ada di sini. 500 universiti terbaik di dunia. Bukan kali pertama tahun ketiga berturut-turut dan akhirnya mengenai AP...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup!

Tuan Lim Kit Siang: Akhirnya mengenai AP, bukankah ini mustahak Parlimen untuk menangani masalah ini oleh kerana AP sudah menciptakan raja-raja AP. Bukan bumiputera yang berfaedah, UMNO putera sahaja, semua ini kita perlu menangani *national integrity*, *higher education* dan AP-AP.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Harap ini boleh diambil perhatian yang berat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau setiap isu bangkit kita hendak adakah *select committee* bermakna kita juga kena ada *select committee* untuk membincang tentang Chin Peng, bapa kemerdekaan DAP ini [*Dewan Riu*]. Jadi, oleh kerana itu saya fikir, itu juga isu, itu juga isu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: "Chin Peng, Bapa Kemerdekaan DAP". Tarik balik! [*Dewan Riu*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: "Chin Peng, Bapa Kemerdekaan DAP". Itu yang ada Ronnie Liu tulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa. Siap Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu, itu ada dalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu ada dalam internet..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Niat jahat itu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Niat jahat itu. Tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: DAP terang sokong Chin Penglah. Apalah you!

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* DAP tak pernah kata bahawa Chin Peng bapa Merdeka. Tarik balik itu, kalau tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Chin Peng terlibat..

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak heret dia kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan, Privileges Committee ...*[Dewan Riu]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: *The Committee of Privileges to prove the allegation.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat..

Tuan Lim Kit Siang: Ini tuduhan liar, ini niat jahat, tidak tahu dalam suasana Malaysia, ini serius...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Tuan Lim Kit Siang: ...kita tak boleh biarkan ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah nafikan, cukuplah, cukuplah!

Tuan Lim Kit Siang: Nafikan. Dia mahu tarik balik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Silakan, jawapan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, tahanlah Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang: Tarik balik!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia tegakkan benang basahlah. *[Dewan riu]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat. Cuku-cukup!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa ada. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya cuma mengatakan itu bahawa kita tak boleh ada *select committee* setiap isu dibangkit. Macam Chin Peng Bapa Kemerdekaan DAP, takkan kita nak buat satu *select committee* *[Ketawa]*. Jadi, sebab itu, sebab itu saya kata tak perlu ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat-Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup. Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Dia niat jahat! Kita mahu dia tarik balik! Kalau tidak....

Seorang Ahli: Contoh!

Tuan Lim Kit Siang: Rujuk kepada Committee of Privileges! Beranikah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada di sini, apa dikatakan keadilan.

Seorang Ahli: Duduk!

Tuan Lim Kit Siang: *A sense of justice, a sense of fair play* kalau dalam Dewan yang mulia ini tidak boleh ada *sense of justice, a sense of fair play* apa Dewan ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat. Yang Berhormat ..

Tuan Lim Kit Siang: Inilah malu..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa susah, apa susah..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat. Duduk, duduk, duduk. Duduk Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ipoh Timur, duduklah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Heret kepada Committee of Privileges.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Chin Peng DAP, *paii!* *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau kita ada kata, kita berani untuk *face the consequences!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, bila saya tegur Yang Berhormat tak mahu duduk, pun melanggar Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya mahu dia tarik balik, saya mahu tarik balik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, boleh saya jawab terus ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah sebut lagilah. Teruskan jawapanlah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, saya tidak akan sebut lagi tentang isu Chin Peng, bapa kemerdekaan DAP.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah sebut lagi, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, Tuan Yang di-Pertua *[Dewan riuh].*

Seorang Ahli: Duduk, duduk, duduk! Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Baiklah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* ...Privileges Committee. Kita tak boleh...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau nak *refer* saya kepada Privileges Committee, tak apalah.

Tuan Lim Kit Siang: Itu buang masa. Dia mahu buang masa..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia buang masa. Dia buang masa, bukan saya..

Datuk Bung Moktar bin Raden: Duduklah! Tidak ada isulah!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kita dalam soal. Saya tidak akan tarik balik. You mahu *refer* saya, *refer*lah. Biarlah Ahli Parlimen putuskan. [*Dewan riuh*]

Seorang Ahli: Ya, betul-betul.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Refer*lah tak ada masalah, tak ada masalah, *refer*lah. Terpulang kepada Ahli Parlimen hendak menentukan sama ada saya betul tak betul..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Refer*lah. *Refer*lah. Duduklah saya setuju. Saya setuju. Ya, *refer*lah.

Tuan Chow Kon Yeow: Peraturan Mesyuarat 26(1)(P).

Puan Teresa Kok Suh Sim: Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini saya punya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat ada Peraturan Mesyuarat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Chow Kon Yeow: 26(1)(P) berkenaan dengan Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan sebab menteri tidak ingin menarik balik apa yang dikatakan...

Puan Teresa Kok Suh Sum: Ya.

Tuan Chow Kon Yeow: Saya mengusulkan beliau dirujuk kepada Jawatankuasa ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ..

Puan Teresa Kok Suh Sum: Saya sokong, sokong-sokong, beri sokong

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, yang pertama...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kita bantah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang pertama saya fikir ini tidak perlu menjadikan satu isu, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan, tak payah sebut. Kalau

Tuan Lim Kit Siang: Sudah sebut...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak perlu sebut lagi. Tak perlu sebut lagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ini macam mana, tapi bercakap tentang demokrasi bebas berucap. Kalau tak betul, kata tak betullah, sudahlah, apa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat memang Ipoh Timur sudah kata tak betullah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ah sudahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan sebut lagilah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudahlah, sudahlah. Tak usah bangkit isu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tapi kita kata betul, apa.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: DAP, tak payah bangkitlah. Okay alright [*Ketawa*]. Tuan Yang di-Pertua ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya setuju. Tak payah lagilah...

Tuan Lim Kit Siang: *No easy way out, we must face it! No easy way out. I am prepared to stand here, face the consequences.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa ni.?

Tuan Lim Kit Siang: *I am prepared to stand here.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Referlah.*

Tuan Lim Kit Siang: *Face the consequences.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Referlah, saya tak ada hal.*

Tuan Lim Kit Siang: No, no, no! [*Dewan riuh*].

Seorang Ahli: Hai ini Dewan ini, bukan

Tuan Chow Kon Yeow: Duduk, saya bangkitkan usul!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong, Yang Berhormat Ipoh Timur, Ipoh Timur, sila duduk.

Tuan Chow Kon Yeow: Usul sudah saya bangkitkan...

Puan Teresa Koh Suh Sum: Ya.

Tuan Chow Kon Yeow: ...dan disokong oleh Batu Gajah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik-baik, disokong. Ahli Yang Berhormat saya akan serah kepada Majlis untuk diputuskan. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan kepada majlis untuk diputuskan.

Masalah di hadapan majlis iaitu usul seperti usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari kawasan Tanjong itu tadi hendaklah dipersetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Usul itu ditolak [*Dewan riuh*]. Cukup,cukup, cukup,cukup! Yang Berhormat,... [*Dewan riuh*]

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Duduklah, buang masa lah!

Tuan Lim Kit Siang: Itu boleh tolak. *The brute majority you ada, tak apa. Kita tahu brute majority!*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Refer dah refer dah. Refer dah refer. [Dewan riuh] Demokrasi.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah *refer*, sudah *refer* perkara .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua duduk, semua duduk, semua duduk! Saya minta semua duduk! Ini telah diputuskan, Peraturan Mesyuarat yang dikemukakan oleh Pembangkang sendiri dan telah diputuskan bersama-sama. Sama ada kalau Yang Berhormat Ipoh Timor lagi tak bersetuju, saya nak minta soalan yang kedua. Cukup soalan yang kedua.

Tuan Lim Kit Siang: *Point of order ...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Cukup, tak cukup selain perkara ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat!.

Tuan Lim Kit Siang: Tak cukup, tak cukup!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Selesaikan perkara ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Ini fitnah. Bagaimana kita boleh membenarkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang:fitnah dalam Dewan yang mulia ini? Kita mahu dia tarik balik. Mahu dia minta maaf.

Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ..

Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada Peraturan Mesyuarat.

Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya nak merujuk ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Duduklah Ipoh Timor.

Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ...saya nak merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 44(2). Ini Ahli Parlimen Ipoh Timor dah lama sini, tidak faham peraturan ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup!

Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raji Haji Omar: ...saya minta Yang Berhormat rujuk kepada 44(2), minta dia keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Datin Seri Azizah binti Wan Ismail.

[Soalan No. 2 – Y.B. Datin Seri Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) tidak hadir]

3. **Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah sebabnya pemansuhan tambatan ringgit dengan dolar Amerika dibuat serta-merta selepas mata wang Yuan China berbuat demikian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan Bukit Gantang yang dijadualkan untuk dijawab pada hari ini bersama soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tawau yang dijadualkan untuk dijawab pada 21 September, Kepong 27 September, Bukit Bintang 28 September, Kota Bharu 29 September, Tumpat 29 September, Kuala Kedah 4 Oktober, Temerloh 6 Oktober, Rasah 24 Oktober, Hulu Rajang 17 November dan Kapar 23 November, memandangkan soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama peralihan dasar kadar pertukaran mata wang asing kepada sistem apungan terurus adalah untuk memastikan negara berada kepada kedudukan terbaik, untuk menghadapi perubahan struktur yang berlaku di rantau ini. Ekoran daripada perubahan kepada dasar kadar pertukaran mata wang China dan pergerakan kadar pertukaran mata wang di rantau yang menyusul, negara-negara serantau adalah penting kerana mereka merupakan rakan dagang Malaysia yang utama. Perkembangan terkini ekonomi negara dan serantau memainkan peranan yang penting dalam menentukan masa dan keadaan yang sesuai, dalam menentukan perubahan dasar pertukaran mata wang asing negara. Tambatan ringgit tidak dimansuhkan lebih awal kerana nilai ringgit tidak mengalami ketidakajaran.

Namun begitu, sekiranya tambatan ringgit dikekalkan, wujud risiko yang tinggi mengenai kemungkinan nilai ringgit mengalami ketidakajaran berikutan perubahan struktur yang berlaku di rantau ini. Oleh yang demikian, tambatan ringgit telah digantikan dengan sistem apungan terurus melalui proses yang teratur dan telus.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah rejim apungan terurus, Bank Negara Malaysia menguruskan kadar pertukaran ringgit berbanding sekumpulan mata wang yang merangkumi mata wang rakan dagang utama Malaysia. Tidak seperti dahulu, di mana tumpuan dasar hanya kepada dolar US. Rejim baru ini mengutamakan nilai purata ringgit berbanding sekumpulan mata wang. Pada dasarnya, tahap kadar pertukaran ringgit berbanding mata wang lain termasuk dolar US akan sebahagian besarnya ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran pasaran.

Bank Negara Malaysia hanya akan campur tangan untuk mengelak turun naik yang keterlaluan pada nilai ringgit dan memastikan kadar pertukaran tidak berada jauh daripada tahap yang disokong oleh asas-asas ekonomi. Objektif utama dasar kadar pertukaran kekal tertumpu ke arah menggalakkan kadar pertukaran mata wang asing yang stabil. Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan terbuka, kadar pertukaran mata wang ringgit yang stabil berbanding dengan rakan dagang utama adalah penting untuk menyokong kegiatan dan pertumbuhan ekonomi. Nilai ringgit yang stabil dan tidak banyak berubah sejak pemansuhan tambatan ringgit adalah berpunca daripada peningkatan nilai ringgit berbanding mata wang rakan dagang utama Malaysia pada setengah tahun pertama tahun ini.

Sejak awal tahun 2005 dan sehingga pertambahan ringgit dimansuhkan pada 21 Julai, ringgit telah meningkat nilai berbanding Euro sebanyak 11.9% berbanding yen Jepun sebanyak 9.7% dan berbanding mata wang serantau dalam lingkungan 2.2% hingga 7.7%. Peningkatan nilai ini telah mengurangkan sebahagian daripada penyusutan nilai yang berlaku pada tahun 2003 dan 2004. Justeru, merapatkan nilai ringgit kepada nilai yang berpatutan. Ini menjelaskan kestabilan ringgit sejak kebelakangan ini serta ketiadaan tekanan yang ketara untuk pengukuhan nilai ringgit sejak pertukaran rejim.

Tuan Yang di-Pertua, peralihan ke rejim baru secara amnya telah disambut baik oleh pasaran kewangan. Urus niaga di pasaran saham bertambah rancak sementara aliran modal secara dua hala masih berterusan dalam persekitaran, kadar pertukaran mata wang yang stabil. Pada jangka masa sederhana dan panjang, kadar pertukaran yang lebih fleksibel di bawah rejim baru ini dijangka memberikan kesan positif kepada ekonomi Malaysia. Asalkan kadar pertukaran ringgit tidak turun naik secara keterlaluan.

Tuan Yang di-Pertua, sektor perniagaan kini perlu membiasakan diri untuk berhadapan dengan lebih banyak pergerakan kadar pertukaran mata wang dalam operasi harian mereka. Terdapat pelbagai instrumen dan mekanisme dalam pasaran yang membolehkan para peniaga mengurus risiko-risiko tersebut. Dalam pada itu, syarikat domestik tidak harus semata-mata bergantung dan mengenakan kadar pertukaran untuk meningkatkan daya saing. Sebaliknya mereka perlu berdaya saing melalui peningkatan produktiviti kualiti produk dan pengurangan kos Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Razali bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Sejak hampir dua bulan, bermula daripada 21 Julai sehingga sekarang ini, kita lihat bahawa tidak banyak perubahan dari segi kadar pertukaran ringgit Malaysia dengan dolar Amerika itu, selepas ianya diapungkan. Apakah kerana ini ada aktiviti-aktiviti kawalan daripada pihak Bank Negara Malaysia ataupun semata-mata kerana tidak adanya minat para peniaga tentang ringgit Malaysia ini?

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, apakah impak jangka masa panjang dan pendek terhadap pemansuhan tambatan ringgit ini. Kumpulan manakah yang lebih untung dan kumpulan manakah yang rugi? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang kalau kita lihat pergerakan ringgit tidak banyak, sikit-sikit sahaja, 3.76, 3.75, dalam lingkungan itu sahaja. Ini adalah kerana kawalan yang telah dibuat oleh Bank Negara. Memang tiap-tiap hari, itu memang tugas Bank Negara atau mana-mana Bank Negara. Memang tugas ia untuk memastikan kestabilan ringgit. Maka, bila ada perubahan sikit, maka Bank Negara akan *interfere*, akan campur tangan. Sebab itulah, ringgit kelihatan tidak stabil Tuan Yang di-Pertua.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua, kumpulan mana yang beruntung, sebenarnya oleh kerana kadar baru yang telah dibuat, adalah berdasarkan kepada *basket of ringgit and basket of currencies*, kerana menyebabkan *currency* di rantau ini, termasuk di East Asia dan juga rantau ASEAN, Europe dan sebagainya. Maka, sebenarnya semua, tidak sesiapa yang rugi, tetapi semuanya mendapat kebaikan daripada kadar sekarang ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya ialah, mengikut penjelasan daripada Yang Berhormat tadi, bahawa kadar ringgit telah meningkat kalau dibandingkan dengan Yen Jepun dan sebagainya sebanyak 9.9%. Ini bermakna pengeksport-pengeksport kita, harga eksportnya mungkin telah meningkat sebanyak apa yang telah dikatakan itu. Selain daripada kadar ini dan sebagainya, apakah strategi kerajaan untuk melindungi ataupun memberikan sesuatu *benefit* kepada pengeksport-pengeksport ini supaya mereka terus menjadi pengeksport yang lebih berdaya saing dan sebagainya. Ini yang pertama.

Yang kedua ialah, apakah kumpulan ataupun satu kumpulan mata wang ataupun *basket of currencies* itu. Bolehkah Yang Berhormat nyatakan, apakah kumpulan mata wang itu selain daripada US dolar, euro dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pergerakan ringgit berbanding dengan *currency* yang ada di sekeliling kita, saya hendak baca di sini. Sebenarnya ia tidak banyak berubah. Maknanya, dalam segi eksport ataupun import. Ianya tidak ada banyak perubahan dari segi harga, eksport ataupun import. Kita lihat di sini, ini harga pada 16 September contohnya. Dia ada naik turun Tuan Yang di-Pertua. US dolar berbanding dengan 21 Julai, tarikh yang diapungkan ringgit berbanding dengan US dolar meningkat hanya 0.8%. Euro tidak ada berubah. Ringgit telah menurun sedikit berbanding dengan paun -2.8%, Japanese Yen kita minus sikit, kurang sikit. Jadi ada naik turun kalau dibandingkan dengan lain, sebab ada rupiah. Kalau dibandingkan

dengan rupiah, kita telah meningkat sedikit. Ini melihatkan, menunjukkan bahawa tidak banyak perubahan oleh kerana campur tangan daripada Bank Negara, maka ringgit kita agak stabil. Jadi maknanya kesan kepada harga eksport dan import tidak banyak Tuan Yang di-Pertua. Lagi apa? Saya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Tuan Lau Yeng Peng: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tidak dengar. *Basket of currency* dimaksudkan ialah kita ada US dolar, Euro, Paun, Yen dan *currency* yang saya sebut di sinilah. Singapore dolar, baht, Philippine peso, rupiah, Korea won, Taiwan dan yuan. Jadi, kita campurkan semua sekali dan dilihat pada keseluruhannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. **Dr. James Dawos Mamit [Mambong]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan sama ada sistem pengukuran Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Malaysia dan Indonesia seragam agar dapat memberi gambaran jerebu dengan tepat. Nyatakan juga satelit-satelit di ruang angkasa yang digunakan untuk menerima gambar-gambar yang menunjukkan titik-titik panas (*hotspots*) di negara kita dan di Indonesia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem pengukuran Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Malaysia dan Indonesia adalah berasaskan kepada sistem yang sama dan diterima pakai oleh negara-negara ASEAN serta banyak lagi negara lain iaitu *Pollutant Standard Index (PSI)*, dengan izin, oleh Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat (*United States Environmental Protection Agency*), dengan izin.

Pengesanan titik panas (*hotspots*) bagi negara ASEAN diperolehi dari dua satelit yang dimiliki oleh Agensi Pentadbiran Laut dan Atmospheric Kebangsaan Amerika Syarikat ataupun *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA)* iaitu Satelit NOAA 12 dan Satelit NOAA 16. Maklumat titik-titik panas tersebut dibekalkan oleh ASEAN *Specialized Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura kepada semua negara ASEAN. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Memang setiap tahun kita akan mengalami jerebu. Ini tidak boleh dinafikan iaitu setiap tahun pada musim *South-west Monsoon* daripada bulan Julai hinggalah ke bulan September. Masalahnya adalah untuk menentukan berapa teruknya jerebu ini dan adakah ia menjejaskan kesihatan kita.

Kalau dilihat daripada IPU kita, indeks ini adalah diukur mengikut *pollutant* yang tertentu. Tetapi setiap *pollutant* ini puratanya diukur pada berlainan masa. Sebagai contohnya, macam *sulphur dioxide, pollutant* ini diukur daripada purata 24 jam tetapi *pollutant* ozone diukur daripada purata 1 jam dan selepas itu dikira untuk menjadi indeks. Indeks inilah dipuratakan untuk semua *pollutant*. Jadi, bagaimanakah semua *pollutant* ini dapat diseragamkan sebagai satu indeks. Kalau tidak gambarannya tidak betul, tidak benar. Inilah yang menjadi masalah.

Yang kedua, kalau kita lihat daripada titik panas (ASMC) kadangkala melihat titik panas yang berlainan daripada satelit-satelit yang lain, kenapakah ini tidak diseragamkan agar suhunya sama supaya gambaran yang lebih tepat juga boleh diberi kepada umum. Sekian, terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Soalan pada bahagian pertama itu terlalu teknikal untuk saya jawab. Esok, saya rasa ada soalan lagi untuk Kementerian Alam Sekitar, saya akan jawablah. Bagi bahagian yang kedua iaitu mengenai penyeragaman titik-titik panas tersebut, buat masa sekarang ini sememangnya kita telah menyeragamkan titik-titik panas itu bagi seluruh negara di ASEAN. Jadi, kalau panas di Kuala Lumpur akan sama juga panas yang kita kira di Indonesia dan juga yang kita kira di Thailand dan Brunei.

Untuk menyeragamkan titik panas tersebut dengan negara-negara di luar ASEAN, kami berpendapat bahawasanya kita tidak ada mempunyai hubung kait dari segi *trans-boundary haze* dan sebagainya. Jadi, berpadananlah apa yang dibuat sekarang ini oleh negara-negara ASEAN di dalam menyeragamkan titik-titik panas tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, mengapakah kerajaan teragak-agak dan lewat mengisytiharkan IPU dalam kejadian jerebu yang melanda Malaysia baru-baru ini. Pada suatu ketika Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa IPU tidak akan diumumkan, akan tetapi pada keesokannya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengarahkan mengisytiharkan IPU. Adakah ini satu percanggahan dengan polisi kerajaan dan adakah kerajaan akan memastikan IPU haruslah mengisytiharkan pada setiap minggu kepada orang awam bagi memastikan kesihatan rakyat dijaga. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan tidak pernah teragak-agak di dalam mengadakan atau mengisytiharkan indeks IPU dan sebagainya. Apa yang dibuat yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri ialah sebelum berlakunya Mesyuarat Kabinet yang mana memutuskan bahawasanya IPU tersebut akan diumumkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Bagi pengisytiharan darurat, sememangnya kita telah mengehadkan bahawasanya apabila IPU meningkat kepada 500 kita akan mengisytiharkan darurat, dan itu apa yang berlaku di Klang dan juga di Kuala Selangor. Sekian, terima kasih.

5. Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin] minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah kerajaan untuk mengatasi kekurangan pesawat yang dialami oleh MAS sekarang.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) pada masa ini mempunyai sebanyak 109 buah pesawat yang terdiri dari pelbagai jenis. Pada hakikatnya MAS tidak mengalami masalah kekurangan pesawat bagi operasi domestik. Namun demikian, bagi sektor antarabangsa terutamanya pada tempoh masa puncak, MAS turut mengalami kekurangan pesawat bagi beberapa sektor tertentu, contohnya sektor Asia Barat semasa musim panas.

Oleh yang demikian, langkah bagi mengatasi masalah ini adalah dengan mengurangkan frekuensi bagi penerbangan yang mempunyai *load factor* yang rendah dan menggunakan pesawat terbabit ke sektor-sektor yang mempunyai *load factor* dan permintaan trafik yang tinggi.

Selain itu, berkuat kuasa mulai dari bulan November 2005, MAS akan menempah tiga pesawat P 737-800 untuk digunakan bagi operasinya ke sektor-sektor baru seperti ke negeri China. Dua pesawat P 747-300 pula akan disewa secara jangka pendek bagi tujuan musim haji pada Disember 2005 ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, negara kita telah menjadi *trading nation* nombor 18 terbesar di dunia dan pemimpin-pemimpin kita hari ini menguar-uarkan bahawa kita akan menjadi *global player*. Timbalan Perdana Menteri pun telah kata pada hari ini rakyat Malaysia akan menjadi glocal.

Kita dapati banyak sektor yang kita perlukan tetapi tidak ada pesawat-pesawat kita, yang mana agak *heavy*, yang memerlukan penerbangan tiap-tiap hari, kita hanya ke sana dua kali seminggu. Lebih mendukacitakan kita pada hari ini, akhir-akhir ini MAS pula kerugian RM278 juta. Yang saya tidak faham, dalam akaun itu RM300 juta lain-lain perbelanjaan, rugi RM278 juta, *miscellaneous* RM300 juta.

Ini yang kita minta supaya menteri perhatikan kerana ini adalah maruah kita, maruah Malaysia. Kita minta supaya, kalau misalan katakan syarikat-syarikat pembuat kapal terbang ini tidak dapat *supply* apa yang kita mohon, kadang-kadang kita kena bahagi-bahagikan sedikit. Janganlah kita harapkan hanya Boeing dan Airbus sahaja, banyak syarikat yang baru timbul macam Bombardier daripada Kanada boleh membuat kapal terbang, mengapakah kita tidak *order* separuh daripada dia? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. MAS dan kerajaan memang sedar bahawa untuk menjadikan syarikat penerbangan negara kita sebagai satu global *player* kita harus beroperasi kepada destinasi-destinasi yang penting dan kalau sekiranya boleh beroperasi sekurang-kurangnya *daily* kepada bandar raya yang dimaksudkan itu dan pihak MAS sedang mengkaji dalam perkara ini dan mereka akan mengemukakan satu laporan kepada Kementerian Pengangkutan untuk pertimbangan.

Menyentuh tentang kerugian yang dialami oleh MAS baru-baru ini, memang ada beberapa faktor dan sebab yang menyebabkan MAS menghadapi kerugian. Terutama sekali ialah peningkatan harga minyak yang begitu tinggi. Sungguhpun MAS sudah tiga kali mengenakan *fuel surcharge* tetapi ini adalah merupakan masih rendah dibandingkan dengan syarikat penerbangan yang lain. Ia hanya cuma dapat *cover* pulangan sebahagian daripada kos tambahan akibat daripada kenaikan harga minyak.

Yang keduanya saya setuju bahawa kos pengurusan MAS kalau dibandingkan dengan syarikat penerbangan yang lain boleh dianggap agak tinggi. Saya telah diberitahu oleh pihak MAS dan dalam pada itu saya diberitahu juga bahawa MAS sedang mengkaji secara mendalam dan menyeluruh untuk mengurangkan kos pentadbiran ataupun kos pengurusan syarikat penerbangan ini supaya dapat menjimatkan perbelanjaan berkenaan.

Tetapi di Dewan yang mulia ini saya juga hendak memberitahu kepada Yang Berhormat bahawa syarikat penerbangan MAS adalah merupakan satu syarikat penerbangan negara dan oleh kerana itu MAS diperlukan sentiasa menjalankan kewajipan yang ditentukan oleh Kerajaan Malaysia seperti beroperasi ke destinasi-destinasi oleh kerana kepentingan negara, oleh kerana kepentingan dari segi pelancongan, oleh kerana dari segi kepentingan *connectivity* dan juga *accessibility*. Sungguhpun MAS menghadapi kerugian untuk beroperasi ke destinasi-destinasi tertentu tetapi MAS juga oleh kerana menunaikan kewajipan negara, MAS juga akan beroperasi sungguhpun menghadapi kerugian.

Kalau dibandingkan dengan syarikat penerbangan yang lain, bila hendak menentukan atau membuat keputusan untuk beroperasi ke destinasi-destinasi tertentu, cuma membuat keputusan dari segi komersial ataupun *viability* sahaja tetapi MAS juga oleh kerana kepentingan negara, dikehendaki beroperasi ke destinasi yang menghadapi kerugian. Ini memang merupakan satu sebab mengapa MAS menghadapi kerugian. Walau bagaimanapun, semua ini kita semua sudah ambil kira dan MAS, saya harap dengan pengurusan baru bolehlah mencari strategi yang baru supaya dapat mempertingkatkan *competitiveness* atau pun daya saing syarikat penerbangan ini dan saya harap semua masalah yang saya sebutkan tadi dapat ditangani oleh pengurusan baru. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri di atas satu penjelasan untuk mengkaji syarikat penerbangan MAS. Kita tahu MAS adalah *national carrier* yang tidak dapat kita pisahkan daripada setiap sanubari masyarakat Malaysia. Masalahnya ialah kita amat mencemburui apabila melihat sebuah syarikat swasta, Air Asia yang turut dibantu oleh saya percaya syarikat luar negara, Syarikat Virgin, rakan-rakan lain pun mengaku boleh mencapai keuntungan. *[Disampuk]* Ya, minyak mahal juga. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apakah MAS mengkaji untuk menyerahkan pengurusan MAS ini kepada Air Asia. Kita tengok sama ada boleh untung atau tidak? *[Ketawa]* Atau masalah sekarang ialah tentang pesawat yang ada, apakah kita kaji kerana baru-baru ini berlaku satu Syarikat Penerbangan Mandela yang terhempas di

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya? Mandala. Saya sebut silap sedikit bukannya apa, hendak tengok rakan-rakan yang lain tumpu ataupun tidak - di Polonia dan mengorbankan beratus nyawa. Apakah MAS selain mengkaji kerugian yang dialami juga akan melihat dan menyasat pesawat-pesawat yang ada ini supaya dapat mengelak daripada berlakunya sebarang kemalangan? Walaupun kita tahu bahawa malang itu tidak berbau. Saya ingin menekankan di sini bahawa apakah MAS, soalan saya sudah timbul cuma saya hendak sambung sedikit

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tentang masalah kenaikan harga minyak dan sebagainya menyebabkan bahawa MAS tidak boleh memulihkan semula pengurusan syarikat ini. Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Air Asia ini adalah penerbangan tambang murah dan MAS adalah penerbangan tambang penuh ataupun *full-fare airline* di mana konsep dan operasinya adalah berlainan maka kita tidak boleh membuat perbandingan secara adil. Misalnya di Amerika Syarikat, oleh kerana kenaikan harga minyak sekarang, hampir semua penerbangan *full-fare airlines* menghadapi masalah hampir hendak bankrap hampir semua, tidak ada pengecualian. Hampir semua hendak bankrap, cuma *low-cost airlines* seperti *Southwest Airlines* dan juga *JetBlue Airlines* yang masih

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Boleh saya habiskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Walau bagaimanapun, pihak kerajaan masih berpendapat kalau sekiranya Air Asia dan MAS boleh bekerjasama dengan lebih rapat lagi kita boleh menjimatkan kos pengendalian kedua-dua syarikat penerbangan. Dalam pada itu saya sudah ambil inisiatif untuk mengadakan perbincangan dengan kedua-dua pihak iaitu MAS dan Air Asia supaya dapat kita berkongsi dalam menggunakan sumber dalam banyak aspek. Kita sedang berusaha untuk mengadakan satu dasar baru iaitu *Dasar Rationalization of the Domestic Sector*, di mana kedua-dua syarikat ini boleh membantu satu sama lain dan saya yakin bahawa dengan polisi baru ini kedua-dua syarikat bolehlah menikmati faedah yang lebih besar.

Tentang keselamatan *aircrafts* kita, ini merupakan satu perkara yang kita tidak berkompromi. Melalui DCA, kita memang mengadakan kawal selia yang ketat sekali mengenai keselamatan. Ini saya boleh memberi janji atau jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa *this is one thing* di mana kita tidak akan berkompromi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuan Mohd. Razali bin Che Mamat

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, boleh sedikit soalan tambahan? Ini menterilah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Krai sudah menunggu lama.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak mengapalah, dia tunggu selepas saya soal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak boleh? Menteri kata boleh soal.

Datuk Bung Moktar bin Raden: Bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk, sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini kepentingan negara, Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh bahas nantilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Datuk. Minta maaf Yang Berhormat Menteri. Yalah, yalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

Seorang Ahli: Terus, terus, terus!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ada andaian mengatakan[Disorak]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, saya dibenarkan atau tidak, Datuk?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ditolak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini soalan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ditolak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Datuk, ini hari pertama Datuk. Ini masalah rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan pasar, bukan kedai kopi, bukan pasar, boleh tawar. Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kenapa tidak boleh runding?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri pun sudah sedia hendak jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Memang sudah bersedia hendak jawab, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, tidak. Datuk pun sudah menang MCA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hari ini bukan mesyuarat MCA tetapi Dewan.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera. Terlebih dahulu saya..... ke arah kemerdekaan ini sebelum kepada soalan saya soalan Nombor 6, saya mengalu-alukan kedatangan pelajar-pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Kubu Baharu yang ada di belakang kita [Tepuk]. Tidak ada siapa pun tadi mengalu-alukan kedatangan mereka. Soalan saya nombor 9, Tuan Yang di-Pertua, maaf Nombor 6. [Dewan riuh]

6. Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai] minta Perdana Menteri menyatakan mengenai keberkesanan sambutan Hari Kemerdekaan yang disambut pada setiap tahun dan berapakah peruntukan yang diberikan untuk sambutan tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, semenjak negara kita mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 hinggalah 31 Ogos 2005, kita telah menyambut sebanyak 48 kali ulang tahun kemerdekaan berturut-turut tanpa terlepas walau sekali pun.

Sambutan ulang tahun kemerdekaan adalah suatu acara yang amat bermakna bagi pejuang-pejuang kemerdekaan sejak zaman Allahyarham Tunku Abdul Rahman Alhaj sehinggalah zaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang. Kerajaan amat prihatin mengenai keperluan menyambut ulang tahun kemerdekaan kerana keberkesanan dan hasilnya telah kita nampak dalam pemupukan nilai-nilai kesopanan dan kesusilaan, hormat-menghormati budaya berbagai-bagai agama, bangsa dan kaum di kalangan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perbelanjaan menyambut ulang tahun kemerdekaan, kerajaan sentiasa berhati-hati dan mengambil langkah-langkah penjimatan dalam memberikan peruntukan setiap tahun khusus bagi maksud sambutan ini. Sekiranya kerajaan berkemampuan maka bolehlah dibelanjakan lebih sedikit tetapi jika kerajaan merasakan kurang berkemampuan seperti mana dalam tahun 1980an ketika negara mengalami kegawatan ekonomi maka dikurangkan perbelanjaan setakat kita mampu tanpa menjejaskan semangat perayaan ulang tahun kemerdekaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan sambutan ulang tahun kemerdekaan untuk tempoh empat tahun terakhir iaitu di antara tahun 2002 hingga 2005 adalah seperti berikut:

- | | | | |
|-------|------------|---|-------------------|
| (i) | Tahun 2002 | - | RM18.19 juta; |
| (ii) | Tahun 2003 | - | RM24.87 juta; |
| (iii) | Tahun 2004 | - | RM30.47 juta; dan |
| (iv) | Tahun 2005 | - | RM32.99 juta. |

Untuk makluman, setiap kali perayaan ulang tahun kemerdekaan, peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan akan diagih-agih kepada 16 Jawatankuasa Kecil yang terletak di bawah Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Bulan Kemerdekaan. Ini termasuklah Jawatankuasa Kecil Perarakan yang bertanggungjawab mengelolakan acara Perbarisan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos setiap tahun.

Di bawah Jawatankuasa Kecil Perarakan pula terdapat pecahan sebanyak 28 Sub-Jawatankuasa Kecil yang terlibat secara langsung dalam penyediaan dan penyelarasan program acara perbarisan iaitu acara kemuncak Perayaan Bulan Kemerdekaan seperti mana yang telah kita sama-sama saksikan pada tahun ini di Dataran Putrajaya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya sebelum soalan ini, pertamanya saya hendak ucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan yang telah menganjurkan Bulan Kemerdekaan. Cuma satu yang saya hendak memperingatkan bahawa jangan ada sesiapa pun rakyat Malaysia cuba hendak mengubah sejarah kemerdekaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan tambahan, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: PERIKATAN yang didukung oleh UMNO, kepimpinan Almarhum Tunku Abdul Rahman yang menuntut kemerdekaan dan tentang kemerdekaan ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan tambahan. Soalan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalan tambahannya, apakah pihak kerajaan saya puas hati dengan sambutan tetapi saya dukacita kerana saya melihat masih ada rakyat yang tidak mahu mengibarkan bendera Jalur Gemilang di seluruh pelosok kampung dan bandar-bandar.

Apakah selain daripada kita menyambut, kita gembira kerana merdeka, apakah kerajaan ingin mencadangkan supaya generasi-generasi muda yang akan datang ini menghayati kemerdekaan. Kemerdekaan adalah suatu benda yang begitu nikmat dan besar bagi kita walau pun ada setengah orang mengatakan Malaysia ini dituntuti kemerdekaannya oleh orang lain. Mereka ini adalah pengkhianat dan tidak boleh kita maafkan, Tuan Yang di-Pertua.

Apakah pihak kementerian ataupun pihak kerajaan cara-cara ... tak payahlah sekarang ini kerajaan atau menteri atau *Exco* bagi bendera percuma. Kadang-kadang kita merasakan apakah *contribution* rakyat kepada negara yang merdeka. Apakah sampai bila-bila kita mahu bagi bendera percuma

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup, cukup, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sedikit lagi pun tidak boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak boleh. Tak boleh. Baik sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih. Tahniah, tahniah, Tuan Yang di-Pertua. [*Bercakap dalam bahasa Cina*] Sila, boleh atau tidak boleh [*Ketawa*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Jerai yang memperingatkan supaya jangan ada golongan yang mempertikaikan tentang peranan yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin PERIKATAN dalam mencapai kemerdekaan seperti yang dilakukan Ketua Propaganda DAP - Ronny Liu itu.

Sebab itu kita bersungguh-sungguh, kita membelanjakan wang kerana hari kemerdekaan ini merupakan suatu hari yang dikongsi bersama oleh semua rakyat Malaysia sebab hari besar kita, kita mempunyai masyarakat yang berbilang kaum, masing-masing ada hari besar masing-masing. Tetapi satu *common factor* dengan izin ialah kemerdekaan. Ini semua rakyat Malaysia yang punya tanpa mengira kaum. Pada peringkat awal, kita hendak memperkenalkan kembali betapa megahnya kita dengan Jalur Gemilang. Memang di peringkat awal, kita terpaksa membelanjakan wang. Tetapi saya percaya bahawa insya-Allah tidak berapa lagi iaitu dalam masa satu atau dua tahun lagi mungkin semua rakyat Malaysia akan merasakan bahawa bangga mereka mengibarkan Jalur Gemilang asalkan jangan DAP mempertikaikan lagi tentang Bapa Kemerdekaan Malaysia itu.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri yang telah menjawab dan saya Kuala Krai mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah kerana kejayaan yang tinggi kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah melancarkan penutupan Bulan Kemerdekaan di Kedah baru-baru ini termasuklah Yang Berhormat Jerai sendiri, rasanya dia bawa orang ramai, Thailand pun ada sebanyak 200,000 lebih. Tahniah, itulah menunjukkan suatu suasana yang begitu meriah dan saya berterima kasih banyak kepada Menteri yang telah menjelaskan banyaknya peruntukan yang telah kita belanja tetapi oleh kerana inilah maka negara kita yang kita kasihi ini aman damai dan dicontohi oleh seluruh negara di dunia ini.

Soalan saya, sedar atau tidak kementerian dalam kita menyambut hari kemerdekaan ini terdapat di dalam bandar yang tidak mengibarkan Jalur Gemilang ini, sedangkan di luar bandar pada kali ini begitu rancak sekali sehingga kita di peringkat Parlimen tidak dapat hendak mengawal lagi. Mereka datang minta peruntukan hendak buat di situ, hendak buat di sini di luar bandar.

Manakala dalam bandar kita rasa kecewa, kereta tidak dilambatkan dengan bendera Jalur Gemilang apatah lagi rumah dan gudang-gudang. Saya kira tahun ini di luar bandar yang lebih menyerlah. Adakah pihak kementerian berkenaan akan mengadakan lebih banyak peruntukan dan boleh atau tidak peruntukan ini disalurkan khusus kepada Parlimen kerana Parlimen yang lebih tahu kawasan-kawasan yang memerlukan. Lebih-lebih lagi kepada tempat-tempat yang bersejarah di dalam Parlimen itu sendiri. Misalnya kawasan *Home Guard*, kawasan yang lama-lama yang mana pelajar-pelajar belum tahu. Dengan adanya peruntukan khusus kepada Parlimen sudah tentu kita dapat mengadakan lebih rancak lagi. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memang tidak boleh dinafikan bahawa jika kita lihat memang di luar bandar sambutannya lebih meriah, tetapi di dalam bandar kurang sedikit; tetapi bukannya di semua kawasan. Saya ingat kawasan yang tidak mengibarkan bendera itu ialah kawasan yang diwakili oleh DAP lah sebab pada waktu yang sama dia mengeluarkan suatu artikel di dalam *website* dia yang mempertikaikan peranan yang dimainkan oleh UMNO, MCA dan MIC.

Kita tahulah kalau benda ini - merdeka memang dikaitkan dengan Barisan Nasional (PERIKATAN) ketika itu. Sebab itu saya rasa kalau betul ada pun memanglah di kawasan yang diwakili oleh DAP, tak usah bagi Chua Chin Peng inilah tetapi memang kawasan DAP tidak mengibarkan bendera, saya agaklah. Sebab itu saya rasa memang kita boleh mempertimbangkan supaya di masa-masa yang akan datang kita akan

memberikan peruntukan yang lebih khususnya kepada kawasan yang mana mempunyai sejarah. Itu suatu cadangan yang baik dan saya akan sampaikan kepada Menteri yang berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang: Ini merupakan satu soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Soalan tetapi jangan emosi.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan emosi tadi itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan jelas dan tepat cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah panjang-panjang.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa jawapan beliau sangat bahaya kepada pembinaan negara, perpaduan negara apabila beliau menyifatkan bukan sahaja DAP, Ahli-ahli Parlimen DAP tetapi kawasan-kawasan DAP ini nampaknya tidak patriotik. Saya rasa ini adalah sangat berbahaya dan tidak bertanggungjawab tetapi itu bukan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahannya ialah bukankah mustahak bahawa untuk perayaan kemerdekaan, kita patut ada satu gerakan di mana rakyat faham makna kemerdekaan, lebih menginsafi mengenai sejarah kemerdekaan dan menggalakkan satu perbincangan yang rasional dan tidak untuk menutupkan atau memaksa satu versi sahaja. Tadi Yang Berhormat ada sebut mengenai Ronnie Liu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, Yang Berhormat, cukup, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya, ini untuk rekod.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan tambahan pun sudah dikeluarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Satu ayat sahaja, satu ayat sahaja.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: *Only for fair play.* Satu ayat ada disebut, dia berkali-kali berkata bahawa Chin Peng sebagai Bapa Kemerdekaan Malaysia, satu ayat di sini apa yang dia kata dalam kenyataan Ronnie Liu, "*It must be pointed out that without the struggle and sacrifice made by these freedom fighters*" dan di sini disebut ialah pemimpin-pemimpin PKMM dan API semacam Moktarudin Rasul, Ahmad Boestamam, Burhanudin Helmy, Pak Sako, Ishak Mohamad. Dan ini mustahak – "*and the pressure mounted by the Malayan Communist Party led by Chin Peng (as acknowledged by Tan Sri Rahim Nor, IGP, on signing of the peace accord with NCP, the British were certainly not willing to cooperate and negotiate with the alliance leaders who want independance without bloodshed*". Mana ada "Bapa Merdeka" itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, mana Bapa Merdeka itu untuk *twist, distort*, fitnah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup!

Tuan Lim Kit Siang: Kita boleh setuju atau tidak setuju. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa kalau kita mahu kemerdekaan, bermakna kita mahu satu masyarakat yang terbuka, lebih kritikal kalau kita mahu lebih kompetitif di dunia, kita rela satu perbincangan secara yang rasional tanpa semacam fitnah seperti ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey cukup.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingat apa yang lebih bahaya lagi ialah artikel Ronnie Liu. Itu adalah lebih bahaya lagi daripada apa kenyataan saya dalam ini kerana saya responsif kepada Ronnie Liu. Dia mengeluarkan artikel itu waktu kita menghadapi sambutan merdeka. Bermakna dia hendak mengubah sejarah 48 tahun semua orang tahu iaitu bahawa Bapa Kemerdekaan ialah Tuanku Abdul Rahman. Apa pasal hendak mempertikaikan lagi? Jadi sebab itu...

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...saya rasa....

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...saya rasa....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat diberi peluang kemukakan soalan. Jawapan daripada menteri, kita dengarlah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Sekarang kita dengar jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak payah jawablah, tidak payah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, dia sokong Chin Peng.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia sokong Chin Peng ke? Itu yang dia marah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

7. Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta Menteri Pelajaran menyatakan kesan bekerja lima hari seminggu terhadap aktiviti kokurikulum para pelajar di sekolah. Adakah Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) yang diperkenalkan baru-baru ini dapat membantu usaha mengeratkan perpaduan kaum.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, berikutan keputusan kerajaan untuk melaksanakan lima hari bekerja seminggu melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2005. Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyediakan garis panduan untuk diguna pakai oleh semua sekolah.

Antara kandungan garis panduan tersebut ialah seperti:

- (i) semua aktiviti kurikulum dan kokurikulum termasuk permohonan untuk menggantikan hari persekolahan pada hari Sabtu yang telah dibuat oleh pihak sekolah boleh diteruskan;

- (ii) mulai tahun 2006, semua aktiviti kokurikulum dan kurikulum hendaklah dilaksanakan dalam lima hari bekerja. Walau bagaimanapun, semangat sukarela serta kelonggaran diberikan kepada pengetua dan guru besar sekolah untuk melaksanakan aktiviti itu di luar hari bekerja tidak melebihi dua kali dalam sebulan;
- (iii) walau bagaimanapun, waktu bekerja bagi pengetua dan guru besar akan dipinda berdasarkan pemanjangan waktu bekerja seperti dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13/2005; dan
- (iv) waktu bekerja kakitangan sokongan adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13/2005.

Walaupun bagaimanapun, ketua jabatan boleh menentukan masa bekerja mereka mengikut keperluan jabatan. Hingga hari ini, walaupun pelaksanaan bekerja lima hari seminggu telah berjalan hampir dua bulan, semua aktiviti yang dirancang oleh Kementerian berjalan seperti biasa. Sehubungan itu juga KPM sedia menerima pandangan daripada pelbagai pihak mengenai dengan pelaksanaan aktiviti kokurikulum pada tahun 2006.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan atau singkatannya, RIMUP, izinkan saya menjawab pertanyaan itu bersama-sama dengan pertanyaan Yang Berhormat bagi Gopeng pada 12 Oktober 2005 dan Yang Berhormat bagi Penampang pada 26 Oktober 2005.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih. Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan mempunyai empat objektif utama iaitu:

- (i) menggalakkan penyertaan masyarakat setempat, para guru dan murid serta warga sekolah bagi peringkat sekolah rendah hingga sekolah menengah dalam kegiatan khas secara bersama;
- (ii) mewujudkan sikap kerjasama, tolong-menolong;
- (iii) melahirkan persefahaman dan toleransi;
- (iv) berkongsi kemudahan peralatan, tenaga dan kepakaran untuk menjayakan kegiatan-kegiatan khas secara bersama-sama.

Program RIMUP yang menggalakkan penyertaan murid dan masyarakat setempat daripada pelbagai kaum dapat dilaksanakan melalui kegiatan-kegiatan khas seperti aktiviti sukan dan permainan, perayaan dan perhimpunan serta aktiviti khidmat masyarakat.

Kementerian Pelajaran berkeyakinan program RIMUP dapat membantu usaha untuk menggerakkan perpaduan kaum kerana program-program yang dijalankan menggalakkan penglibatan masyarakat setempat, para guru dan murid-murid dalam kegiatan-kegiatan khas serta penggunaan bersama kemudahan peralatan penggembangan tenaga dan kepakaran masyarakat pelbagai kaum secara bersama. Dengan adanya persefahaman dan berbaik sangka antara murid pelbagai kaum, maka akan timbul suasana hormat-menghormati terhadap agama, budaya dan adat resam di kalangan rakyat pelbagai kaum.

Kementerian Pelajaran menaruh keyakinan yang tinggi bahawa pelaksanaan RIMUP di semua sekolah tempat membantu merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan rakyat Malaysia hidup bersatu-padu dan harmonis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa untuk soal jawab cukup.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

Bangunan Sekolah Tidak Selamat – Tindakan Memperbaiki

11.00 pagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membawa usul tergepar di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) mengenai perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu mengenai isu bangunan sekolah yang tidak selamat dan yang telah mengorbankan nyawa seorang guru. Usul saya adalah seperti berikut:

Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18, Dewan Ini memberi laluan kepada Ahli Parlimen Bukit Mertajam Puan Chong Eng menangguhkan Majlis Mesyuarat untuk membawa satu usul yang mengenai perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai, yang berkehendak disegerakan iaitu bangunan sekolah yang tidak selamat yang mengorbankan nyawa seorang guru. Kematian Cikgu Chan Boon Heng kerana terjatuh akibat terpijak lantai reput di SRJK(C) Keat Hwa (K) Alor Star pada 11 September 2005 baru-baru ini amat menyedihkan semua termasuk menteri-menteri Kabinet. Saya menyambut baik pengumuman Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 14 September yang mengatakan Kabinet telah bersetuju untuk meluluskan peruntukan untuk memperbaiki dan membina semula bangunan sekolah yang tidak selamat digunakan lagi.

Menteri Pelajaran pada 13 September mengatakan setakat Jun 2004 terdapat 48 buah sekolah rendah dan 18 sekolah menengah menghadapi masalah di mana sebahagian daripada bangunannya telah dikenal pasti tidak selamat digunakan lagi. Di antaranya ialah 39 sekolah kebangsaan, 7 SRJK(C) dan 2 SRJK(T). Angka Menteri Pelajaran ini jauh lebih rendah daripada angka yang dikumpul oleh Sin Chew Daily yang mendapati lebih kurang 40 buah SRJK(C) seluruh negara yang menghadapi ancaman anai-anai. Menteri Kerja Raya pada 23 Julai 2005 mengatakan terdapat 110 buah SRJK(T) yang usang berada dalam serba kekurangan dan tidak sesuai diguna lagi. Beliau meminta kerajaan membina semula sekolah-sekolah ini. Walaupun Kabinet telah memutuskan untuk memberi peruntukan untuk mengatasi masalah bangunan sekolah yang tidak selamat, tetapi langkah ini sahaja tidak akan menyelesaikan semua masalah. Perkara ini merupakan perkara tertentu membabitkan keselamatan berpuluh-puluh ribu nyawa murid dan guru, kepentingan orang ramai dan perlu disegerakan. Saya berpendapat Kementerian Pelajaran harus mendengar pandangan dan cadangan orang ramai termasuk Yang Berhormat-Yang Berhormat ahli Parlimen supaya kita dapat menangani masalah keselamatan pelajar dan guru dengan lebih cekap lagi sebelum terlewat. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Bukit Mertajam pada 16 September 2005 lalu. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu, syarat yang kedua ialah bagi kepentingan orang ramai dan syarat ketiga ialah dia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu. Perkara ini adalah bagi kepentingan orang ramai, akan tetapi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Ahli-ahli Yang Berhormat, kes kemalangan yang berlaku ke atas mendiang guru SRJK(C) Keat Hwa K adalah merupakan satu kejadian luar jangkaan yang amat mendukacitakan dan semua pihak sangat bersimpati. Sejurus selepas kejadian malang itu, Kementerian Pelajaran telah dengan serta-merta menyalurkan peruntukan sebanyak RM50,000 bagi membolehkan kerja-kerja baik pulih bangunan dilaksanakan dengan segera.

Perkara ini juga telah dibangkitkan dalam mesyuarat Kabinet di mana kerajaan bersetuju untuk memberi bantuan khas kepada Kementerian Pelajaran untuk tujuan membaik pulih bangunan sekolah yang usang termasuk sekolah bantuan modal. Kementerian Pelajaran telah dan akan terus mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah bangunan sekolah-sekolah yang lain bagi memastikan keselamatan guru dan pelajar terjamin.

Saya juga dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran sedang mengambil usaha untuk mengemaskinikan maklumat mengenai sekolah-sekolah yang mempunyai bangunan yang usang. Memandangkan langkah telah diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk perkara yang dibangkitkan itu, saya menolak usul itu di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA MASUK KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN (TEMPATAN)(PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pinjaman (Tempatan) 1959; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2005) 2005

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2005 dan bagi memperuntukkan sejumlah wang itu untuk maksud-maksud tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG-UNDANG-UNDANG

RANG-UNDANG-UNDANG BANK DAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sila.

11.18 pagi.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon untuk membentangkan Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2005.

Di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 atau pun Akta PIDM, tanggungjawab melaksanakan sistem insurans deposit diberikan kepada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) atau Malaysia Deposit Insurance Corporation, suatu pertubuhan perbadanan baru. Walau bagaimanapun, Bank Negara Malaysia akan terus dipertanggungjawabkan sebagai pengawal selia utama sistem perbankan. Susulan Dewan yang mulia ini telah meluluskan Akta PIDM pada sesi yang lepas, rang undang-undang ini dicadangkan sebagai pindaan berbangkit bagi melicinkan pelaksanaan sistem insurans deposit di Malaysia dan memastikan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 yang diluluskan oleh Parlimen dapat beroperasi dengan berkesan.

Pindaan kepada Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 akan dapat memperkukuhkan lagi rangka kerja yang sedia ada bagi mempertingkatkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan negara melalui perlindungan explicit yang disediakan untuk pendeposit.

Di bawah Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2005 beberapa peruntukan baru telah dibuat seperti berikut:

- (a) suatu peruntukan yang menyifatkan suatu bank berlesen atau suatu syarikat kewangan berlesen sebagai suatu institusi anggota di bawah Akta PIDM;
- (b) memperuntukkan suatu alasan baru bagi Menteri Kewangan untuk membatalkan lesen suatu bank berlesen atau suatu syarikat kewangan berlesen yang telah berhenti menjadi suatu institusi anggota di bawah Akta PIDM;
- (c) membenarkan mana-mana orang yang memperoleh atau melupuskan apa-apa kepentingan dalam share sesuatu institusi berlesen di bawah Akta PIDM;
- (d) membenarkan mana-mana orang untuk memegang apa-apa kepentingan dalam share suatu institusi berlesen menurut Akta PIDM;
- (e) mengecualikan pemakaian subseksyen 49(9) Akta Bank dan Institusi Kewangan ke atas mana-mana orang yang mengadakan suatu perjanjian atau perkiraan di bawah Akta PIDM;
- (f) memperuntukkan Bank Negara Malaysia kuasa tambahan untuk memeriksa institusi berlesen yang juga adalah institusi anggota di bawah Akta PIDM;
- (g) membenarkan kesemua deposit suatu institusi berlesen di Malaysia diutamakan mengatasi liability tidak bercagar lain, institusi berlesen itu di Malaysia; dan
- (h) membenarkan apa-apa pendedahan akaun dan hal ehwal pelanggan oleh sesuatu bank berlesen ataupun suatu syarikat kewangan berlesen kepada mana-mana pengarah, pegawai, pekerja atau ejen Perbadanan Insurans Deposit Malaysia di bawah Akta PIDM.

Sehubungan dengan itu sebanyak 10 fasal telah digubal di bawah rang undang-undang ini seperti berikut:

Fasal 1 - mengandungi tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 - bertujuan untuk meminda Seksyen 4, Akta ABIK ataupun Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan dengan menomborkan semula Seksyen 4 sebagai subseksyen 4(1) dan memasukkan sesuatu peruntukan yang menyifatkan suatu bank berlesen atau suatu syarikat kewangan berlesen sebagai suatu institusi anggota di bawah Akta PIDM.

Fasal 3 - bertujuan untuk meminda Seksyen 7 ABIK untuk memberi kuasa kepada menteri, untuk menamatkan lesen suatu bank berlesen atau suatu syarikat kewangan berlesen jika bank berlesen atau syarikat kewangan berlesen berkenaan telah terhenti menjadi suatu institusi anggota di bawah Akta PIDM.

Fasal 4 - bertujuan untuk meminda Seksyen 45 ABIK untuk membenarkan mana-mana orang untuk memperoleh atau melupuskan mana-mana kepentingan di dalam *share* suatu institusi anggota di bawah Akta PIDM.

Fasal 5 - bertujuan untuk meminda Seksyen 46 ABIK untuk membenarkan mana-mana orang memegang kepentingan dalam *share* suatu institusi anggota di bawah Akta PIDM .

Fasal 6 - bertujuan untuk meminda Seksyen 49 ABIK untuk mengecualikan pemakaian Seksyen 49(9) kepada mana-mana orang yang menjalankan apa-apa perjanjian atau perkiraan di bawah Akta PIDM.

Fasal 7 - bertujuan meminda Seksyen 69 ABIK untuk memperuntukkan bank dan kuasa tambahan untuk memeriksa institusi berlesen yang berkenaan suatu institusi anggota di bawah Akta PIDM.

Fasal 8 - bertujuan meminda Seksyen 81 ABIK untuk menggantikan peruntukan dalam subseksyen (1) bagi membenarkan semua deposit suatu institusi berlesen di Malaysia mendahului semua liabiliti tidak bercagar lain institusi itu di Malaysia.

Fasal 9 - bertujuan untuk memasukkan Seksyen 98(A) baru untuk membenarkan mana-mana pendedahan akaun dan hal ehwal pelanggan oleh suatu bank berlesen atau suatu syarikat kewangan berlesen kepada perbadanan insurans deposit Malaysia, pengarah, pegawai, pekerja atau ejen perbadanan insurans deposit Malaysia di bawah Akta PIDM.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memohon supaya Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2005 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan Dewan yang mulia ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri. Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis adalah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan tahun 1989 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Bagan, silakan.

11.26 pagi.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengambil kesempatan untuk membahas rang undang-undang iaitu suatu akta untuk meminda Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa kekeliruan dan pertanyaan yang hendak dikemukakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk diperjelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, kad kredit yang dianjurkan atau dikendalikan oleh institusi-institusi kewangan sekiranya bayaran balik hutang kad kredit, walaupun satu hari institusi kewangan mengenakan *late payment charge* RM5, selain daripada *interests* yang dikenakan. Saya mendapati bahawa syarikat *life insurance* iaitu insurans nyawa, mereka boleh membenarkan pelanggan-pelanggan mereka mendapat satu bulan *grace period* untuk membayar yuran insurans mereka, dan mengapa syarikat insurans nyawa ini boleh memberi satu bulan *grace period* tanpa dikenakan apa-apa *late payment charge* atau bunga atau *interests*? Bank pada masa sekarang kebanyakan telah memotong perbelanjaan dan pengurusan, iaitu *cut cost* dengan *automation* dan staf mereka pun banyak telah diberhentikan dan sepatutnya mereka boleh memberi *grace period* untuk dibayar balik bayaran kad kredit.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ini oleh kerana ada banyak *competition* antara bank-bank, maka mereka boleh juga memberi *waving the annual fee*, iaitu mengecualikan bayaran tahunan, sekiranya kad kredit biasa mungkin 40 ringgit atau 60 ringgit satu tahun atau kad gold atau emas, mungkin 170 dan platinum mahal lagi.

Sekiranya kami pergi ke pusat-pusat perniagaan di mana ada ramai pelanggan bertumpu di sana, didapati ada syarikat-syarikat bank cuba membenarkan dan mempelawa pelanggan-pelanggan untuk mendapatkan kad kredit daripada bank-bank mereka, dan mereka boleh mengecualikan bayaran *annual fee* seumur hidup, dan juga kalau katakan kami pergi ke sebuah institusi kewangan untuk mendapat satu *loan* atau *housing loan* atau *loan* perniagaan, mereka juga boleh menawarkan kad kredit tanpa bayaran *annual fee*, mengapa ada *double standard* di sini? Di mana kebanyakan mereka yang dapat kad kredit ini mungkin lima tahun, sepuluh tahun dahulu - pelanggan-pelanggan seperti ini.

Sekiranya sayalah contoh kalau saya pada 5 tahun atau 10 tahun dahulu dapat sebuah atau sekeping kad kredit dan saya pada masa sekarang tiap-tiap tahun kena bayar kad *annual fee* dan sekarang ada tawaran baru untuk saya mendapat kad kredit di mana saya tidak perlu bayar *annual fee* pasti saya akan memberhentikan kad kredit pertama itu.

Tetapi masalahnya ialah apabila kita menjadi seorang pelanggan dalam sesebuah bank itu kita telah membina satu pertalian atau persahabatan yang rapat dan kita tidak suka sahaja tukar bank hari ini bulan ini tukar ini bank bulan depan tukar lagi satu bank. Jadi inilah tidak adil kepada pelanggan-pelanggan yang setia kepada sesebuah bank itu. Saya berharaplah Bank Negara boleh atau kementerian boleh menyelaraskan mengapa terdapat perbezaan di antara bank-bank atau di mana-mana kad kredit yang dikendalikan.

Tuan Yang di-Pertua, juga saya hendak membangkitkan pada masa dahulu apabila kami menulis sekeping cek untuk ditunaikan di kaunter-kaunter bank, kita tidak kena apa-apa bayaran tetapi pada masa sekarang sekiranya kami tulis sekeping cek untuk ditunaikan di kaunter-kaunter bank oleh pihak kedua bukan oleh saya sendiri, oleh pihak kedua maka dikenakan caj RM2 itu lagi satu caj. Jadi saya rasa ini semua tidak adil dan tidak patut dikutip dan syarikat-syarikat perbankan ini cuma hendak mengaut keuntungan atau juga hendak cari jalan-jalan yang boleh dapat lebih keuntungannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada dua minggu yang dahulu, satu pengumuman telah diumumkan oleh pihak kementerian bahawa semua bank perlu dapat insurans daripada yang PIDM ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Adakah Yang Berhormat sebelum kita memindakan sebelum rang undang-undang ini diluluskan oleh Dewan ini maka satu pengumuman telah dibuat dan ramai pelanggan-pelanggan keliru, mereka kata sebab ini adalah laporan surat khabar di mana had amaun yang ditanggung oleh bank untuk individual pendeposit-pendeposit adalah RM60 ribu dan mereka tertanya-tanya kepada saya, kalau saya ada RM100 ribu dalam bank kalau bank itu bankrap maka saya akan dapat RM60 ribu sahajakah?

Saya harap itu bukanlah sebenarnya sebab sekiranya ada had tanggungan RM60 ribu maka semua orang akan lari akan membawa deposit-deposit mereka itu lari dari bank-bank yang berkenaan satu penjelasan perlu diberi.

Tuan Yang di-Pertua seksyen 9, pendedahan bagi memudahkan pelaksanaan fungsi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Ini memberi satu kuasa kepada bank-bank supaya mendedahkan maklumat-maklumat kepada - sini bahaya ini - kepada mana-mana pengarah, pegawai, pekerja atau agen perbadanan. Pekerja pun boleh dapat maklumat, ejen perbadanan pun boleh dapat maklumat, bukan selama-lama ini kita mempraktikkan kerahsiaan perbankan.

Banking secrecy, kerahsiaan bank tidak boleh didedahkan tetapi dengan seksyen baru 98A ini maka bank ada kuasa, bank terpaksa bukan ada kuasa, bank terpaksa mendedahkan maklumat-maklumat kepada pengarah, pegawai, pekerja atau agen perbadanan. Ini memang satu tindakan yang boleh memburukkan imej-imej bank. Pada masa ini sekiranya hendak mendapat satu-satu maklumat dari bank, mereka perlu pergi ke mahkamah untuk mendapat satu perintah mahkamah sebelum bank boleh mendedahkan walaupun pendeposit itu jumlahnya kecil.

Misalnya, saya pernah menghadapi masalah di mana ada seorang ahli keluarga mati dan keluarganya ahli keluarga lain tidak tahu ketahu berapa ada si mati ini simpan dalam bank dan kami pergi bank tanya dia kata amaun itu memang kecil tetapi berapa saya tidak boleh beritahu dan kemudiannya mereka perlu pergi ke mahkamah untuk mendapat satu perintah atau melalui pusaka kecil, tuntutan pusaka kecil untuk mendapat satu kuasa untuk mendapat balik deposit ini dan akhirnya mereka mendapat jumlah berapa ratus ringgit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua di bawah PIDM ini, semua institusi perbankan, institusi-institusi kewangan perlu mendapat perlindungan dari pihak PIDM ini.

Saya ingin menanya berapa banyakkah yuran atau perolehan setahun boleh dikutip oleh institusi ini iaitu PIDM ini kerana saya pastilah amaun ini agak besar. Tuan Yang di-Pertua saya juga mendapat satu maklumat di mana saya perlu menanya kepada pihak kementerian bahawa Public Bank juga ada memotong RM5 dari *current account holder* sekiranya *balancenya* kurang dari RM5 ribu kalau mereka ada kurang RM5 ribu dari

bank itu maka mereka kena potong RM5 sebagai satu tanda dendakah penaltikah apa itu tidak diketahuilah.

Saya agak kelirulah bank-bank di negara kita ini atau institusi-institusi kewangan di negara kita ini mereka suka-suka menciptakan satu *regulation* atau satu peraturan dengan sewenang-wenangnya sama ada peraturan-peraturan hendak mendapat lebih kewangan ini atau keuntungan ini dapat kebenaran dari Bank Negara atau dari kementerian dan bukan kalau sekiranya trend ini dibenarkan maka berlaku lah kekeliruan di antara masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menanya tahu berkenaan dengan syiling RM1 ini dan pada akhir tahun ini syiling RM1 ini tidak boleh di sah laku untuk selamalamanya dan perkara ini mengapa ada satu keputusan seperti ini, bukankah pada masa dahulu apabila syiling ini diperkenalkan kita membangga-banggakan, kata kitalah adalah satu negara yang menciptakan satu *gold coin* tetapi pada masa ini semua boleh dijadikan *scrap iron* sahaja.

Mengapa ia perlu dibatalkan penggunaannya dan kepada mereka seperti *car parking machine* di mana perlu memasukkan syiling RM1 supaya dapat dibuka *gate* untuk keluar mereka memerlukan duit syiling ini tetapi dengan pembatalan duit syiling ini adakah *machines* mereka ini kena dijadikan *scrap iron* juga dan kepada ramai juga orang-orang yang kurang membaca surat khabar, kurang mendengar radio dan menonton televisyen-televisyen saya agak mereka ini ada banyak simpan duit-duit syiling ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat ada cucu simpan duit syiling juga kah?

Tuan Lim Hock Seng: Ada, ada. Bawa satu patung, tiap-tiap hari mereka akan menandatangani duit syiling. Bukan seringgit sahaja lima puluh sen pun ada wang dalam dan mereka ini tidak ada pengetahuan berkenaan pengumuman ini. Adakah selepas tempoh seperti yang diumumkan ditamatkan, maka wang syiling ini semua akan jadi *scrap iron*. Itulah satu masalah dan saya agak.....

Cik Fong Po Kuan: [Bangun]

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua orang bangun, Yang Berhormat, hendak bagi yang mana?

Tuan Lim Hock Seng:dari segi ini mungkin banyak diamal, banyak sekali dalam masyarakat-masyarakat kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua orang bangun, Yang Berhormat, hendak bagi yang mana?

Tuan Lim Hock Seng: Saya beri kepada sebelah sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Batu Gajah. Silakan.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih, Yang Berhormat Bagan. Apakah Yang Berhormat Bagan sedar, bahawa sebelum pengumuman dibuat oleh Bank Negara telah ada khabar angin lebih awal, kebocoran maklumat bahawa duit syiling satu ringgit ini akan dibatalkan. Ini telah menimbulkan pelbagai masalah dan kekeliruan tambahan juga pergaduhan. Sebab ada kes di mana di pasar sebelum Bank Negara mengesahkan akan ditarik balik, surat khabar telah laporkan kerana kononnya lepas itu kata ia adalah khabar angin. Bila mereka tanya bank, bank kata kami tidak terima apa-apa, tiada arahan dan di pasar kelim kabut sekali.

Yang Berhormat Bagan sedar atau tidak, ada penjual sayur itu dia kata pembeli sayur itu hendak bayar saya satu ringgit, satu ringgit saya tidak boleh tidak terima. Kalau tidak terima mereka tidak hendak beli sayur dari saya tetapi bila saya bayar balik untuk tukar balik bagi syiling dia, syiling satu ringgit *customer* tidak hendak. Jadi, khabar angin telah menjadi realiti. Apakah masalah di dalam Bank Negara ini? Kebocoran maklumat.

Tuan Lim Hock Seng: Memang benar, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ini saya pun didatangi ramai penduduk-penduduk berkata, "*Eh! Adakah benar ini duit syiling tidak laku lagi?*". Saya cakap merepek sahajalah sebab tidak boleh fikir, tidak masuk akal, mengapa duit syiling ini hendak dibatalkan kegunaannya dan ini menimbulkan satu keadaan malu kepada saya juga selepas Kementerian atau kerajaan mengumumkan bahawa duit syiling ini tidak boleh disah laku.

Ini memang berlaku sebelum pengumuman dan bukan semua khabar-khabar angin tidak benar, khabar-khabar angin pun boleh menjadi kebenaran seperti ada orang kata, "*Eh! Malam ini petrol price akan meningkat sepuluh sen atau dua puluh sen.*" Saya cakap, tidak mungkinlah baru sahaja, dua bulan dahulu baru naik harga sekarang hendak naik harga lagi ke? Ha! Betul-betul malam ini sudah naik harga. Jadi, pada masa sekarang bukan semua khabar-khabar angin tidak benar mesti ada pihak-pihak tertentu mendapat *first-hand knowledge* atau mereka mendapat maklumat-maklumat awal dan disebarkan seperti ini.

Saya berharaplah bank boleh menerima penukaran duit syiling ini tanpa mengenakan caj lagi kerana kalau saya bawa satu guni duit syiling pergi ke bank, "*Ha! Ini saya ada dua ribu, tiga ribu duit syiling saya mahu tukar wang ringgit.*" Dia kata, "*Oh! banyak macam ini saya kena kira, saya kena caj nanti.*" Itu tidak patutlah sebab tempohnya agak pendek untuk ditukar, saya memberi peluang kepada Pendang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pendang, sila.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Bagan. Soalan saya lebih kurang sama dengan Batu Gajah tadi juga [*Ketawa*] tetapi apa yang hendak saya kemukakan di sini adalah walaupun tarikh akhir adalah pada, tidak silap saya ialah 7 Disember, tetapi sekarang ini banyak kedai-kedai ataupun pekedai yang tidak mahu menerima wang syiling satu ringgit ini. Apakah Yang Berhormat daripada Bagan bersetuju bahawasanya perlukah kita menetapkan sesuatu tarikh itu terhadap tidak sah nilai sesuatu duit ringgit itu? Sebab bila kita meletakkan tarikh begitu maknanya orang pekedai ini dia tidak mahu lagi terima duit syiling dan berlaku macam Batu Gajah kata tadi pergaduhan di antara pekedai dengan pembeli. Setujukah Yang Berhormat?

Tuan Lim Hock Seng: Memang perkara ini berlaku bukan pada dekat-dekat dengan tempoh habis itu tetapi masa sekarang sudah berlaku. Ada juga penjaja-penjaja dan pekedai-pekedai, mereka enggan menerima duit syiling ini dan ini senang dijawab oleh kerajaan sahaja. Kerajaan hanya membuat satu kenyataan, "*Oh! Pada masa ini duit syiling masih sah laku, siapa-siapa yang enggan menerima adalah satu kesalahan.*" Dia boleh membuat pengumuman ini tetapi dipraktisnya, sebenarnya di bawah syarikat memang dia berlaku. Jadi saya berharap kerajaan pun boleh menimbangkan satu strategi yang berkesan di mana kekeliruan dan pergaduhan atau salah faham ini tidak berlaku di kalangan masyarakat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bagan, Bukit Mertajam. Bukit Mertajam minat duit syiling juga?

Puan Chong Eng: Penjelasan sahaja. Tuan Yang di-Pertua, ada penjaja yang datang untuk pesan supaya membawa perkara ini kerana kepada mereka yang umpamanya yang jual surat khabar, yang satu surat khabar senaskhah hanya satu ringgit. Kalau syiling yang dia terima itu adalah palsu, ia bukan sahaja terdapat satu ringgit. Dia pergi ke bank, bank kata tidak boleh tunaikan syiling itu, jadi dia akan rugi.

Yang penjual mee itu, mungkin semangkuk mee dua ringgit, kalau dia terima duit palsu macam mana dia akan dapat wang itu. Jadi, kerajaan mesti faham kepada penjaja-penjaja kecil ini. Mereka tidak boleh terima kerana mereka tidak mampu untuk menanggung kalau duit syiling itu adalah palsu. Saya rasa adalah lebih baik kerajaan mengatakan bahawa semua syiling ini ditukar di bank, tidak payah menyusahkan penjaja-penjaja seperti ini. Adakah Yang Berhormat bagi Bagan setuju? Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Memang perkara ini benar-benar berlaku di pasaran dan pada masa-masa dahulu kami pun telah membaca dalam surat khabar di mana ada pemalsuan syiling-syiling berlaku iaitu laporan berbunyi di sekian-sekian kilang terdapat

mesin untuk membuat duit syiling palsu ini. Dan syiling palsu berjumlah sekian banyak pun telah dirampas tetapi selepas itu tiada keputusan lagi, tiada dengar bahawa orang-orang yang bertanggungjawab ini telah dicaj dalam mahkamah atau orang-orang tertentu ini telah dikenakan apa-apa sekatan atau halangan. Jadi ini memang berlaku.

Kita terdengar ada juga pemalsuan wang ringgit lima puluh. Takkan kata kerana ada pemalsuan wang ringgit lima puluh maka wang ringgit lima puluh itu akan dibatalkan sah lakunya dan ditukar kepada sejenis wang kertas yang baru. Saya berharaplah bukan kerana kerajaan hendak mengelakkan pemalsuan syiling-syiling ini dan kerana wang syiling ini memang pun juga banyak tersebar saya kira dalam masyarakat-masyarakat ini.

Akhirnya, saya berkatalah memberi tempoh yang lebih panjang supaya membenarkan mereka yang memiliki duit syiling ini dapat peluang untuk menukarkan kepada wang ringgit yang lain. Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tanjong.

11.59 pagi.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sukacita saya mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989. Sebagai permulaan saya ingin Kementerian memberi jawapan kepada Fasa 3 yang bertujuan untuk meminda Seksyen 7 bagi yang memberi kuasa kepada Menteri membatalkan lesen suatu bank berlesen atau syarikat kewangan berlesen. Jika bank berlesen atau syarikat kewangan berlesen itu telah terhenti menjadi satu institusi anggota di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 ini.

Saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, bagaimana ini boleh berlaku? Dalam keadaan mana ia boleh berlaku di mana bank dan institusi kewangan itu terhenti menjadi satu anggota di bawah Pindaan Insurans Deposit Malaysia itu. Sebab memangnya Akta Pindaan Insurans Deposit Malaysia mewajibkan semua bank dan institusi kewangan menjadi anggota kepada Pindaan Insurans Deposit Malaysia itu. Dan bagaimana boleh terjadi sesebuah bank atau institusi kewangan boleh terhentinya menjadi anggota kepada Pindaan Insurans Deposit Malaysia itu.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini memberi maklum balas kepada pihak kerajaan sebab selepasnya Pindaan Insurans Deposit Malaysia ini ditubuhkan dengan sahnya pada 1 September lalu, terdapat pelbagai reaksi daripada rakyat berhubung dengan limit RM60 ribu bagi satu pendeposit dalam satu buah institusi. Di mana perlindungan ini akan diberikan mengehadkan dengan batasannya RM60 ribu satu pendeposit dalam satu institusi di mana alasan yang digunakan adalah hak limit ini sudah memadai dan mencukupi dan merupakan ia boleh memberi perlindungan kepada hampir 95% kepada semua deposit dalam sistem bank dan institusi kewangan kita.

Tetapi saya ingin pihak kerajaan, kementerian dan juga perbadanan ini mengulang kaji keputusan ini untuk mengehadkan kepada RM60 ribu satu pendeposit dalam sebuah institusi kewangan. Sebab walaupun ia dikatakan merangkumi 95% pendeposit dalam sistem bank kita, tetapi ada RM60 ribu bagi nilai mereka ataupun nilai deposit bagi 95% pendeposit ini cuma 35% sahaja.

Dan, nampaknya 65% nilai dalam sistem bank dan institusi kewangan ini tidak akan mendapat perlindungan dalam perbadanan insurans pendeposit Malaysia ini dan ini akan menjadi satu masalah yang amat besar dan ini tidak secocok dengan jaminan-jaminan oleh perbadanan ini bahawa *that is the certainty payment* kalau berlaku bankrap satu-satu bank atau institusi kewangan nampaknya bukanlah ada *certainty of payment* sebab memangnya dari segi nilai dalam seluruh sistem bank 65% tidak dapat diberi perlindungan insurans deposit ini. Jadi, saya berharap kementerian dan juga perbadanan ini jangan menggunakan alasan ini untuk mengehadkan kepada RM60 ribu satu pendeposit dalam satu institusi bank.

Jika, kementerian ataupun kerajaan juga dalam masa yang sama membenarkan akaun-akaun Islamic banking, satu kategori yang lain untuk mendapat perlindungan, saya tidak nampak mengapa pendeposit-pendeposit yang mempunyai caruman yang melebihi had ini tidak juga boleh diambil kira oleh perbadanan dan Bank Negara. Kita nampak

dalam akaun *Islamic banking* dibenarkan untuk mendapat perlindungan yang lebih iaitu *another* RM60 ribu.

Jadi ini bermakna bahawa sekiranya orang yang mempunyai simpanan melebihi RM60 ribu ini kalau ingin mendapat perlindungan perlunya membuka satu akaun *Islamic banking*. Saya tidak menyoalkan kebaikan ataupun usaha untuk memajukan *Islamic banking* di dalam negara ini tetapi nampaknya tindakan semacam ini merupakan satu diskriminasi kepada pendeposit-pendeposit yang kemungkinan tidak mahu membuka satu *Islamic banking account* tetapi juga wang caruman mereka dilindungi seratus peratus dan bukan had kepada RM60 ribu sahaja.

Memangnya statistik ini menunjukkan 65% dari caruman rakyat dalam sistem bank dan institusi kewangan tidak dilindungi dalam penggubalan perbadanan insurans deposit ini yang saya rasa ini haruslah, ini tidak adil langsung dan juga menimbulkan banyak masalah.

Saya juga tidak dapat terima alasan oleh Chief Executive Officer perbadanan ini bahawa pencarum yang mempunyai wang simpanan yang melebihi RM60 ribu ini janganlah simpan wang mereka di dalam satu institusi kewangan sahaja. Mereka ada pilihan untuk memilih mana-mana 32 buah bank dan institusi kewangan di dalam negara ini untuk mencarum wang mereka dan ini kalau mereka buat ini iaitu menyimpan RM60 ribu di dalam setiap 32 bank dan institusi kewangan ini, perlindungan ini akan capai sehingga RM2.64 juta. Alasan yang digunakan oleh Chief Executive Officer ini sendirinya dia tidak yakin bahawa pendeposit akan buat demikian. Kalau sendirinya tidak yakin pendeposit boleh buat begitu janganlah menggunakan ini alasan bagaimana perbadanan ini menetapkan hak limit RM60 ribu ini.

Jadi, secara logiknya, ini tidak dapat diterima dan saya berharap perbadanan ini mengambil pendekatan untuk mengkaji semula had maksimum ini. Kita nampak perbadanan ini menggunakan perbandingan dengan negara-negara yang lain selalunya kita mewar-warkan bahawa kita akan menjadi sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020 tetapi selalunya ingin buat perbandingan mereka tidak akan menggunakan contoh di negara maju. Apakah yang digunakan adalah negara yang lebih mundur dari negara Malaysia seperti Indonesia, Filipina bahawa maksimum yang dipakai di dalam negara-negara seperti ini juga lebih kurang RM60 ribu sahaja.

Mengapa tidak banding dengan negara-negara maju seperti United States of America yang mengehadkan sehingga USD100 ribu. Nampaknya ini kalau boleh dibuat di setengah-setengah negara yang mengamalkan *insurance deposit* ini untuk beberapa dekad, mengapa tidak Bank Negara dan perbadanan ini menggunakan contoh-contoh seperti ini di mana sistem yang diamalkan oleh negara-negara maju ini lebih mantap, lebih lama digunakan dan membuktikan kejayaan mereka. Saya rasa ada perlunya perbadanan dan juga Bank Negara mengkaji semula had ini.

Saya juga Tuan Yang Di Pertua ingin menyoalkan sama ada dalam peringkat awal ini tadi Yang Berhormat Bagan juga ada menyebut berapakah premium yang akan dikutip oleh perbadanan, saya rasa dalam kenyataan akhbar, perbadanan ini berkata bahawa dalam permulaan ini akan dapat RM30 atau RM35 juta setahun dan saya ingin tahu sama ada dalam peringkat awal ini jika berlakunya masalah bank atau institusi kewangan, saya rasa jumlah yang dikutip oleh Perbadanan ini tidak akan mencukupi.

Saya juga ingin tahu bahawa sama ada wang yang dikutip oleh perbadanan ini dari ubahnya perbadanan ini sehingga 10 – 20 tahun yang akan datang ini bagaimana perbadanan ini akan menguruskan dana ini. Sama ada ia juga *direinsured* oleh syarikat-syarikat insurans yang lain untuk menjaga Perbadanan Insurans Deposit ini. Saya berharap bahawa Kementerian akan memberi penjelasan kepada perkara ini. Saya juga ingin mendapat tindak balas dari Kementerian bahawa kalaulah di kalangan orang yang mempunyai caruman yang melebihi RM60 ribu mereka memahami bahawa premium akan ditanggung oleh bank atau institusi kewangan tetapi dengan hadnya RM60 ribu. Tetapi, orang yang mempunyai simpanan yang melebihi ini akan menjadi kluatir dan bimbang terhadap simpanan mereka.

Adakah bank ataupun perbadanan ini boleh mengkaji bahawa sekiranya pendeposit-pendeposit yang mempunyai caruman yang melebihi had ini dengan

sukarelanya ingin membayar premium untuk menjaga simpanan mereka sama ada perkara ini dapat dipertimbangkan oleh perbadanan, iaitu dengan sukarelanya kalau mereka mempunyai RM120 ribu dalam simpanan, bolehkah mereka dengan sukarela membayar *additional to* apa yang dilindungi oleh perbadanan ini, mereka membayar premium dengan sendirinya. Saya juga berharap bahawa sebagai memberi keyakinan kepada sistem perbankan negara ini dengan pengumuman perbadanan ini dan juga *announcement* terhadap *limit RM60 thousand* ini pelbagai reaksi telah diketengahkan.

Ada pihak yang ingin tahu sama ada Bank Negara akan sebagai satu usaha untuk meyakinkan pendeposit sama ada *Statutory Reserve Requirement* (SRR) dalam bank yang sedia ada akan dinaikkan sebab kita tidak ingin melihat satu keadaan di mana kita *react to a bank's collapse* dengan wujudnya perbadanan ini tetapi apa yang lebih penting adalah memastikan semua institusi bank dan kewangan ini dalam operasinya adanya pengawalan oleh bank negara dan bukan selepas tubuhnya perbadanan ini ada anggapan bahawa Bank Negara sudah melepaskan tangan dari sebagai satu institusi *lender of last resort* tetapi masih memainkan peranan untuk mengawal operasi kesemua bank dan institusi kewangan ini. Dalam arah ini saya ingin tahu sama ada SRR ini akan dinaikkan sebab ini akan memberi jaminan dan perlindungan yang sukar dilihat oleh pendeposit-pendeposit. Saya juga berharap bahawa bagaimana Bank Negara dapat meyakinkan bahawa mereka tidak menggugurkan peranan mereka sebagai *lender of last resort* dengan tubuhnya perbadanan deposit insurans ini.

Akhirnya saya berharap apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Bagan berhubung dengan Fasal 9 iaitu pendedahan akaun dan hal ehwal pelanggan oleh satu bank berlesen kepada PIDM, pengarah, pegawai, pekerja ataupun agen mereka dapat diambil perhatian. Sebab ini memangnya tidak selaras dengan sistem kesulitan bank ataupun maklumat pelanggan-pelanggan. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian.

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong.

12.04 tgh.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan satu akta Bank dan Institusi pindaan 2005. Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana memperkenalkan suatu akta iaitu Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) di mana secara langsung ini telah memberikan satu keyakinan kepada semua rakyat Malaysia ataupun pendeposit-pendeposit dalam dan luar negara bahawa deposit ataupun simpanan mereka di dalam sistem perbankan negara kita ini dapat jaminan yang baik dan seterusnya meningkatkan lagi pendekatan keyakinan terhadap sistem kita. Tetapi pada masa yang sama selepas perbahasan mengenai akta PIDM ini, maka saya juga mendapat banyak maklumat ataupun maklum balas mengenai keberkesanan akta ini dilaksanakan ataupun diimplementasikan pada masa yang akan datang.

Banyak persoalan masih menimbulkan banyak kekeliruan di antara semua pendeposit yang telah pun sedikit sebanyak telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong dan Yang Berhormat bagi Bagan. Persoalan pertama yang telah ataupun maklum balas yang selalu saya terima ialah mengapa PIDM ini mengehadkan maksimum kepada RM60 ribu sahaja iaitu bahawa mereka tahu kalau simpanan saya lebih daripada RM60 ribu, apakah jumlah bayaran premium ataupun bagaimana kadar bayaran premium saya kalau saya ingin menyimpan caruman ataupun deposit lebih RM60 ribu dan apakah mekanisme pengiraan premium yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong bahawa adakah ini kalau saya secara sukarela, apakah jumlahnya.

Ini telah menimbulkan banyak kekeliruan kerana mereka mendapati bahawa dalam keadaan sekarang ini, kalau saya simpan kadar faedah sekarang dalam kadar faedah tetap ataupun *fixed deposit* sekarang rendah kerana kecairan (*liquidity*) dalam sistem perbankan sekarang ini adalah sangat *liquid*, maka mereka tahu kadar deposit yang rendah ini mungkin tidak boleh kawal dengan perancangan yang akan dibelanjakan kerana saya

simpan dalam sistem perbankan di dalam bank-bank tertentu; kalau simpanan saya lebih daripada RM60 ribu dan seterusnya. Adakah ini kerana Bank Negara ataupun Kementerian-kementerian tertentu ingin untuk melindungi institusi-institusi kewangan yang kecil dari segi modal berbayar ataupun kerana ada satu perancangan jangka panjang, bagaimana kita boleh meningkatkan lagi keyakinan sistem perbankan negara ini pada masa-masa akan datang. Saya ingin tahu sedikit pandangan daripada Kementerian mengenai persoalan-persoalan ini.

Persoalan kedua yang mereka selalu timbulkan ialah mengenai deposit-deposit jangka pendek ataupun dalam *current account* di mana syarikat-syarikat tertentu mereka menggunakan modal ini sebagai satu *working capital*, dengan izin. Adakah mereka ini dilindungi ataupun mereka ini mempunyai pilihan yang lain supaya modal ataupun *working capital* yang sentiasa lebih daripada RM60 ribu ini dapat dilindungi bawah PIDM ataupun bagaimana kerjasama di antara Bank Negara dengan PIDM untuk membantu peniaga-peniaga ini yang telah menandatangani dalam bank walaupun dalam jangka masa yang pendek. Ini juga satu persoalan yang penting untuk dijawab.

Mengikut fasal yang ketiga ini, bertujuan untuk membatalkan lesen sesuatu bank berlesen ataupun sesuatu syarikat kewangan berlesen, jika bank berlesen atau syarikat kewangan berlesen telah terhenti menjadi satu institut keanggotaan di bawah akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Saya ingin tahu apakah yang dimaksudkan dengan terhenti?

Adakah ini kerana mereka ini melanggar undang-undang peraturan tertentu maka terhenti operasinya tanpa penyelesaian dengan deposit-deposit yang dibayar ini kepada pendeposit-pendeposit ataupun terhenti kerana mereka selesai membayar semua deposit-deposit ini dengan jaminan daripada PIDM ataupun Bank Negara dan seterusnya, kerana kalau kita terhenti kerana masalah tertentu tetapi pendeposit-pendeposit masih tidak mendapat apa-apa jaminan untuk membayar pendeposit ini, ini bermakna Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ini tidak melindungi pendeposit-pendeposit tertentu. Saya hendak tahu apakah jawapan daripada Kementerian ini.

Perkara yang lain saya juga ingin bangkitkan di sini ialah mengenai pemberitahuan kepada ataupun satu notis kepada pemegang-pemegang akaun bila bank-bank bergabung. Saya difahamkan sekarang ini kalau bank-bank ini bergabung secara tidak langsung atau langsung pun nama-nama tidak diberitahu secara teratur kepada pelanggan, di mana kadang-kadang fail ataupun kereta yang disimpannya hilang ataupun kadang-kadang tidak tahu di mana dia pergi kerana penggabungan ini. Saya hendak tahu apakah jaminan dan juga seterusnya bagaimana kita boleh meningkatkan lagi keyakinan orang ramai terhadap sistem perbankan di negara kita ini.

Perkara yang kedua juga saya ingin bangkitkan di sini ialah mengenai sekarang bank-bank kerana ingin mendapatkan perniagaan kerana kecairan yang tinggi maka mereka sentiasa menawarkan kad kredit kepada semua ataupun rakyat di Malaysia dengan senangnya kerana telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa kadang-kadang kredit tidak dibayar, bank kenakan *interest* yang tinggi, peraturan ketat ataupun laporan pendapatan yang sah dan *income* barulah diberikan kad itu. Semua ini kadang-kadang, kita boleh kata boleh ditiru dan sebagainya.

Saya hendak tanya apakah Kementerian ataupun Bank Negara ini mempunyai peraturan-peraturan tertentu untuk mengawal supaya kita tidak menjadi macam di Amerika Syarikat di mana lebih daripada 60 peratus rakyat mereka hidup dalam keadaan *credit cards* dan seterusnya. Kembali kepada akta ini, iaitu Pindaan Akta Bank ini, saya tahu kalau Fasal 7 iaitu bertujuan untuk meminta Akta 69 atau Akta 372 itu untuk memperuntukkan bank dengan kuasa tambahan untuk memeriksa institut berlesen yang menjadi satu institut anggota di bawah ini.

Saya hendak tahu, apakah kuasa tambahan? Apakah kuasa yang Bank Negara terhadap PIDM ini? Adakah kuasa ini mengenai kuasa untuk mengontrol ataupun menguasai? Bagaimana penggunaan tanah-tanah yang akan mungkin dikutip, yang telah diberitahu umum bahawa sekurang-kurangnya RM30 juta akan dikutip oleh PIDM ini setiap tahun dan ini merupakan satu dana yang besar kalau kita bandingkan dengan dalam masa

5 ataupun 10 tahun akan datang, bagaimanakah Bank Negara mempunyai kuasa untuk mengawal sistem pelaburan dan juga bagaimana mereka boleh *utilize* dana-dana ini.

Saya ingin tahu apakah kuasa yang telah dinyatakan di bawah Fasal 7 ini dan memang saya menyokong untuk Pindaan Fasal 8 ini yang bertujuan untuk mengganti dan memperuntukkan dalam Fasal 81 Akta 372 dengan satu peruntukan baru iaitu membenarkan semua deposit suatu institut berlesen di bawah diutamakan atas semua liabiliti tidak berjaga lain, memang ini satu pindaan yang baik dan juga saya ingin menyokong Pindaan ini, dan untuk Fasal yang ke 9, ini memberikan banyak tanda tanya dan persoalan.

laitu mengenai pendedahan maklumat-maklumat pelanggan oleh kepada Perbadanan Insurans Deposit ini oleh bank-bank berlesen, kerana kita tahu sekarang ini banyak insiden-insiden tertentu di mana maklumat-maklumat rahsia dan seterusnya, penyalahgunaan maklumat tertentu itu demi kepentingan diri masih sangat penting sebab saya hendak tahu bagaimana Bank Negara boleh memberi satu mekanisme untuk mengawal pendedahan maklumat-maklumat ini kepada PIDM ini sehingga pekerja dan seterusnya.

Kalau kita sewenang-wenangnya untuk mendedahkan maklumat ini kepada semua *officials* ataupun pengarah di satu PIDM mungkin akan menimbulkan satu keadaan kekeliruan di mana saya takut nanti keyakinan terhadap PIDM ini mungkin tidak dapat dibina semula. Kesimpulan saya di sini bahawa, saya juga berharaplah Kementerian Kewangan sentiasa memberikan pendedahan maklumat-maklumat tertentu mengenai PIDM dan juga pendidikan tertentu kepada orang ramai supaya mereka ini faham secara menyeluruh dan betul-betul faham mengenai apakah fungsi dan juga tanggungjawab yang sebenarnya oleh PIDM yang akan dilaksanakan di masa akan datang. Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kudat sila.

12.16 tgh.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk turut sama membahaskan Pindaan Akta Bank Dan Institusi Kewangan 1989 yang juga adalah selari dengan Akta Perbadanan Deposit Insurans Malaysia yang telah diluluskan di Parlimen baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya telah jelaskan sebelum ini bahawa kita tidak mempunyai halangan langsung untuk menyokong pindaan ini kerana kita sedar bahawa pindaan ini akan memberikan satu stabiliti dan juga *safety needs* terhadap institusi kewangan negara kita. Kita juga sedar bahawa di masa-masa yang lalu kerajaan hanyalah memberikan eksplisit *guarantee* terhadap sistem kewangan kita dan ini telah pun berlaku pada 1997 di mana sebahagian daripada bank di negara kita telah mengalami *insolvency* dan kerajaan terpaksa mengeluarkan kenyataan di akhbar-akhbar dan di media-media untuk memberikan jaminan eksplisit terhadap syarikat-syarikat kewangan ini.

Tetapi sebenarnya, seperti mana yang kita tahu bahawa dunia hari ini pada keseluruhannya telah terdapat 82 negara yang telah melaksanakan akta yang sama dan mewujudkan perbadanan yang sama iaitu Perbadanan Deposit Insurans yang sebenarnya adalah bertujuan untuk menjamin setiap deposit yang telah disimpan di bank-bank khususnya bank-bank berlesen yang dilesenkan oleh kerajaan adalah mendapat perlindungan yang sewajarnya daripada bank-bank tersebut. Tetapi walaupun kita bersetuju dengan pindaan ini dan mengalu-alukan pindaan ini.

Kerana pindaan ini saya fikir adalah kena pada tempatnya dalam suasana negara ataupun dalam suasana ekonomi negara yang terlalu terdedah kepada ekonomi global tetapi dalam masa yang sama kita juga harus memperincikan beberapa perkara yang penting. Di dalam pindaan misalnya yang saya ingin bawa di sini ialah, dalam Fasal 3 bertujuan untuk membina Seksyen 7 Akta 372 untuk memberi kuasa kepada menteri untuk membatalkan lesen atau bank berlesen atau syarikat kewangan berlesen jika bank berlesen atau syarikat kewangan berlesen itu telah berhenti untuk menjadi suatu institusi anggota di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005.

Seperti mana rakan-rakan yang lain saya juga mempunyai keraguan di atas kuasa yang telah diberikan kepada menteri ini untuk membatalkan lesen bagi sesuatu syarikat bank berlesen atau syarikat kewangan, kerana apa yang kita mahukan apabila kita membatalkan sesuatu lesen terhadap bank-bank yang diberikan lesen untuk menjalankan perniagaan ini, segala kepentingan dan juga hak-hak yang dimiliki oleh pendeposit-pendeposit haruslah diberikan keutamaan. Kita tidak mahu misalnya kerajaan boleh menggunakan kuasa ini sesuka hati untuk membatalkan lesen dan tidak melihat tentang soal kebajikan dan juga kepentingan pendeposit-pendeposit.

Dalam soal ini kita sekiranya berlaku tindakan membatalkan ini kita mahu supaya segala kepentingan-kepentingan pihak-pihak yang terlibat adalah dapat dilindungi.

Perkara yang kedua yang ingin saya bangkitkan di sini juga ialah berkaitan dengan Fasal 9 iaitu bertujuan untuk memasukkan Seksyen 98(A) baru ke dalam Akta 372 untuk membenarkan mana-mana pendedahan akaun dan hal ehwal pelanggan oleh suatu bank berlesen atau syarikat kewangan berlesen pada Perbadanan Insurans Deposit, pengarah, pegawai pekerja dan agen perbadanan deposit insurans di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005.

Kalau seperti mana yang kita tahu bahawa setiap akaun yang dimiliki oleh pendeposit-pendeposit di bank adalah dilindungi oleh *Secrecy Act* atau *Banking and Financial Institutions Act (BAFIA)* di mana aspek-aspek *secrecy* adalah merupakan satu aspek penting di dalam sesuatu perkhidmatan bank. Sesuatu perkhidmatan bank tidak akan dapat berfungsi dengan kredibiliti yang tinggi sekiranya tidak mempunyai *secrecy* dan ini adalah merupakan satu ciri-ciri penting misalnya dalam menjayakan sistem perbankan di negara-negara seperti *Switzerland*, soal keyakinan dan juga soal *secrecy* atau soal kerahsiaan adalah merupakan sesuatu yang penting.

Walaupun sebenarnya tidaklah dapat dielakkan bagi syarikat-syarikat kewangan ini perlu untuk mendedahkan maklumat-maklumat ini kepada perbadanan deposit insurans dan agen-agensinya tetapi yang kita ingin tahu daripada kerajaan khususnya Kementerian Kewangan sama ada terdapat peraturan-peraturan tertentu untuk menghalang pegawai-pegawai dan juga pengarah ataupun pekerja-pekerja bagi perbadanan insurans deposit ini dihalang, diberikan satu halangan untuk mereka meningkatkan, diberikan satu keyakinan kepada pendeposit bahawa setiap maklumat yang diberikan kepada PIDM ini adalah dirahsiakan kerana kita tidak mahu sekiranya dengan adanya kewujudan PIDM ini akan menyebabkan masalah kerahsiaan ataupun situasi di dalam sektor perbankan negara kita akan *dicompromise* dan ini akan menjejaskan kredibiliti sistem perbankan kita dan sudah tentu mungkin akan menyebabkan juga pelabur-pelabur dan juga ahli perniagaan kita sudah tidak berminat atau tidak mempunyai keyakinan terhadap sistem perbankan kita.

Satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan juga seperti mana rakan-rakan yang lain iaitu berhubung dengan soal limit iaitu RM60 ribu yang telah dikenakan yang akan dilindungi oleh kerajaan yang akan dilindungi oleh PIDM. Saya percaya bahawa limit ini bukanlah merupakan satu yang statik dan kita berharap supaya kerajaan dapat mengkajinya dari masa ke semasa kerana RM60 ribu ini adalah suatu limit yang saya anggap begitu rendah, banyak negara maju yang lain telah pun mengenakan limit yang lebih tinggi kerana kalau kita lihat negara kita semakin maju dan rakyat semakin berkeupayaan dan rakyat juga semakin berkemampuan untuk menabung dan memiliki tabungan yang lebih tinggi dan dengan hanya memperuntukkan RM60 ribu sebagai satu limit tertentu bagi sesuatu tabungan itu dilindungi, saya percaya ini adalah merupakan satu yang harus dikaji dari masa ke semasa.

Negara-negara seperti Kanada misalnya, mereka melindungi sehingga lebih kurang *100 Canadian Dollars* dan ini tidak salah sekiranya kerajaan dapat membuat kajian dari tahun ke tahun ataupun sekurang-kurangnya mungkin dua atau tiga tahun sekali, kajian harus dibuat supaya perlindungan ini dapat ditingkatkan dari masa ke semasa.

Seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan sedikit berkaitan dengan perkara ini ialah seperti mana yang dijelaskan tadi bahawa 5% daripada pendeposit-pendeposit di sistem kewangan kita sekarang ini adalah pemilik 65% daripada total deposit-deposit di dalam sistem perbankan kita. Jadi ini adalah merupakan satu bukti bahawa banyak walaupun sebahagian besar daripada 5% ini adalah pendeposit-pendeposit yang terdiri

daripada mereka-mereka yang mempunyai maklumat yang mencukupi kerana mereka adalah syarikat-syarikat besar ataupun terdiri daripada individu-individu yang bermaklumat tetapi dengan jumlah mereka yang begitu besar iaitu 65% daripada mereka ini adalah pemilik pendeposit di dalam bank-bank tertentu, saya khawatir dengan hanya meletakkan RM60 ribu sebagai deposit, sebagai limit bagi *coverage* di dalam insurans ini, saya percaya ianya akan menghalang mereka ini untuk meneruskan perniagaan dan akan menyusahkan mereka kerana mereka terpaksa membahagi-bahagikan deposit mereka ini kepada sebahagian besar bank-bank yang lain.

Dan seperkara lagi yang saya ingin melihat juga di sini ialah kalau kita lihat ada suatu kecenderungan hari ini bahawa banyak syarikat kewangan dan syarikat bank-bank yang melaksanakan penggabungan dengan alasan bahawa penggabungan ini akan mewujudkan satu sistem perbankan yang sihat. Walaupun kita mengalu-alukan penggabungan ini kerana ia akan menyediakan negara kita dengan satu sistem perbankan yang mantap yang boleh bersaing dengan syarikat-syarikat kewangan antarabangsa yang kita tidak dapat menghalangnya lagi kerana tidak berapa lama lagi soal perjanjian-perjanjian kita dan komitmen-komitmen kita di dalam WTO khususnya di dalam aspek globalisasi ini semakin tidak dapat dielakkan kerana syarikat-syarikat kewangan mungkin akan dibenarkan untuk beroperasi di negara kita dan ini akan memberikan persaingan kepada syarikat-syarikat kewangan tempatan tetapi yang kita ingin memperingatkan di sini ialah tentang soal kebajikan pekerja-pekerja bank.

Saya telah mendapat laporan daripada beberapa *Banking Employees Union* yang telah datang kepada saya dan meminta saya supaya membawa perkara ini kepada pihak kerajaan. Mereka ini tidak berpuas hati kerana apabila berlakunya penggabungan, ini seolah-olah dijadikan sebagai satu lesen kepada pihak pengurusan untuk memaksa sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk memaksa pekerja-pekerja ini untuk meninggalkan perkhidmatan mereka ataupun mereka ini ditawarkan VSS tetapi tawaran VSS atau *Voluntary Settlement Scheme* itu tidaklah begitu memuaskan sehingga menyebabkan sebahagian daripada mereka apabila ditawarkan dengan VSS *settlement* yang sedikit, mereka akhirnya menjadi penganggur dan terpaksa menanggung pelbagai masalah sosial kerana sebahagian daripada mereka ini telah pun mencapai umur yang begitu tinggi, mungkin 45 tahun ke atas dan mereka sudah tidak mempunyai peluang untuk mendapatkan pekerjaan di tempat-tempat yang lain.

Jadi saya dapat laporan ini daripada *Bank Employees' Union* dan mereka meminta kepada saya supaya Bank Negara khususnya Kementerian Kewangan memantau perkara ini supaya tidak menggunakan penggabungan ini sebagai satu alat untuk menekan Ahli-ahli Kesatuan *Bank Employees' Union* ataupun pekerja-pekerja atau pegawai-pegawai yang terlibat di dalam sesuatu perbankan untuk memaksa mereka meninggalkan perkhidmatan mereka dengan alasan bahawa penggabungan ini adalah merupakan satu *exercise* yang diperlukan untuk membolehkan bank-bank dapat *distreamline* atau diperkukuhkan.

Contohnya, seperti mana yang berlaku di Sabah, apabila berlaku penggabungan di antara Sabah Bank Berhad dengan *International Bank* yang melahirkan dan beberapa syarikat-syarikat kewangan yang lain seperti *Sabah Finance* telah menyebabkan banyak daripada yang mewujudkan entiti baru iaitu *Alliance Bank* telah menyebabkan banyak daripada cawangan-cawangan bank yang satu ketika dulu adalah merupakan satu cawangan yang penting bagi membantu masyarakat luar bandar dan juga pendeposit-pendeposit serta peminjam-peminjam di kawasan-kawasan tertentu telah ditutup dan ini telah menyebabkan masalah khususnya kepada peniaga-peniaga tempatan. Beberapa cawangan bank atas nama penggabungan telah ditutup dan menyebabkan banyak peniaga dan juga banyak pendeposit yang terpaksa menghadapi masalah.

Demikian juga pekerja-pekerja yang terpaksa diberhentikan dan ini bukanlah merupakan satu tindakan yang saya rasa agak begitu baik kerana dengan sendirinya kalau kita lihat pada pengumuman-pengumuman yang dibuat terhadap keuntungan-keuntungan yang dibuat oleh bank-bank ini, mereka memiliki keuntungan yang begitu banyak yang berjumlah, ada yang memiliki keuntungan sehingga berbilion ringgit tetapi mereka tidak mempunyai perasaan dan juga keinginan untuk sekurang-kurangnya memberikan satu tanggungjawab sosial, khususnya kepada kakitangan dan juga pekerja-pekerja apatah lagi kepada keperluan untuk mewujudkan perkhidmatan perbankan ini, khususnya di kawasan-

kawasan luar bandar yang mungkin pada pendapat mereka memberikan keuntungan yang sewajarnya kepada bank tersebut. Jadi, saya fikir itu sahaja. Saya mohon menyokong.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]: Tangga Batu, sila.

12.30 tgh.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil bahagian di dalam perbincangan tentang pindaan rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah disampaikan oleh rakan-rakan Ahli Parlimen yang lain benar-benar telah dirasai beban-bebannya, bukan sahaja manfaat yang dihasratkan oleh pihak kerajaan tetapi antaranya adalah perkara-perkara yang mungkin tidak dapat diberikan perhatian secara khusus oleh pihak pengurusan bank-bank. Umpamanya Tuan Yang di-Pertua, jika kita dapat lihat bagaimanakah kesan kepada perubahan-perubahan akta yang melibatkan bank-bank dan institusi-institusi kewangan ini kepada penyimpan-penyimpan atau hari ini lebih dikenali dengan nama pelanggan-pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai satu kes yang amat klasik di mana kes ini jika kita abaikan ia akan menjejaskan bukan sahaja mereka yang terlibat ataupun yang perlu bantuan daripada pihak bank atau institusi-institusi kewangan ini tetapi ia juga akan menjejaskan ekonomi negara apabila pihak-pihak ini tidak mempunyai kepercayaan lagi daripada sistem kewangan yang ada di negara kita. Kes yang ingin saya sebutkan ini adalah berupa bagaimana iklan-iklannya yang dikeluarkan oleh pihak institusi kewangan ini adalah begitu menarik sekali. Sebagai contoh, datang sahaja bawa kad pengenalan, mereka akan cuba membantu apa yang diinginkan oleh pihak pelanggan atau pemohon itu tadi.

Jadi, apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka sampai ke kaunter bank ini, mereka mula diminta berbagai-bagai keperluan yang mana lazimnya pihak pemohon ini akan bertanya seolah-olah yang mana satu dulu. Sebagai contoh, Institusi Bioteknologi Melaka telah pun menyarankan kepada pengusaha-pengusaha bioteknologi di Melaka untuk memohon pinjaman daripada bank-bank yang boleh menawarkan perkhidmatan untuk mereka memulakan projek-projek ataupun program-program yang berkaitan dengan saranan kerajaan ini.

Apabila mereka sampai ke kaunter, Tuan Yang di-Pertua, mereka dipertanyakan apakah yang ada sebagai gadaian ataupun *collateral* kepada usaha-usaha yang mereka telah rancang. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, apabila sampai kepada tajuk bioteknologi, apa yang ada hanyalah kertas kerja yang berbentuk kajian yang hasilnya pun belum dapat lagi meyakinkan pihak yang boleh menawarkan pinjaman ataupun menawarkan bantuan untuk perjalanan projek ini.

Jadi, pada hemat saya apa yang perlu adalah sedikit *wisdom* kepada pengusaha-pengusaha bank ataupun pihak institusi-institusi kewangan ini untuk memikirkan bagaimanakah sebenarnya mereka dapat menyediakan perkhidmatan yang benar-benar menepati cita rasa pemohon-pemohon dan peminjam-peminjam ini dan sudah pasti pihak bank jangan hanya meletakkan keuntungan kepada institusi mereka sahaja, mereka juga perlu memikirkan kesannya yang lebih besar pada suatu hari nanti kepada impak pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak memang ada ketua-ketua pegawai operasi di institusi kewangan ini telah meletakkan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan-pelanggan ini tetapi sejauh manakah pegawai-pegawai mereka menghayati apa yang telah dihasratkan oleh ketua-ketua pegawai operasi inilah yang menjadi persoalannya. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima satu aduan daripada seorang pengusaha pembekalan tenaga yang telah meletakkan perusahaannya ini di bawah tajuk inovasi di bawah Kementerian Tenaga Telekom Multimedia dan Komunikasi dan juga telah menghubungkan perusahaannya ini dengan Kementerian Sains Inovasi dan Teknologi, di mana pengusaha ini bercadang untuk menjana tenaga melalui *biomass* aktiviti. Sebuah bank telah pun menawarkan pinjaman bernilai RM85 juta tetapi syarat utamanya adalah supaya

pengusaha ini menyediakan sejumlah wang RM21 juta sebelum pihak bank dapat melepaskan pinjaman yang besar ini.

Cubalah bayangkan, Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah pengusaha kecil yang telah pun dikategorikan sebagai, sama ada dia ini benar-benar bijak ataupun 'bodoh'. Saya gunakan perkataan ini, Tuan Yang di-Pertua, ini telah dikategorikan oleh bank yang menawarkan pinjaman. Dia kata, "*Tidak tahulah budak ini, sama ada dia benar-benar pandai atau pun bodoh.*" Kerana ini adalah yang pertama seumpamanya di negara kita dan pihak bank sepatutnya tidak boleh mengeluarkan kenyataan begitu, sebaliknya seharusnya memberikan galakan kerana inilah *biomass energy generation* yang pertama, umpamanya di negara kita yang bakal dibina oleh usahawan ini. Jadi, sikap bank dan institusi kewangan ini menampakkan ketidaktelusan di dalam usaha benar-benar untuk membina usahawan yang akhirnya dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Sila, Batu Pahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Daripada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi, adakah Yang Berhormat bagi Tangga Batu beranggapan bahawa institusi kewangan ataupun setengah-setengah bank yang ada di negara kita ini tidak *friendly enough* dalam bentuk hendak membantu pertumbuhan sama ada dari segi pinjaman, pertumbuhan dari segi penambahan ekonomi negara dan juga memberikan satu suntikan kepada mereka yang beranggapan bahawa sesuatu program ataupun sesuatu pelaksanaan bagi syarikat untuk memajukan diri mereka sendiri. Adakah bank tadi tidak *friendly enough* ataupun senang cakap, cakap tak serupa bikin. Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya hendak bawa kembali apa yang disampaikan oleh rakan saya dari Batu Pahat tadi, hendak kata tidak *friendly enough* tetapi kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan di papan-papan iklan, yang dikeluarkan di dalam media umpamanya, menampakkan yang seolah-olah mereka benar-benar ingin membantu, terutamanya golongan-golongan usahawan ataupun pemohon-pemohon ataupun peminjam-peminjam yang menghadapi masalah kewangan untuk membangunkan projek mereka. Tetapi yang kita pertikaikan tadi adalah tentang bagaimana pelaksanaan dasar yang telah ditetapkan oleh ketua-ketua institusi-institusi kewangan dan bank-bank ini.

Saya hendak bagi contoh Batu Pahat. Contoh ini adalah mungkin terlalu klasik untuk kita jadikan topik pada perbincangan kita pada kali ini, ialah apabila salah seorang daripada ahli lembaga pengarah dalam sebuah syarikat, yang bertemu dengan pegawai-pegawai bank yang boleh membuat keputusan, di mana pegawai bank ini telah pun menyatakan bahawa polisi bank ini sebenarnya adalah untuk melihat mereka yang benar-benar telah mampu dan telah menjalankan projek mereka ataupun program mereka dan telah menghasilkan kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah telah membuahkan kejayaan, telah membuahkan hasil, buat apa lagi hendak jumpa bank? Yang jumpa bank ini adalah mereka yang benar-benar menghadapi masalah kewangan tetapi mempunyai minat yang mendalam, mempunyai perancangan yang terperinci, yang mempunyai strategi perniagaan mereka tersendiri dan sudah pasti perlukan bantuan daripada pihak institusi kewangan ini untuk membantu mereka dalam menjayakan perniagaan mereka Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Puchong.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Silakan Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya mengerti apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Dalam dunia perniagaan sekarang ini, terutama dalam masyarakat ataupun dalam sistem perbankan Malaysia, memang apa yang telah diceritakan oleh Yang Berhormat tadi, memang satu masalah yang memang berlaku, sering

berlaku kerana sistem perbankan sekarang ialah, bila hujan, dia akan *take away* orang berniaga. Bila matahari *sunny day* dengan izin, mereka memberikan payung dan sebagai contoh, banyak *proposal* ataupun cadangan perniagaan daripada ICT, Bioteknologi dan seterusnya. Ini menunjukkan mereka ini tidak akan berkongsi dengan risiko-risiko yang mungkin berlaku.

Mereka masih memberi satu mentaliti yang mementingkan keuntungan dan juga kestabilan untuk institusi-institusi mereka. Adakah Yang Berhormat bercadang bahawa mentaliti institusi ataupun pegawai-pegawai pentadbir atau CEO institusi tertentu mesti ditukar supaya perkongsian risiko di antara bakal pengusaha dan juga institusi bank itu harus diperluaskan supaya pertumbuhan ekonomi dan juga pertumbuhan aktiviti ekonomi dapat dipergiatkan lagi di masa yang akan datang. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya memang amat bersetujulah apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Puchong sebentar lagi. Sebenarnya, apa yang berlaku, dilema yang berlaku kepada sistem kewangan dan institusi kewangan di negara kita pada hari ini ialah apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Puchong sebentar tadi. Saya nampak perkara ini berlaku secara berleluasa dan ada di antaranya yang lebih teruk daripada sistem kewangan yang *illegal* di negara kita. Hari ini, kalau kita dapat lihat, Yang Berhormat bagi Batu Pahat menyebut tentang *friendliness*, kemesraan institusi kewangan ini. Hari ini, seorang peniaga, umpamanya peniaga gerai yang dapat kebenaran untuk kebenaran untuk berniaga daripada majlis-majlis tempatan seperti Dewan Bandar raya dan majlis daerah, mereka lazimnya akan lebih gemar untuk berurusan dengan 'along-along' ini yang juga sesetengah daripada 'along' ini mempunyai sistem rangkaian yang lebih baik daripada sistem institusi kewangan yang ada di negara kita, Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang berlaku, 'along-along' ini pertama sekali dari segi *advertisement* dia, dari segi iklan yang menyatakan ingin pinjaman mudah, hubungi nombor telefon ini. Yang pastinya, kalau kita dail nombor telefon tersebut, sudah pasti akan ada orang yang mengangkatnya dalam nada yang begitu mesra daripada institusi-institusi kewangan yang *established*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di negara kita. Jawapannya sungguh mesra, suara yang lembut sehinggakan kita terpesona dengan jawapan yang diberi. Bukan saya hendak kata, tetapi saya pernah cuba.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada telefon, ya?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ya. Saya pernah cuba telefon nombor tersebut. Yang jawab itu, lebih baik daripada bank-bank yang bertaraf dunia di negara kita ini. Saya nampak ini salah satu daripada *marketing*, skema pemasaran atau kaedah pemasaran yang disediakan oleh syarikat-syarikat kewangan yang tidak berlesen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, yang menjawab telefon itu lelaki atau perempuan, Yang Berhormat?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Perempuan, Tuan Yang di-Pertua. Yang lelaki pun jawab macam perempuan. [Ketawa] Jadi, apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, ia akan menambahkan minat kita, bukan sahaja untuk berurusan meminjam wang tetapi juga untuk mengetahui lebih mendalam lagi siapa yang menjawab di hujung talian sana itu.

Tuan Razali bin Ibrahim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Muar.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: [Bangun]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron:dan dia boleh pelbagai bahasa lagipun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Pontian dengan Muar berminat itu, yang mana satu?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Haa, okey. Bila tiba *part* itu, ramai yang berminat pula. Silakan Muar dahulu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Muar.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron:selepas itu Pontian.

Tuan Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya cuma hendak kongsi satu cerita. Minta Yang Berhormat bagi Tangga Batu sambung sedikit. Jangan kata hendak pinjam duit dengan bank ini, hendak bawa keluar duit pun susah sebenarnya. Saya hendak cerita. Ceritanya macam ini, ya. Dulu mesra pelanggan dan sebagainya. Saya, duit tidak banyak. Tetapi, ada suatu hari itu, saya hendak keluar duit di cawangan saya di Daya Bumi. Saya hendak keluar duit RM30,000 sebab hendak pakai di kawasan, ada sedikit masalah. *[Dewan gamat seketika]* Itu sahaja yang saya ada RM30,000 *[Ketawa]*.

Beberapa Ahli: Whoaa! Banyak tu.

Tuan Razali bin Ibrahim: Hendak digunakan untuk bencana ya, tetapi sebab tidak sempat saya hendak balik, saya pergi di cawangan utama ataupun *main branch* di Bangsar. Saya beratur ambil nombor, mesra sungguh. Yang jaga nombor ini pun, ada mesin, ambil nombor tetapi ada perempuan jaga, dia ambil. Saya tunggu, hendak keluar duit ini. Tetapi, semasa saya hendak ambil itu, saya belum isi borang hendak keluar duit. Dia kata, encik kena isi borang ini dulu. Saya pun isi borang. Saya pergi ke kaunter ambil nombor, tunggu. Bila saya tunggu, dia kata, "Encik, RM30,000 kena pergi cawangan encik sendiri". Ini duit saya ini, bukan duit bank saya hendak pinjam. Saya hendak bawa keluar duit saya. Saya kata, okeylah. Saya hendak keluar, berapa *limit* di sini? Dia kata, RM25,000. Okeylah, saya bawa keluar RM25,000.

Dia kata, "*Encik kena beratur balik, isi borang.*" *[Ketawa]* Ini payah ini. Ini bukan duit saya hendak pinjam. Ini duit saya, pun susah hendak bawa keluar, macam mana kita hendak cerita fasal mesra pelanggan? Jadi, kalau inilah peraturan yang ada di bank, memang susahlah. Saya tidak terkejut kalau polis terpaksa bersusah-payah mengejar along-along ini kerana saya setuju dengan along ini lebih mudah. *[Ketawa]* Tetapi, saya ingin hendak beri pandangan. Cerita sebenar saya, sebenarnya saya tidak keluar duit pun sebab kepayahan hendak keluar duit sendiri. Saya balik, saya fikir. Macam mana ini, duit saya simpan, hendak keluar hendak pakai, tidak boleh. Kalaulah saya masa itu dalam betul-betul kesusahan, saya rasa aniaya saya masa itu. Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Cerita itu memang betul-betul berada dekat di hati sayalah. Bak kata Menteri Pelajaran, berada dekat di hati saya sehingga saya mengambil satu langkah yang begitu drastik. Ketika saya bujang dahulu, untuk mudah pengurusan saya dengan bank ini, saya terpaksa berkahwin dengan orang yang kerja bank. *[Ketawa]* Jadi sejak berkahwin sampai hari ini, saya tidak pernah pergi bank kerana terlalu *fed-up* dengan servis dan perkhidmatan yang disediakan oleh bank-bank institusi kewangan ini. Ini, saya punya pengalaman peribadi, Tuan Yang di-Pertua. Boleh juga direkodkan, tidak apalah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, inilah masalahnya.

Dalam satu tangan, kita menguar-uarkan perkhidmatan, menguar-uarkan sumbangan kepada pembangunan ekonomi dan sebagainya tetapi, dalam satu tangan yang lain, kita seolah-olah tidak menghargai serta menghayati apa yang dihasratkan, apa yang dicita-citakan oleh pihak pembuat polisi. Jadi, inilah masalahnya, terpaksa beratur. Kemudian tidak ada *wisdom*, tidak ada langsung budi bicara di dalam pengurusan.....

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Batu Gajah memang berminat dengan Tangga Batu ini, saya tahu. Dalam penyediaan perkhidmatan yang cekap dan berkesan. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Silakan Batu Gajah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Batu Gajah, sila.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya ingat ada tiga.....

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Batu Gajah sekejap, Pontian dahulu. *I'll honour my word.* Pontian, silakan Pontian.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Terima kasih, sahabat. Ingatkan sudah lupa, dah, sebab bila nampak perempuan ini, Yang Berhormat Tangga Batu ini saya risau. Itu yang menyebabkan saya hendak bercakap sekejap. Yang pertama - ada dua perkara Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Bila Yang Berhormat bercakap tentang soal mesra ini, saya hendak ingatkan Yang Berhormat, Yang Berhormat pada sesi yang lepas, kena gam Yang Berhormat kerana bercakap soal kebaya ketat. *[Ketawa]* Jadi, hati-hati Yang Berhormat ya. Itu yang pertama.

Yang keduanya hendak minta pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan Akta Pindaan ini Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989, rata-rata bank di negara kita Yang Berhormat, yang mempunyai pemilikan ekuiti atau kepentingan oleh warga asing nampaknya bank-bank itu lebih kukuh dan juga mempunyai satu imej yang berbeza berbanding dengan institusi-institusi kewangan yang pemegang ekuitinya dari sumber tempatan. Apa pendapat Yang Berhormat supaya pindaan Akta kita ini juga mengambil kira soal ini soal mempertingkatkan imej institusi kewangan tempatan supaya ia dapat setaraf dan juga dapat bersaing dengan bank-bank yang mempunyai kepentingan luar negara. Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Kalau Yang Berhormat Pontian masih ingat di dalam Perhimpunan Agung UMNO yang baru lalu saya juga telah ditugaskan untuk membentang dan membahaskan usul ekonomi yang dibawa oleh Pergerakan Pemuda dan dalam salah satu perenggan daripada ucapan saya itu telah pun meletakkan bagaimanakah kita boleh mengimbangkan di antara bank-bank yang dikuasai oleh asing dan juga bank-bank yang telah dikuasai oleh tempatan.

Di dalam hal ini sebenarnya *nothing wrong*, dengan izin, tidak ada salahnya dengan polisi tetapi sikap kita sendiri bagaimanakah kita melihat sistem pengurusan yang akhirnya membawa kepada perkhidmatan yang disediakan oleh institusi-institusi kewangan tersebut ataupun bank-bank tersebut. Saya mencadangkan supaya bukan sahaja bank-bank yang berasaskan tempatan tadi diketuai oleh orang-orang tempatan tetapi kita juga perlu meletakkan bank-bank bertaraf dunia ini supaya diketuai oleh orang-orang tempatan. Dengan ini sedikit sebanyak perpindahan pengetahuan dan perpindahan kepakaran tadi akan berlaku kepada bank-bank tempatan dan sekali gus dapat meningkatkan lagi perkhidmatan dan juga produk yang disediakan oleh bank-bank tempatan ini kepada masyarakat di negara kita.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang BerhormatJerai,

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya terpaksa adil Yang Berhormat Jerai. Oleh sebab Yang Berhormat Batu Gajah..... tak minat ya? Batu Gajah minat juga maka kita bagi ruang kepada Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Jerai. Itu lebih kuranglah cerita dia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Oo!.

Beberapa Ahli: Oo! Oo!

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Itu lebih kuranglah cerita dia. YB Jerai *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Batu Gajah, silakan.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Saya bangun bukan kerana minat dengan Tangga Batu. Tak payah berangan-angan di siang hari ya! Sebab saya hendak bangkit satu perkara. Saya rasa mungkin orang ramai juga ada melaluinya. Tidakkah Yang Berhormat Tangga Batu sedar tadi Yang Berhormat Muar

kata perkhidmatan bank kurang baik tetapi saya ada satu situasi di mana bank begitu mesra sekali.

Saya bagi contoh yang mana kemesraan itu menimbulkan ketakutan dan kekeliruan juga kerisauan kepada pemegang bank di mana dengan tiba-tiba saya terima panggilan daripada bank mengatakan bahawa "*Cik Fong, permohonan kad kredit Cik Fong telah diluluskan*". Saya kata, "*Saya tidak pernah mohon*". Saya tidak pernah mohon dia kata telah diluluskan dan datang ambil. Masa itu saya risau kononnya ada dalam kenyataan surat khabar laporan media mengatakan di mana ada mangsa kena bayar kepada bank di mana jumlah yang digunakan sebenarnya tidak pernah digunakan. Dia tidak pernah memohon kad kredit tetapi bank mengejanya untuk membayar. Saya pun terkejut, tengah buat kerja kena pergi ke bank. Bila sampai di bank, bank kata, "*Ini surat – 3 kad kredit*". Tiga bukan satu. Saya kata, "*Saya tidak pernah mohon*". Saya hubungi ahli keluarga, mereka kata tidak mohon untuk saya. Bila saya tanya lagi

Beberapa Ahli: *Boy friend, boy friend!*

Cik Fong Po Kuan: Jangan cakap yang lain, Yang Berhormat, dalam masa mesyuarat!

Lepas itu pihak bank kata, "*Oh! Ini free approval. Kalau pemegang bank tidak hendak pun tidak mengapa*". Saya tanya pihak bank, "*Apakah tidak tengok dari perspektif aspek pemegang akaun ini? Tiba-tiba terima panggilan mengatakan kad telah diluluskan*". Tiga *free approval* kad-kad kredit. Lepas itu seminggu lepas itu datang satu kad lagi dari bank yang lain. Saya telefon saya kata saya tidak mohon. Dia kata ini bank yang lain. Dia kata, bukan, kami tahu Yang Berhormat Cik Fong dia tidak tahu saya siapa dia kata mungkin dia ada rekod dia kata kami bagi *free annual, annual fees*. Ini adalah perlumbaan di antara bank-bank. Bagi orang biasa mungkin nampak mesra tetapi ia menimbulkan kerisauan kami. Apakah Yang Berhormat menggalakkan kemesraan sedemikian? Saya mohon penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Saya terasa susah hatilah fasal inilah kali pertama tahun ini saya ditolak oleh Yang Berhormat Batu Gajah. Dalam Parlimen pula tu! Hidung tak mancung pipi tersorong-sorong, Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] [*Dewan riuh*]. Namun begitu, saya hargailah apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Batu Gajah sebentar tadi dan saya percaya bukan sahaja Yang Berhormat bahkan ramai di antara Ahli-ahli Parlimen dan rakan-rakan kita di luar sana pun pernah menerima tawaran yang sebegini rupa.

Yang Berhormat Batu Gajah, saya percaya sesetengah bank mempunyai sikap yang pro-aktif di dalam menggalakkan penggunaan kad-kad kredit yang berjenamakan institusi mereka tetapi ia masih lagi membuat keputusan sama ada kita perlu ataupun tidak untuk mengguna pakai kad itu sebagai bantuan apabila kita menghadapi masalah kewangan. Saya percaya walaupun ia telah meletakkan yuran-yuran tahunan tetapi kita masih lagi boleh membuat keputusan sama ada kita perlu membayar ataupun tidak ataupun kita tidak mahu langsung tentang kad-kad kredit tersebut.

Cik Fong Po Kuan: Mohon penjelasan Yang Berhormat Tangga Batu, apakah pandangan Yang Berhormat Tangga Batu, bukankah kerajaan patut tidak menggalakkan kita untuk hidup dengan berhutang sebab, *you know*, ramai kalau ada *sale* kredit-kredit kad lepas itu tidak boleh bayar. Lepas itu kita banyak senarai nama bankrap. Kalau bank bersaing sedemikian dan kita akan nampak ramai yang ada menjadi bankrap kerana siapa tidak hendak kredit yang tidak payah pergi mohon, yang tidak tahu membuat pertimbangan. Kredit kad tidak payah dipohon dan dikirimkan kepada dia dan dia *shock* sahaja. Pihak kerajaan sepatutnya ada satu polisi jangan menggalakkan dan begitu mudah dan longgar sekali memberi kad kredit. Jangan menggalakkan orang ramai *live like that* - hidup dalam keadaan yang berhutang.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Gajah ini beranggapan semua orang macam dia. Bukan semua manusia dalam dunia ini macam Yang Berhormat Batu Gajah. Ada yang patuh pada bayaran hutang, ada yang memerlukan ruang untuk kewangan dan sebagainya. Jadi kita

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, penjelasan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, penjelasan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Sila, sila Yang Berhormat Jerai dahulu lepas itu saya bagi Yang Berhormat Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai, yang lain duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sekarang ini orang berniaga, dia bagilah, mahu atau tidak mahu tu kita punya pasallah. Itu sistem dan cara dia berniaga. Kalau Yang Berhormat Batu Gajah kata aku tidak mahu tidak mahulah. Macam saya dia bagi *free* tetapi saya tidak mahu maka tidak mahulah. Kalau dia bagi saya mahu maka saya ambil. Jadi apa masalah dia. Ini cara orang berniaga. Kadang-kadang orang berniaga dia tawar macam-macam terpulanglah cara kita terima atau tidak terima. Jadi kita hendak salah apa. Kredit, kalau kita tidak pakai tak apa, tidak jadi masalah. Ini kita sendiri kena kawal diri kita. Yang Berhormat bersetuju atau tidak bersetuju dengan saya?

Kita tidak boleh menyalahkan institusi perbankan ini kerana mereka hendak cuba berlumba-lumba supaya nama mereka naik dan keuntungan *bottom line* mereka di hujung tahun maka macam-macamlah mereka buat. Tetapi kepada kita sebagai individu harus kita fikirkan sama ada kita mahu atau tidak mahu. Kalau kita mahu kita bagi kalau tidak mahu sudahlah. Hendak susah apa. Setuju atau tidak Yang Berhormat Tangga Batu?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Kalau itu persoalan itu, saya setuju yang Yang Berhormat Jerai. Lawa *suite* dengan *necktie* itu. Beli kat mana? Saya persilakan Yang Berhormat Yasin pula.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang Berhormat Tangga Batu dan Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jerai dan juga rakan saya tadi. Kita hari ini mengharapkan bank walaupun kita bagi banyak keistimewaan tetapi kita kena juga sama-sama membantu kerajaan untuk mewujudkan masyarakat perdagangan antara orang kita. Tetapi hari ini, akhir-akhir ini, bank hanya berminat pada tiga perniagaan sahaja.

Yang pertama pinjaman perumahan, yang dia tahu kalau orang itu tak bayar dia boleh rampas rumah. Yang kedua bank pun hari ini menumpukan perhatian dia untuk *hire-purchase* kereta kerana dia hanya akan bagi 90% pembiayaan dan kalau orang itu tidak boleh bayar dia akan rampas kereta. Yang ketiga kredit kad yang mana itu keuntungan besar 1.5% *every month*.

Pinjaman yang kecil-kecil untuk peniaga kecil-kecil ini bank tidak pandang. Itulah sebabnya hari ini 'along' wujud. Di mana dasar kita, di mana *social obligation* bank-bank dalam negara kita hari ini untuk bersama-sama dengan kerajaan, tidak ada langsung. Yang dia tahu *bottom line* dia bagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Jerai, untung bilion bilion orang lain nak mati matilah.

Adakah ini bank yang sihat dalam negara kita? Seheinggakan kerajaan pada hari ini terpaksa membuat pula satu bank *special* untuk industri-industri kecil dan sederhana iaitu Bank SME kerana bank yang ada pada hari ini dia mementingkan keuntungan di mana dia tidak ambil kira peniaga-peniaga kecil di kalangan orang kita. Lebih menyedihkan lagi Yang Berhormat kalau setuju dengan saya kalau hari ni kalau kita hendak membuat pinjaman *personal loan* kalau kita hendak cagarkan tanah kosong bank tidak akan terima. Tetapi kalau tanah itu ada rumah dia akan terima apatah lagi kalau tanah-tanah MCL (*Malay Customary Land*) yang mana nilainya pun bank tidak ikut nilai harga pasaran. Kalau *Malayan Banking* kalau MCL satu ekar walaupun di Melaka nilai MCL RM100,000 tetapi *Malayan Banking* hanya akan bagi RM10,000 sahaja. Inilah masalah yang kita hadapi. Macam mana pendapat Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Tangga Batu, boleh cari ilham untuk jawab petang?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang banyak lagi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang jam 1.00 tengah hari. Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu, sila sambung.

2.32 ptg.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kembali kepada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin sebentar tadi yang saya kira perlu sedikit penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, iaitu institusi-institusi kewangan yang ada di negara kita pada hari ini atau bank-bank yang ada dalam negara kita pada hari ini lebih meletakkan keuntungan itu sebagai perkara utama, tidak pernah memikirkan perkara-perkara yang berkaitan dengan tanggungjawab sosial mereka.

Perumpamaan yang diberikan tadi adalah amat baik sekali apabila ingin membuat pinjaman tentang pembinaan rumah, letakkan tanah kosong sebagai cagarannya dan pihak bank menyatakan kalau ada rumah, baru kami boleh luluskan pinjaman.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Baru nak *start*, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sudah hendak masuk.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Panas enjin sedikit.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Oh, okey, okey, jemput, sila, sila.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tertarik dengan untung komersial tadi. Jadi apakah Yang Berhormat bagi Tangga Batu puas hati dengan sistem mudarabah yang dilaksanakan oleh Bank Islam walaupun tanpa *interest* tinggi kerana dia akad, apakah akad itu salah satu alasan boleh memberi kebajikan kepada pelanggan atau umat kita? Apakah Yang Berhormat rasa perlu ditengok semula atau *revise* semula? Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Oh berat hendak jawab itu. Menteri Kewangan itu kena jawab itu, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi tidak apa, saya akan ulas sedikit apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sebentar tadi, saya hendak berbalik kepada Yang Berhormat bagi Jasin tadi. Tuan Yang di-Pertua, cuba bayangkan seorang pemohon hendak buat pinjaman rumah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jasin tidak ada.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Dia dengar itu di lobi tempat makan, dia dengar itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat pasti dia adalah.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya pasti dia ada tadi. Dia belum habis hilang mengantuk sebab makan kas kas tengah hari tadi. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, cuba bayangkan rumah sudah ada, pergi ke bank, buat permohonan untuk pinjaman rumah, langsung tidak masuk akal, Tuan Yang di-Pertua. Tidak masuk akal, rumah sudah ada,

buat apa lagi buat pinjaman rumah. Inilah yang saya katakan tadi dia antara telur dengan ayam, yang mana dulu.

Jadi kita minta sekali lagi supaya pihak bank menyahut seruan kerajaan. Pihak institusi kewangan perlu menyahut seruan kerajaan supaya melihat kerenah birokrasi ini dari satu sudut yang penuh kebijaksanaan. Janganlah ia dijadikan suatu tudingan jari mengatakan, "Apa pegawai tidak fikirkah?" "Tidak ada otakkah?" dan sebagainya. Inilah kenyataan-kenyataan yang benar-benar berlaku di peringkat akar umbi, Tuan Yang di-Pertua.

Merujuk kembali kepada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sebentar tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya yakin apa yang telah dianjurkan oleh pihak kerajaan untuk memberi kemudahan kepada pengguna-pengguna, peminjam-peminjam ataupun masyarakat yang meletakkan kesucian pelaburan mereka itu di kedudukan yang teratas sekali adalah perlu kita berikan perhatian.

Hari ini kalau kita lihat mana-mana sistem perbankan, mana-mana sistem kewangan akan meletakkan *interest* atau faedah itu sebagai faktor utama keuntungan mereka.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tumpang tanya sedikit.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Sila, sila, tetapi saya belum habis jawab lagi Yang Berhormat bagi Pasir Puteh tadi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak apalah, saya tanya dahulu, nanti jawab sekali.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Okey, garang sahaja.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Kita faham sangat masalah bank. Bank bertujuan untuk menyimpan wang masyarakat, menyimpan wang orang ramai untuk memberi kemudahan dan kita pun hendak balik kemudahan yang kita simpan. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat mengenai dua perkara sahaja, perkara yang spesifik.

Pertama, pinjaman yang telah pun selesai, pinjaman keretalah kata, sudah habis bayar, hendak potong nama, ini mungkin rakan kita dalam Dewan ini juga terlibat, RM6 ribu diminta sebagai bayaran komisen kepada bank, hendak potong nama.

Kedua, Yang Berhormat dapat tidak yang pertama tadi? Pinjaman sudah selesai, hendak potong nama, saya bagi yang spesifik, tidak payahlah kita bincang jauh-jauh sangat. Bingung lagi nanti. Yang pertama, pinjaman sudah selesai, pinjaman kereta ini, yang rumah itu berat sangatlah. Tuan Yang di-Pertua, pinjaman kereta sudah selesai, hendak potong nama, kena bayar RM6 ribu sebagai kos komisen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak minta penjelasan atau berbahas?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Tangga Batu, apa pandangan dia?

Yang kedua, katalah deposit yang disimpan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, dia sudah keluar, dia simpan RM1 juta dalam bank, berlaku sesuatu kepada bank tersebut tetapi insuransnya cuma bayar mungkin sekitar RM150 ribu, ganti rugi dia. Jadi apa pandangan Yang Berhormat ke atas bank-bank yang ada, institusi kewangan yang ada tentang wang-wang deposit simpanan oleh orang ramai. Dua perkara saya minta pandangan daripada Yang Berhormat di peringkat awal ini. Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya minta izin untuk habiskan ulasan saya kepada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, lepas itu saya masuk ke Larut. Boleh Yang Berhormat bagi Larut ya?

Jadi kita berbalik kepada sistem perbankan Islam yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sebentar tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri adalah merupakan pelanggan kepada Bank Islam dan saya yakin ramai Ahli Yang Berhormat juga

adalah merupakan pelanggan kepada Bank Islam. Mungkin untuk meletakkan kesucian pelaburan tadi sebagai perkara utama di dalam apa juga bentuk pelaburan yang kita lakukan ialah, kalau sistem Islam ini dia panggil mudarabah ataupun ada perjanjian di peringkat awal, di mana perjanjian ini tidak berubah walau apa pun berlaku sama ada BLR itu meningkat ataupun menurun, tetapi ia tetap dengan apa yang telah dijanjikan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ada berlaku perkara yang menarik yang boleh kita bincangkan bersama dan mungkin mendapat perhatian daripada pihak Kementerian Kewangan iaitu apabila berlaku peningkatan ekonomi kepada pelabur umpamanya, ingin menyelesaikan pinjaman itu secara lebih segera daripada janji yang telah ditetapkan, maka kita lihat angka yang diletakkan oleh pihak yang mengamalkan perbankan Islam ini amat tidak bertepatan dengan apa yang dihasratkan oleh Islam iaitu sebagai contoh, apa yang telah dijanjikan, contohnya 20 tahun pinjaman itu, maka angka 20 tahun itu perlu diselesaikan walaupun masanya telah dipercepatkan.

Ini perlu perhatian, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya yakin apa juga sistem yang berasaskan Islam itu, ia tidak boleh menzalimi mana-mana pihak. Jika ia zalim, maka ia adalah *not Islamic*. Ia tidak *Islamic*. Bila tidak *Islamic* itu, maka perlu diberikan perhatian. Saya nampak juga mungkin mereka yang terlibat yang mempunyai pengaruh di dalam sistem kewangan Islam ini malas hendak buat kerja. Dia kata, "Kita kira mudahlah, kita kira 20 tahun, ini banyak jumlahnya". Cara dia sebut itu, "Ini kiranya *interest*lah juga, tuan." Dia sebut juga *interest*. Tetapi kalau boleh jangan disebut langsung *interest*. Ini perjanjian kita, pinjam RM100 ribu, bayar RM250 ribu pada penghujung 20 tahun, jumlahnya dan sebagainya.

Jadi saya setuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Pasir Putih sebentar tadi yang mana sistem kewangan ini perlu diberi perhatian secara terperinci supaya ia tidak menzalimi mana-mana pihak sama ada penyelia yang menyediakan pinjaman dan juga yang meminjam daripada mana-mana institusi kewangan yang mengamalkan sistem perbankan Islam.

Merujuk kepada celahan Yang Berhormat Larut sebentar tadi, saya kira ini pun zalim. Mana ada sistem dalam dunia apabila sudah selesai pinjaman yang dilakukan bayaran yang dilakukan oleh peminjam kemudian apabila hendakkan *transfer title* itu diperlukan satu lagi wang komisyen ataupun wang sumbangan yang berjumlah RM6,000 dan saya yakin kalau ini menjadi satu amalan oleh pihak perbankan maka tindakan perlu diambil oleh pihak Kementerian Kewangan sama ada mengambil tindakan kepada pegawai tersebut atau kalau ianya merupakan polisi institusi kewangan tersebut maka institusi itu perlu diambil tindakan oleh pihak Kementerian Kewangan.

Merujuk kepada wang deposit yang kalau dicontohkan tadi RM1 juta, kemudian insurannya adalah RM150,000, ini benar-benar menunjukkan jika ini berlaku maknanya pihak institusi kewangan tadi mengambil kira keuntungan mereka tanpa mengambil kira kepentingan penyimpan ataupun pelanggan-pelanggan mereka. Ini tidak seharusnya berlaku di dalam mana-mana institusi kewangan dan kita boleh balik kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jasin tadi. Kalau institusi kewangan dan bank-bank hanya mementingkan keuntungan di manakah sebenarnya falsafah pembangunan ekonomi tadi benar-benar boleh berlaku. Kalau kata bank hanya sibuk menyimpan keuntungan dan mengira wang di poket mereka, bagaimanakah wang tadi boleh disalurkan semula kepada masyarakat untuk menggalakkan kitaran ekonomi supaya kedudukan ekonomi di negara kita ini dihormati dan disegani oleh rakan dan lawan kita.

Tuan Yang di-Pertua, inilah perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pihak Kementerian Kewangan supaya ia benar-benar dapat dihayati oleh pihak-pihak institusi dan juga bank-bank.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Silakan Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tangga Batu. Saya ingin mengulangi hujah daripada Larut rakan saya sebab ini merupakan kebimbangan rakyat dan kebimbangan masyarakat. Bil ini akan kita lulus, jadi apabila kita luluskan ini bermakna kita juga Ahli Parlimen turut bersubahat dalam keadaan yang tidak baik. Jadi apakah Yang Berhormat ingin menyampaikan hasrat Yang Berhormat kepada kerajaan supaya dikaji pindaan ini ataupun mungkin dihalusi, dipinda semula sebab ini meragukan penyimpan pendeposit tersebut sebab wang disimpan satu juta apabila berlaku apa-apa kepada bank tersebut maka pulangnya cuma lebih kurang 150,000. Sedangkan pada ketika ini tanpa enakmen yang akan diluluskan ini tidak berlaku begitu apabila simpan RM1 juta pulangnya mesti RM1 juta. Jadi apakah pendirian Yang Berhormat dalam soal ini?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Pendirian saya ialah menyarankan kepada pihak kerajaan supaya memberikan perhatian kepada perkara-perkara yang melibatkan kebajikan dan kepentingan rakyat, ini pendirian saya dan saya ingat Kinabatangan pun bersetujulah dan pihak Kementerian Kewangan perlu memberikan perhatian apa yang telah disebutkan oleh Kinabatangan dan Larut sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi yang mungkin menyebabkan kita rasa ragu-ragu dengan sistem pentadbiran dan pengurusan kewangan di negara kita ini yang perlu diberikan perhatian iaitu baru-baru ini satu jenama baru lagi telah diperkenalkan iaitu sebuah syarikat swasta yang menjaga *credit listing* untuk pelanggan-pelanggan dan juga penyimpan-penyimpan. Syarikat ini diberi nama C-TOS atau Credit Tip Off Services. Ini satu gejala baru yang mungkin kita perlu lihat di mana Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku yang disebut oleh Larut tadi akan menjadi suatu perkara yang berleluasa apabila bank-bank, institusi kewangan ini hanya tahu bagaimana hendak *freeze* sesuatu penyimpan atau pelanggan ataupun penyimpan tetapi dia tidak pernah ingin melepaskan mangsa-mangsa tersebut apabila masalah ini selesai.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, yang paling ketara sekali ialah apabila mereka yang membuat pinjaman perumahan dan yang membuat pinjaman kenderaan dan juga membuat pinjaman perniagaan tidak membayar mereka akan terus disenaraihitamkan oleh syarikat ini. Jadi apabila peminjam-peminjam dan pelanggan-pelanggan ini menyelesaikan hutang mereka dengan pihak bank melalui syarikat ini peminjam-peminjam tadi ataupun mangsa-mangsa tadi tidak pernah disenarai putihkan semula yang akan menyebabkan mereka ini tidak boleh untuk menyertai ataupun melibatkan diri dengan mana-mana bank yang lain untuk mohon pinjaman ataupun mohon bantuan daripada bank-bank yang lain. Jadi perkara ini saya kira perlu diambil perhatian oleh pihak-pihak Kementerian Kewangan bagaimanakah C-TOS ini boleh melakukan sedemikian rupa sehingga menyebabkan mereka yang boleh menyelesaikan hutang mereka tadi tidak boleh lagi melibatkan diri dalam apa juga bentuk perniagaan yang ingin mereka terlibatkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Silakan Yang Berhormat Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai silakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tertarik tentang C-TOS, pertamanya saya hendak tahu daripada pihak Kementerian Kewangan, adakah C-TOS ini syarikat ini syarikat "Sdn Bhd".

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Adakah syarikat ini ditubuh atas *blessing* daripada kerajaan, kalau tidak mana boleh satu syarikat Sdn Bhd mengambil tahu hal ehwal pengguna, hal ehwal kita, *secrecy of our financial standing*, kita mana boleh macam ini. Kemudian kerajaan ada CCRIS, kerajaan ada FIS, C-TOS lagi ada, jadi berapa agensi sekarang ini memonitor tentang *financial standing* seseorang itu. Dalam keadaan ekonomi kadang-kadang menurun dan menaik, kita kena ingat kadang-kadang orang itu pendapatannya katakanlah RM1,500. Dia bayar bulan ini duit kereta, bulan hadapan dia tangguh kereta dia bayar duit rumah, dia *roll*, tetapi puak C-TOS ini kalau kita sudah masuk dalam itu, nama pun sudah keluar dalam surat khabar ataupun tindakan tertentu, kalau kita

hendak pergi balik dan hendak *clear* nama kita itu dia kutip pula RM30 dan sesetengah bank bukan panelnya.

Jadi, C-TOS ini apa kerjanya, apa dia buat, ia ditubuhkan dan adakah Bank Negara ataupun Kementerian Kewangan, mereka ini mendapat kebenaran ataupun tanpa kebenaran boleh, maknanya esok kalau Tangga Batu hendak buka tangga, boleh pergi dan cek apa-apa pun, kita boleh cek, letak nama Tangga, pergi cek, Padang Terap punya *financial outstandingnya* macam mana. Jadi kerjanya *published* dan ini Tuan Yang di-Pertua serta Tangga Batu, imej seseorang itu kita kena jaga juga, kita faham kadang-kadang orang berniaga ini kita *delay*, kadang-kadang orang berniaga ini modal RM1,000 dia *roll* jadi RM10,000 itu makna berniaga. Dia bermodal RM100,000 dia *roll* jadi RM1 juta, itu cara berniaga.

Jadi, kadang-kadang tersangkut sana-sini kemudian kerajaan mengalakkan orang berniaga *at the same time*, bank pula kalau hendak buka akaun ini kerana disebabkan oleh satu kita *delay payment hire-purchase* kita tidak boleh buka akaun, kita tidak boleh ambil *loan* kerana satu kita *delay* dalam *payment* ataupun *hire-purchase* kita terlambat ataupun Larut terlambat bayar rumah kah apa, sudah C-TOS, CCRIS datang, yang ini datang, yang itu datang, jem habis....[Ketawa] Lepas itu galak semua berniaga. Hendak galakkan apa? Kemudian Kredit Kad macam Batu Gajah katakan tadi, beri. Yang hutang beri, yang ini sekat jadi celarulah kita punya pertumbuhan ekonomi negara kita. Jadi, saya hendak sama ada Kementerian Kewangan memperjelaskan syarikat-syarikat mana, adakah banknya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sekarang yang berucap ialah Tangga Batu bukan pihak kerajaan, Yang Berhormat sudah sesatkah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sekejap lagi, saya tangguh dan saya bercakap ya, jadi apa pandangan Tangga Batu berkenaan dengan C-TOS? Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Saya buka tajuk ini memang saya hendak minta penglibatan daripada Yang Berhormat Jerai padal Yang Berhormat Jerai bercerita tentang C-TOS, CCRIS dan sebagainya. Apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Jerai tadi memang benar sama sekali dan saya pun tidak bercadang hendak menjawab kerana itu menjadi sebahagian daripada ucapan saya.....

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [Bangun]

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Ledang, Ketereh.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya minta maaf Ketereh, saya bagi Ledang dahulu pasal Ledang dia minta hendak mencelah dahulu tadi, lepas ini Ketereh pula.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tangga Batu. Tuan Yang di-Pertua, yang saya sedia maklum selain daripada C-TOS ada lagi satu syarikat yang mempunyai fungsi yang sama iaitu Basics Sdn. Bhd. ataupun nama penuhnya *Business and Search Information Services*. Sama ada C-TOS atau Basic yang saya fahamlah sebab saya pernah berurusan dengan C-TOS, tujuannya baik diberikan kebenaran oleh Bank Negara untuk memberikan maklumat terkini tentang mereka-mereka yang pernah berurusan dengan bank bagi tujuan peminjaman ataupun berurusan dengan bank selanjutnya, baik.

Tetapi malangnya Tangga Batu, malangnya ialah sikap bank-bank, bank-bank dalam negara Malaysia yang terlalu bergantung dengan C-TOS dan Basic dan menggunakan maklumat tersebut secara bulat-bulat tanpa mereka membuat kajian lanjut sama ada maklumat itu terkini ataupun sebaliknya. Sebab apabila saya berurusan dengan C-TOS, pihak C-TOS mengatakan bahawa bukan tanggungjawab mereka untuk memberikan kata putus sama ada mereka yang hendak meminjam ini boleh diberikan pinjaman, senarai hitam dan sebagainya.

Kami hanya menyediakan senarai yang terkini, yang ada dalam simpanan kami, selanjutnya ialah terpulang kepada bank untuk membuat semakan selanjutnya, sama ada ini benar ke tidak. Tetapi masalahnya sekarang, bank menjadikan maklumat daripada C-TOS ataupun Basic itu sebagai satu keputusan akhir. Dan, kalau boleh Tangga Batu membuat sedikit ulasan, adakah ini akan menyebabkan urusan ekonomi dalam negara terganggu kerana perniagaan terganggu dengan sebab pihak bank menjalankan ataupun mengendalikan secara mudah tanpa mengambil kira kepentingan keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Sama-sama Yang Berhormat Ledang. Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ledang tadi, C-TOS dan Basic ini, ia lebih kepada menggalakkan pengurusan dan pentadbiran bank ini masuk ke dalam sindrom *performing a duty*. Masing-masing rasa menjalankan tugas telah melaksanakan tugas masing-masing tetapi masing-masing sebenarnya *failed to manage a product*, gagal untuk mengurus produk. Produk yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, adalah penyimpan-penyimpan dan pelanggan-pelanggan tadi menikmati apa juga bentuk perkhidmatan yang disediakan bank-bank.

Jadi, di sini kita dapat lihat bila mereka menuding jari C-TOS dan Basic kata bank, bank kata C-TOS, Basic dan sebagainya, masing-masing cuba melepas tangan. Mereka mungkin telah melaksanakan tugas tetapi gagal untuk menguruskan produk iaitu yang akhirnya apabila peminjam-peminjam, pelanggan-pelanggan dapat *perform*, dapat bayar semula pinjaman-pinjaman mereka dan mereka sebenarnya telah menjadi faktor utama melumpuhkan ekonomi negara. Begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya pandang kerenah yang telah disebut oleh Yang Berhormat Ledang sebentar tadi.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [Bangun]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Sila, Yang Berhormat bagi Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tangga Batu kerana bagi saya peluang. Saya hendak sambung pengalaman, hendak beritahu pengalaman saya mengenai C-TOS ini. Bagaimana ianya telah, tujuannya baik tetapi ianya telah disalah ertikan, di salah gunakan. Saya ada seorang kawan, dia diberikan kad *supplementary*, 'credit card' oleh abangnya. Dia tidak pernah guna pun kad *supplementary* ini, abang dia itu guna kad *main*, akhirnya abang dia ini berhutang banyak dan tidak bayar, lari.

This supplementary cardholder, satu hari hendak buat rumah pergi ke bank dan dia telah di *blacklisted*, bila *check* dia ini adalah penghutang yang sangat besar. Tetapi bila *check* dia tidak ada hutang, yang ada hutang ialah pemegang *main card* tetapi *supplementary cardholder* ini terpaksa menanggung tanggungjawab orang yang tidak berhutang, akhirnya dia di *blacklisted* oleh bank dan dia tidak dapat buat pinjaman perumahan. Dia datang jumpa saya, saya bawa pergi jumpa pegawai bank dan pegawai kata dia tidak boleh buat apa-apa sebab dalam Akta Kredit Kad itu bila *supplementary cardholder* itu tanggungjawab dia sama sahaja dengan *main cardholder*. Dan ini sebenarnya tidak seperti mana Ledang kata sebagaimana kawan-kawan yang lain beritahu bahawasanya ini sebenarnya tidak menguntungkan negara tidak menguntungkan bank tersebut, itu pengalaman yang pertama.

Pengalaman yang kedua saya sendiri. Saya jamin orang pinjam kereta, bukan saya yang pinjam kereta. Kawan ini tidak bayar tiga bulan, empat bulan bila saya hendak buat *loan* rumah, nama saya juga keluar dari *black list* dalam C-TOS. Saya kata ini pasal apa, bila saya berhutang, bila semak rupa-rupanya orang itu yang tidak bayar. Dia bukan tidak bayar cuma dia tangguh pembayaran. So, apa yang saya hendak minta penjelasan daripada Tangga Batu ialah kita buat satu undang-undang, kita buat satu perubahan, kerajaan kita ialah untuk memudahkan rakyat. Tetapi akhirnya undang-undang yang kita buat itu sebenarnya tidak memudahkan, menyusahkan. Oleh sebab itu adalah menjadi tanggungjawab kita kerajaan dan Kementerian Kewangan untuk melihat perkara itu supaya perkara yang kita buat ini akhirnya mendapat manfaat kepada rakyat. Mohon penjelasan. Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya nampak *problem* yang, masalah yang dihadapi oleh Ketereh sebentar tadi adalah merupakan masalah yang memang dialami oleh ramai di antara pemegang-pemegang kad utama dan juga kad tambahan ini. Serupa juga bila Yang Berhormat sebut tentang penjamin tadi. Saya yakin kalau pihak Kementerian Kewangan memastikan bahawa pelaksanaan kepada dasar-dasar yang ditetapkan ini dipantau secara rapi, mempunyai mekanisme kawalan yang begitu terperinci, ia tidak akan mendatangkan masalah kepada masyarakat dan juga orang ramai. Tuan Yang di-Pertua, tentang penjamin ini, terima kasih Ketereh sebut penjamin ini, ini pun satu perkara yang perlu diberikan perhatian oleh Kementerian Kewangan. Masalah....

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kinabatangan bangun.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Sama kes penjamin dia. Ini penjamin yang peminjam depan mata dia tidak tangkap kita sebelah.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya! Jawab sekali.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ha! Jawab sekali, okay.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kebetulan Timbalan Menteri pun ada. Kita hendak menjadikan Parlimen kita, undang-undang kita *world class*. Jadi, apabila *world class* kita bertanggapan pindaan akta pada hari ini hendaklah mengikuti keadaan zaman iaitu tidak menyusahkan peminjam, tidak menyusahkan orang lain. Saya bukan seorang *bankers* tetapi kerajaan telah meletakkan undang-undang setiap ada peminjam, ada penjamin pula *guarantor*. Dalam kes ini, saya sendiri kena. Seorang usahawan di Sandakan di kawasan saya meminjam sebuah lori. [Disampuk] Ditengok usahawan berjaya tetapi apabila pertengahan, ekonomi dia tidak baik dan dia tidak boleh bayar lari, kena tarik, saya yang dikejar oleh bank, baru habis bayaran saya lebih kurang empat lima bulan yang lalu.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Berapa ribu?

Datuk Bung Moktar bin Radin: 64 ribu. Ini bermakna kalau tidak ada orang lagi mahu jadi menjadi penjamin atau *guarantor* atau *security*, bermakna bank tidak ada berniaga sebab orang tidak boleh meminjam. Jadi, tidakkah kerajaan berhasrat untuk meminda undang-undang yang tidak adil ini sebab kita ini penjamin tidak tahu apa-apa, kita cuma menjamin supaya dia boleh percaya tetapi perancangan perniagaannya tidak berjaya. Jadi, apakah Yang Berhormat berhasrat untuk mencadangkan kepada kerajaan supaya dikaji bahawa peminjam-peminjam tidak perlu lagi ada *security*, tidak perlu lagi penjamin sebab ini memperdaya penjamin?

Ini rasa saya perlu diubahsuai daripada kita mengenakan syarat-syarat yang ketat tetapi pihak bank pula apabila peminjam itu berhutang berjuta-juta ringgit dia tidak ambil tindakan. Dia *negotiate*, dia runding, runding, runding tetapi macam kita begini kena puluh-puluh ribu dia kasi kena. Ini tidak adil. Jadi, apakah Yang Berhormat ada cadangan seperti saya memberitahu kerajaan supaya menukar akta yang sudah lapuk ini, yang tidak memberi keuntungan kepada masa depan perbankan kita di seluruh negara? Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Itu pun sebahagian daripada ucapan saya itu, pasal saya memang saya hendak cakap benda itu. Jiran menjamin jiran sebelah. Yang peminjam beli kereta, yang menjamin jiran sebelah, peminjam hidup sihat, dalam *broad daylight* ada, tetapi Pasukan Penguat Kuasa ini datang ke rumah penjamin, hendak saman penjamin iuntuk bawa ke mahkamah kerana menjamin peminjam sebelah. Ini perlu dilihat, bagaimanakah penguatkuasaan ini perlu menggunakan lagi sekalilah budi bicara dan juga kebijaksanaan mereka apabila ingin melaksanakan dasar serta polisi yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya nampak mungkin dalam hal kita menggubal rang undang-undang ataupun membina undang-undang ini, kita perlu

beranggapan yang manusia ini sebenarnya bukan dilahirkan baik. Kalau kita nak gubal undang-undang yang terbaik, kita kena bertanggung manusia ini lahirkan jahat, barulah sistem undang-undang tadi membentuk manusia ini menjadi ke arah kebaikan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya ingat Yang Berhormat bagi Tangga Batu tarik balik.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tidak, saya kiralah kalau hendak gubal pun..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Manusia dilahirkan baik.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: ... saya tarik balik itu. Yang Berhormat Sri Gading saya tarik balik. Cuma saya kata, "*Kita kena bekerja ke arah itu*". Saya faham [*Bercakap dalam Bahasa Arab*] memang kita ini adalah sebaik-baik kejadian. Tetapi untuk pekerjaan, untuk pembinaan undang-undang yang membentuk perangai manusia, sistem yang boleh membentuk perangai manusia, kita perlu fikir secara itu, fikir sahaja, bukan kita berpegang seperti itu. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ayahanda saya dari Sri Gading.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit sahaja.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ada lagi? Silakan Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak sambung pandangan dari Yang Berhormat bagi Kinabatangan, kasihan tadi dia jadi penjamin. Saya ingat kita bagi *point* sedikit kepada Kementerian Kewangan sebab ada *certain*, dengan izin pinjaman Tuan Yang di-Pertua, yang tidak memerlukan penjamin. Saya bagi contoh, macam kredit kad, tidak perlukan penjamin dia boleh beli kereta macam Yang Berhormat bagi Jerai, dia *dealer* ke? *Car dealer*, dengan izin sebagai contoh. Kenapa tidak Kementerian Kewangan ingin melihat amaun sesuatu pinjaman itu tidak perlu ada penjamin.

Sebab kad kredit tidak perlu penjamin, bertaburan kita dapat. Berpuluh ribu orang pakai sains sahaja. Macam Yang Berhormat bagi Kinabatangan dia pakai *platinum* saya difahamkan. Jadi boleh atau tidak Yang Berhormat kita setuju pandangan supaya kita cadangkan kepada kerajaan penjamin ini tidak perlu pada *amount*, dengan izin, pinjaman oleh kerana kita sudah lihat tadi. Kredit kad kita dapat tidak ada perlu penjamin. Jadi kenapa kita hendak menyulitkan lagi? Kita didikan masyarakat kita ini supaya lebih bertanggungjawab ke atas peminjam. Ini lebih baik. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Kalau kita lihat daripada skim pinjaman, sistem pinjaman kewangan di negara kita ini, memanglah bilangan penjamin itu melebihi daripada bilangan peminjam. Kalau peminjamnya seorang, penjaminnya perlu lebih daripada seorang, sama ada dua ataupun tiga. Akhirnya dia akan menimbulkan masalah sosial apabila jumlah si berhutang ini lebih ramai daripada yang sebenarnya yang meminjam. Pinjam seorang, yang jamin tiga orang. Yang masalahnya tiga orang tadi. Saya bersetujulah dengan Yang Berhormat bagi Larut supaya undang-undang ini dilihat semula dan dikaji secara terperinci supaya ia tidak membina satu masalah yang lebih besar dalam sistem kewangan negara kita.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Sila Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat sedia maklum sebab itu dalam Islam, riba ini semua haram. Jadi pihak bank pun dia kena faham, rang undang-undang ini kita berserah sahaja, benda ini hendak disetujui atau tidak - ia sudah diluluskan. Bukan kita bincang kemudian baru hendak diluluskan. Cuma kita beri pandangan sahaja, biasa tidak pernah tidak lulus, Dewan Negara ada sekali tidak lulus. Sekarang ini bank dia berniaga, dia tidak mahu ambil *risk*, tidak ada *risk* langsung. Kalau kawan itu, tidak ada *financial standing*, tidak usahlah bagi pinjaman. Pasal apa bergegas panggil penjamin mari, kemudian kadang-kadang... dahulu tidak apa, sekarang ini wakil rakyat kita tidak boleh, kita kata, "*Kerajaan tidak boleh jamin*", dahulu wakil rakyat teruk Tuan Yang di-Pertua. Jamin sekolah, jamin itu, jamin ini kita kena jamin.

Last sekali apabila kita pencen, pencen kita itu habis bank ambil, bank dia ambil habis pencen, kita kena tahan..... bukan ada fasal. Jadi apakah jaminan ini, kita bercakap, mungkin ada akauntan apa semua di sini. Jaminan ini adakah begitu perlu. Kalau saya didapati tidak layak mengambil pinjaman kerana pendapatan saya yang tidak sepatutnya, saya tidak mempunyai harta yang secukupnya, fasal apa hendak suruh saya pergi cari penjamin untuk membantu saya mendapat pinjaman dan akhirnya apabila saya tidak boleh bayar, yang jadi mangsa ini orang yang menjamin. Adakah adil dari segi itu? *Is it fair or not?* Dengan izin. *Not very fair, it's not fair at all.* [Ketawa] Jadi undang-undang ini semua manusia buat, bank dok *declare million-million* keuntungan. Mangsa ini bertaburan, mangsa *guarantor* ini bertaburan. Jadi apakah kita tidak boleh cari satu formula, bank pun kena ambil risiko.

Maknanya kalau orang itu dia berasa dia boleh bagi pinjaman, bagilah, kalau tidak bagi sudahlah. Fasal apa anak kena cari *guarantor*? Masa saya dahulu di Majlis MARA Tuan Yang di-Pertua, saya pastikan yang hendak menjamin budak itu pergi sekolah adalah keluarga dia, bukan orang luar. Fasal apa pergi ambil orang luar? Anak saya hendak pergi universiti, ambil pinjaman MARA. Fasal apa Yang Berhormat bagi Tangga Batu hendak jadi penjamin? Sepatutnya abang sayakah, adik saya, keluarga saya menjamin anak saya pergi.

Jadi, kalau dia tidak bayar duit MARA, yang hendak bankrap pak dia. Dia sanggupkah tengok pak dia bankrap kerana dia tidak bayar duit MARA? Boleh, tidak apa saya jalan, la ini keluarganya. Tidak dahulu jenuhlah, kalau anak nelayan dapat bantuan MARA dan hendak penjamin, siapa hendak menjamin anak nelayan ini? Siapa hendak jamin, pak dia pergi ke laut. Tidak ada sesiapa, orang susah. Jadi sekarang ini keluarga dia jamin, abang diakah, kakak diakah, adik diakah.

Adik hang hendak pergi sekolah hang jamin, kalau tidak bayar, hanglah bankrap. Itulah cara dia. Jadi bank carilah satu formula. Ini kalau hendak pinjaman, betul, saya setuju, tetapi yang hutang bank ratus-ratus *million* ini apa buat? Hak yang pak long mat kayuh gerak... pergi ambil pinjaman seratus dua ratus macam-macam dia hambat mari dalam kelambu. Korporat-korporat yang hutang bank beratus-ratus juta, apabila korporat itu demam CEO bank bawa ubat pergi jaga dia, bawa pergi klinik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana yang tahu ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya pun korporat juga. [Ketawa] Saya korporat. *Retirement* ini boleh buat macam-macam Tuan Yang di-Pertua - selalu macam itulah. Saya tahu penyangak berapa orang ini, korporat-korporat penyangak ini tipu kerajaan Tuan Yang di-Pertua. Kita boleh baca nama, tetapi hendak jaga maruah, bukan saya tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bilakah Yang Berhormat dijemput berucap? [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan Yang Berhormat, setuju atau tidak setuju Yang Berhormat bagi Tangga Batu? Saya tengah *hot* ini.....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, saya setujulah apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai sebentar tadi. Yang saya ingat saya pun sudah terlupa juga sebenarnya saya berucap. [Ketawa]

Oleh kerana celahan Yang Berhormat bagi Jerai tadi sudah berupa satu ucapan, saya minta dimasukkan dalam ucapan saya jugalah.

Tuan Chong Hon Min: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sandakan.....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya rasa mulia sangatlah apabila Yang Berhormat bagi Sandakan berdiri untuk mencelah, jadi saya silakan Yang Berhormat bagi Sandakan mencelah.

Tuan Chong Hon Min: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Sebagai matan pegawai bank, yang pernah meminta orang menjadi penjamin, ingin saya menjelaskan sedikitlah tentang mengambil seorang sebagai penjamin bagi sesuatu pinjaman. Biasanya kalau peminjam yang berkenaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak meminta penjelasan atau...

Tuan Chong Hon Min: Ya, nanti saya tanya dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tanya dia.

Tuan Chong Hon Min: Jadi, itu penjelasan saya sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan hendak jawab bagi pihak kerajaan?

Tuan Chong Hon Min: Tidak, tidak. *[Ketawa] [Tepuk]* kerana sebelum ini saya pun ada minta orang menjadi penjamin. Sekarang ada Yang Berhormat cakap mengambil seseorang itu menjadi penjamin nanti pun tidak adil kepada mereka. Biasanya dalam keadaan peminjam dia punya pendapatan tidak stabil ataupun biasanya pekerjaan pun tidak stabil, memang ada sedikit naik turun dia punya pendapatan, jadi penjamin ini diminta dan juga penjamin ini kalau diminta menjadi penjamin, maklumat tentang pinjaman semua diberikan kepada penjamin itu. Dia tahu semua keadaan pinjaman itu berapa dia mahu pinjam, bagaimana cara ansuran bayar balik semua dia tahu. Jadi memang sudah jadi kerelaan bagi penjamin.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau pendapatan naik turun apa pasal kasi? Itu pendapatan naik turun.....

Seorang Ahli: Dia jadi menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Apasal boleh kasi kalau pendapatan dia naik turun?

Tuan Chong Hon Min: Bukan, ada yang dia punya pendapatannya ambil komisyen. Jadi, dia punya gaji tidak stabil dalam keadaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai.

Tuan Chong Hon Min: Jadi tentang C-TOS, sama juga dengan basis, yang sama juga kerana maklumat diambil oleh C-TOS atau basis dari *official assignee* atau dari surat khabar yang memberitahu bahawa si peminjam ini sudah tidak dapat bayar kerana itu jadi *court case*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Chong Hon Min: Di sinilah semua maklumat diambil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat apakah soalan sekarang?

Tuan Chong Hon Min: Jadi, inilah keadaan yang sebenarnya, bank yang menjalankan urusan prosedur tentang pinjaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Inilah jawapan Yang Berhormat.

Tuan Chong Hon Min: *[Ketawa]* Jadi terima kasih banyak.

Beberapa Ahli: Dia bela bank.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua saya nampak pasal Yang Berhormat Sandakan kita ini, dia tidak boleh beri tumpuan kerana dia terlalu bebas.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Sana tidak, sini pun tidak, dia bebas jadi dia tidak tertumpu. Jadi walau bagaimanapun, saya boleh hayati apa yang cuba disampaikan oleh Yang Berhormat Sandakan tadi dia lebih kepada sebenarnya persetujuan, itulah Bai'ah tadi itu, persetujuan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Minta penjelasan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya Yang Berhormat Jerai belum habis, Sandakan kalau habis terus Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Satu kali jawab.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Hendak jawab untuk Yang Berhormat Sandakan tadi?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, sekalilah. Ini persoalan, di mana saya sehaluan dengan rakan-rakan supaya meminta Yang Berhormat menyampaikan hasrat kita, ini hasrat daripada pihak akar umbi. Masalah yang kita hadapi seperti awalan saya katakan, bahawa kerajaan tidak memfokuskan apa yang perlu diubah dalam kita punya undang-undang yang sedia ada.

Saya tidak tahu sama ada pegawai kewangan kita tidak ada kemahuan ke arah itu ataupun mereka mungkin terlepas pandang undang-undang yang lapuk ini yang boleh menyebabkan mungkin ekonomi negara kita juga tidak berkembang ataupun mereka sengaja, jadi hari ini kita, memberi peringatan kepada kerajaan walaupun ada akta undang-undang yang perlu dipinda sejajar dengan tuntutan keadaan. Tuntutannya pada hari ini, seperti yang kita katakan Yang Berhormat kita ingin mahu menyampaikan kepada kerajaan supaya mengkaji apa juga urus niaga tidak lagi melibatkan penjamin, cuma peminjam. Kalau dia tidak layak, perniagaan dia turun naik macam Yang Berhormat Sandakan cakap tadi bermakna dia tidak layak.

Buat apa mengheret penjamin apabila peminjam itu diberi disebabkan oleh penjamin, ada juga pegawai-pegawai bank yang tidak tahulah apa pandangan dia, apabila ada peminjam dia kata, "*Awak boleh lulus tetapi jumpalah wakil-wakil rakyat minta jaminan, kita bagi*" Itu dia perangkap kita. Jadi orang itu jumpa kita, pegawai bank itu cakap, Yang Berhormat sains jamin dapat. Eh, saya bilang itu pegawai bank gila itu. Apa pasal dia suruh jumpa kita minta jaminan? Kenapa kerajaan tidak adakan satu undang-undang bahawa tidak perlu penjamin asal dia layak, dia dibagi; tidak layak tidak runding-runding lagi.

Jadi kita pun tidak terperangkap dengan keadaan sebegini sebab orang-orang kampung ini banyak yang meminjam sedikit-sedikit RM10, RM30 ribu tetapi mahu juga penjamin. Sedangkan Yang Berhormat Larut cakap *credit card* ini tidak ada penjamin, dia buat *road show* di mana-mana kita bagi IC sahaja dia bagi kita. Macam Yang Berhormat Larut platinum dia saya tengok ada sepuluh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dua puluh.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Jadi, contohnya. Kenapa kerajaan tidak terfikir untuk mengubah hala tuju perbankan kita ke arah tidak menyempitkan masyarakat dan tidak menyusahkan mana-mana pihak. Di samping, itu bank tidak berkesempatan untuk memeras ugut si penjamin sebab inilah bank punya hakikat.

Dia tidak peduli siapa itu orang tetapi dia mahu untung sendiri tetapi Yang Berhormat Jerai kata kalau hutang itu beratus berpuluh-puluh juta kalau itu orang sakit, bank menangis. Dia menangis, dia bagi ubat, dia nasihat, dia bagi itu ini sebab dia takut dia punya duit lesap, tetapi kalau hutang itu di bawah RM50 ribu ke bawah, ha, jaga dia akan kejar sampai bila-bila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat juga macam berucap.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak, mesej saya, saya minta dia menjelaskan kepada kerajaan, terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, saya terima kupasan oleh Yang Berhormat Kinabatangan kemudian saya akan sampaikan kepada Menteri Kewangan, lalu sini pergi ke sana.

Itulah sebenarnya rintihan yang kita dapat dengar. Sebagai contoh Yang Berhormat Kinabatangan sendiri adalah merupakan mangsa kepada sistem pengurusan dan pentadbiran kewangan di negara kita pada hari ini. Lagi satu saya dengar apa yang Yang Berhormat Sandakan sebut tadi dia pun agak keliru mana satu penjamin, mana satu peminjam, dia dekat-dekat terbalik M, terbalik N sahaja sudah jadi penjamin peminjam, peminjam penjamin.

Akhirnya sekarang penjamin jadi peminjam, peminjam jadi penjamin kita pun tidak tahu yang pastinya di sini undang-undang yang ada di hadapan kita ini tidak membela yang sepatutnya terbela, Tuan Yang di-Pertua. Jadi inilah perkara-perkara yang saya kira perlu diberikan perhatian terutama sekali ialah tentang faktor pengurusan dan pentadbiran kewangan yang dapat memastikan produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh sistem kewangan di negara kita ini sentiasa berada di tahap yang konsisten yang tidak boleh dipertikaikan dan tidak boleh menjejaskan kualiti hidup masyarakat yang akan menimbulkan masalah sosial dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi yang saya kira perlu diberikan perhatian oleh pihak Kementerian Kewangan. Baru-baru ini, sebuah institusi kewangan *Maybank Finance* telah pun menawarkan kepada pemilik-pemilik unit Amanah Saham Selangor untuk menyelesaikan apa juga bentuk pinjaman yang telah dipersetujui pada tahun 1994 ketika Amanah Saham Selangor diasaskan - digagaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya salah seorang daripada terlibat dan beberapa orang rakan lain yang terlibat, apabila kita menggunakan skim yang paling mudah pembayarannya iaitu RM24 satu bulan dan jangka masa pinjaman ini adalah selama 15 tahun.

Pada tahun 1994 Tuan Yang di-Pertua, sekarang tahun 2005, lebih kurang 11 tahun, setelah 11 tahun kerajaan Negeri Selangor telah mengisytiharkan kepada semua pemilik-pemilik Amanah Saham Selangor boleh melupuskan amanah saham ini. Boleh melupuskan unit-unit yang mereka miliki pada nilai RM1 seunit. Yang Berhormat Serdang mengangguk itu maknanya yalah. Malangnya Tuan Yang di-Pertua, yang menggunakan skim paling mudah bayaran ini adalah mereka yang benar-benar berpendapatan rendah tetapi mempunyai minat yang tinggi dalam melibatkan diri; mempertingkatkan tahap ekonomi mereka - "Mengharapkan padi seberang, entahkan jadi, entahkan tidak, entah dimakan pipit melayang."

Inilah dia, Tuan Yang di-Pertua. Hari ini ia telah menjadi satu masalah sosial yang besar apabila peminjam-peminjam skim *Maybank Finance* ini telah terpaksa membayar semula sejumlah wang yang besar walaupun mereka secara tekun membayar RM24 tiap-tiap bulan selama 11 tahun tanpa gagal. Di manakah sebenarnya pembelaan kepada masyarakat yang benar-benar ingin mempertingkatkan taraf ekonomi mereka.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Hari ini mereka dibebani dengan surat-surat daripada pengamal-pengamal undang-undang yang mengugut mereka untuk mengheret mereka ke mahkamah. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit. Saya terpanggil untuk mencelah pasal saham Amanah Saham Selangor. Sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak, satu, diminta untuk dijual mengikut kata mereka yang membeli. Kedua, kalau tidak dijual balik dalam tempoh-tempoh tertentu saham-saham tersebut akan diserahkan kepada Amanah Raya. Apakah ini akan bukan sahaja membebaskan pembeli saham tersebut tetapi akan menimbulkan satu gambaran yang tidak sihat, jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sekejap, pertama, pasal *credit card* tidak ada, ya? Yang Berhormat Kinabatangan dia mungkin tersinggung sebab

saya beri contoh pasal *credit card*. Macam saya katakan tadi, mungkin ini saya tidak tahulah dari segi keadilannya kemudahan yang disediakan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Pertama, diberikan tempoh kalau tidak dijual balik saham tersebut, kesemua saham-saham tersebut akan diserahkan kepada Amanah Raya.

Dalam satu tempoh jangka waktu yang begitu pendek saya rasa, mungkin setengah orang dah mula lupa saham-saham yang dibeli dan akhirnya bukan sahaja mencetuskan kerugian pada penyimpanan, pembeli saham tersebut, tapi menimbulkan satu keadaan yang tidak sihat. Jadi apa pandangan Yang Berhormat dalam situasi ini? Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Boleh jawab sekali?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Boleh. Kinabatangan dengan Larut, dia kembar, boleh.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, Yang Berhormat, perkara yang sama ini juga dihadapi di negeri Sabah. Saya nak Yang Berhormat bertanya kepada Kementerian Kewangan, kenapa mereka memberi lesen kebenaran kepada negeri-negeri yang telah beria-ia berhasrat untuk membuka amanah saham sendiri, Amanah Saham Johorlah dan sebagainya termasuk Saham Amanah Sabah (SAS).

Dan saya sendiri telah diminta selaku wakil rakyat supaya kita membuat promosi, *road show* di kampung-kampung meminta orang kampung membeli saham ini. Apa lagi kita pun menjualah sebab ini dana dengan kebenaran Perbendaharaan Malaysia. Persoalan yang kita hadapi, kenapakah Perbendaharaan Malaysia ini, Kementerian Kewangan tidak meneliti potensi saham-saham ini?

Daripada RM1 Saham Amanah Sabah sekarang cuma bernilai 18 sen. Masalah yang dihadapi banyak yang meminjam di perbankan, di bank-bank sehingga hari ini ada yang mufli, ada yang masih dikejar. Jadi orang kampung, tiap-tiap kali kita masuk, "*Yang Berhormat, Yang Berhormat yang bawa ini amanah, apa sudah jadi sekarang?*" Duit kita orang daripada RM1 ribu tinggal RM180. Jadi, saya mahu Yang Berhormat meminta kementerian apakah cara untuk membantu mereka ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mengapa Yang Berhormat sendiri tidak bawa perkara ini kepada kerajaan?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak apa, nanti saya bawa panjang-panjang. Ini *sideline* sahaja dalam ucapan untuk menjadikan kita punya Yang Berhormat Tangga Batu banyak input untuk dicakapkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Input dia sudah cukup banyak.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya tengok belum lagi, dia mahu lagi ini, dia sambung lagi. Meminta kerajaan supaya masalah ini ditangani kalau hal-hal lain kerajaan boleh *bail out*, kenapa masalah rakyat kerajaan tidak boleh tanggung? Cuba Yang Berhormat tanya, kenapa hal-hal yang tidak perlu, kerajaan boleh *bail out* seseorang individu supaya dia tidak mufli, kenapa masalah rakyat dibiar-biarkan?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Yang Berhormat Kinabatangan minta saya tanya, saya tanya. Kenapa dalam hal-hal tertentu kerajaan boleh *bail out* individu-individu, tetapi apabila kena masalah rakyat kerajaan tidak buat apa-apa? Saya ulang balik apa yang disebut oleh Kinabatangan sebentar tadi. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ledang bangun.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Batu Gajah cakap apa tadi? *[Ketawa]* Okey, itulah keadaannya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ledang bangun.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya ingat nak ulas lagi, sekali gus? Jawab dulu?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Sekali gus? Okey, silakan Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tangga Batu. Sekurang-kurangnya Tuan Yang di-Pertua, Johor sudah ada penyelesaian, Johor sanggup beli 10% daripada saham ASJ untuk melunaskan hutang di bank-bank. Tetapi persoalannya Tuan Yang di-Pertua ialah kalau Tangga Batu boleh bersetuju....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan nak minta Yang Berhormat Tangga Batu bawa kepada kerajaan?

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Sekurang-kurangnya Tangga Batu ada satu, -adakah Tangga Batu bersetuju? Nampak sangat bank-bank sekarang ini, dia suka mencari pelanggan untuk kepentingan mereka. Kalau kerajaan lancarkan Amanah Saham, mereka cari pelanggan. Tadi pun Ketereh sebut, tetapi saya dan rakan-rakan yang lain masih dihujani oleh surat-surat daripada bank-bank supaya kita mohon *supplementary card, credit card*. Kita tak nak dipujuk, tak nak, pujuk, akhirnya ramai kawan-kawan kita juga masih dipujuk kerana mereka ada agenda keuntungan.

Tetapi bila bermasalah, mereka cari kita, cuma soalnya Tangga Batu ialah apabila orang meminjam dengan jumlah yang besar, dengan nilai yang besar, RM10 juta, RM30 juta, tak bayar, pegawai bank datang ke rumah, jemput mereka datang ke bank dengan *carpet* merah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kata Jerai kalau sakit hantar ubat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tapi kalau kita hutang RM10 ribu, RM20 ribu, dia cari kita macamlah kita ni penjenayah besar dalam Malaysia. Adakah Tangga Batu bersetuju? Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tahniahlah Kerajaan Negeri Johor berjaya menyelesaikan masalah ataupun kemelut Amanah Saham Johor, itu pun 10% saja Tuan Yang di-Pertua. Tidak tahulah kalau Tuan Yang di-Pertua pun terlibat sama.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Larut, oleh Jerai, oleh Kinabatangan sebentar tadi benar-benar telah menjadi masalah sosial di peringkat akar umbi. Kalau kita lihat orang tua, orang lama yang itulah menjadi sumber pendapatan mereka, mengharapkan sesuatu pulangan. Bukan untuk mereka menjadi kaya tetapi menyahut seruan kerajaan untuk melabur di dalam amanah-amanah saham yang menjanjikan mereka bukan pun kesenangan, tetapi pulangan yang lebih baik daripada apa yang mereka labur.

Hari ini Tuan Yang di-Pertua, mereka terpaksa pula membayar dengan jumlah yang banyak, dahlah 10 tahun, kalau RM24 sebulan, setahun lebih kurang RM280, 10 tahun RM2,800 dan kena tambah lagi RM4,300, bayangkan Tuan Yang di-Pertua, di manakah selama ini yang kerajaan melaung-laungkan sebenarnya mereka membela rakyat, meletakkan rakyat ini di tempat yang sepatutnya, kita bela dalam faktor ekonomi dalam perkara ekonomi ini. Ini yang saya kira telah dibangkitkan oleh Kinabatangan, yang telah dibangkitkan oleh Larut, dan telah dibangkitkan oleh Ledang sebentar tadi.

Dan saya nampak perkara ini kalau kita membiarkan saja pihak bank ini, menangani menguruskan krisis ini secara mereka, maka akan lebih lagi masalah sosial yang timbul apabila makcik-makcik tua di kampung digolongkan dalam golongan yang tergulung, digulung, bankrap dan sebagainya. Inilah yang saya kira pihak Kementerian Kewangan perlu memberikan suatu jalan yang mudah kepada institusi-institusi kewangan yang hari ini kita nampak seolah-olah tidak mahu langsung berkongsi risiko. Mereka hanya mahukan keuntungan, mana ada perniagaan dalam dunia ini yang hanya memikirkan untung, kalau rugi tak mahu dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, boleh jatuh berdosa kalau perniagaan hanya memikirkan keuntungan tanpa memikirkan kerugian.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tangga Batu, saya nak bagi peringatan sikit.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang saya dapat lihat ...

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ini peringatan dalam Peraturan ke Yang Berhormat Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, dalam Peraturan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Peraturan, okey saya duduklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang saya dapat lihat kebanyakan bank-bank yang menghadapi masalah ialah apabila mereka memberi *loan* pinjaman kepada institusi yang begitu besar kepada korporat-korporat yang besar dan mereka ini gagal, bank terpaksa *write-off* NPL yang begitu besar. Tetapi saya ingat bagi kepada pinjaman kecil-kecil ini, bank tak akan runtuh kalau pinjaman yang tak berbayar daripada pinjaman kecil-kecilan ini.

Tetapi kalau kita *check* balik NPL dalam *Non-Performing Loans* tu, kebanyakan adalah daripada orang berniaga yang besar-besar, yang menjadi *con men*, yang menipu bank, tetapi had yang kecil-kecilan ini, had mak long, mak ngah, yang simpan duit dalam bantal dulu Tuan Yang di-Pertua, amanah saham tu, amanah saham ni, bawa keluar daripada bantal, pi la beli terketar-ketar. Orang tua ni dapat surat bank Tuan Yang di-Pertua, terkencing, dia ketar, dia terkejut, dia kata bank nak saman dia, tak bayar duit, dia terkejut.

Jadi saya bersetuju dengan pandangan rakan-rakan tadi bahawa kerajaan kena cari pihak Kementerian Kewangan, selamatkan amanah-amanah saham negeri ini, ini adalah maruah kerajaan yang memasarkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat ingin berucap? Kalau Yang Berhormat ingin berucap boleh saya beri peluang lepas ini, lepas pukul 4 lah diberi peluang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Kenapa lepas pukul 4, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya akan keluar.

[Dewan riuh seketika]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: 1-0 ni. Tuan Yang di-Pertua, apa yang Jerai cuba ulaskan sebentar tadi adalah ekoran kepada apa yang telah kita bangkitkan. Jadi saya perlu meminta pihak Kementerian Kewangan supaya melihat perkara ini sedalam-dalamnya, dan ia sekarang ini telah menjadi satu masalah yang tidak dapat diurus dengan cekap dan berkesan oleh pihak kerajaan negeri apabila pihak bank telah mengatakan, "*Oh, ini dah bukan tanggungjawab negeri lagi*".

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jasin sudah balik.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Abang saya daripada Jasin, saya dah cerita tadi pasal rumah ada baru boleh dapat *loan*. Tapi Yang Berhormat tak ada tadi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini hari Jasin pakai poket punya apa *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Ini, kita cerita fasal bank. Saya tidak ada duit Tuan Yang di-Pertua. Jadi, letak sapu tanganlah. Duit tidak ada, sapu tangan pun cukuplah, ini poket.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tutup itu poket.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Haa poket! [Ketawa] Ini berkenaan dengan bank ini Yang Berhormat. Setujukah tidak Yang Berhormat kerana bank ini, kerana biasanya orang berniaga, dia menetapkan satu kuota untuk dipinjamkan kononnya, untuk dipinjamkan kepada orang ramai. Sebagai contoh yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi, kadang-kadang kuota ini bertahun dan berbulan, sekian amaun. Pegawai bank pinjaman ini, dia hendak cari benda yang mudah, dia carilah lembu suci-lembu suci yang besar-besar ini, dia habiskanlah kuota ini tadi. Jadi, dia tidak payah dok cari pelanggan yang ramai. Yang kita minta supaya Kementerian Kewangan ini, yang kita tekan bank ini tentang kuota, bukan sahaja dalam bentuk amaun, tetapi kita mintakan dia bagi pinjaman atas bilangan peminjam itu.

Satu bulan, satu *bank officer* ini kena memberi pinjaman kepada 20 orang kah, 15 orang. Kalau kita bagi amaun kata satu bulan dia kena bagi pinjaman RM5 juta, dia akan cari satu peniaga yang besar, dia bagi pinjaman RM5 juta dan dia pun balik *relax*. *Mission accomplished!* Ini yang jadi masalah. Yang dulu, yang kita buat, yang mana Bank Negara mengenakan syarat kepada bank-bank swasta supaya memberi 30% portfolio pinjaman dia kepada bumiputera. Bila dia kata 30%, dia akan mencari peniaga-peniaga bumiputera yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi, yang besar-besar. Mungkin satu, dua orang, habis semua. Sudah dia kata kita dah bagi pinjaman kepada bumiputera sebanyak sekian ratus juta ringgit, tetapi yang dapat pinjaman itu hanya dua, tiga orang sahaja. Yang bumiputera, peniaga-peniaga yang kecil, yang begitu ramai bilangannya tidak dapat faedah daripada apa yang dibuat oleh kerajaan. Setujukah tidak Yang Berhormat bagi Tangga Batu?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya setujuah Yang Berhormat bagi Jasin. Saya nampak apa Yang Berhormat bagi Jasin cuba utarakan itu adalah matlamat menghalalkan caralah, *the end justifies the means*, di mana kalau kita lihat apa Yang Berhormat bagi Jasin cuba jelaskan tadi ialah lebih kepada bentuk *key performance indicator (KPI)* untuk pegawai-pegawai bank tertentu apabila *performance* mereka diukur daripada jumlah RM yang dilepaskan kepada peminjam-peminjam ataupun pelanggan-pelanggan. Yang Berhormat bagi Jasin, sebenarnya tadi kita tengah ceritakan fasal bank-bank, institusi-institusi kewangan yang membiayai amanah saham negeri-negeri.

Jadi saya pohon pihak Kementerian Kewangan supaya memberikan perhatian kepada pengurusan dan pentadbiran krisis ini, di mana pada ketika ini kalau sedikit input ataupun polisi boleh ditetapkan oleh pihak Kementerian Kewangan kepada bank-bank yang mengurus dan mentadbir krisis ini, dapat memberikan kelegaan kepada masyarakat-masyarakat masa di akar umbi yang telah terjebak dalam masalah ini dan ada di antara mereka yang mengalami masalah tekanan jiwa dan sebagainya apabila dihujani dengan surat-surat daripada pengamal undang-undang dan ada di antaranya yang telah diugut untuk diheret ke mahkamah dan disenaraikan sebagai bankrap dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah saya nampak kalau sesuatu polisi, sesuatu kelulusan itu dianalisis secara terperinci oleh pihak Kementerian Kewangan, sebelum kelulusan diberikan untuk mana-mana juga institusi kewangan ataupun bank-bank mengurus dan mentadbir program-program amanah saham seperti ini, saya yakin apa yang berlaku, kemelut yang berlaku di hadapan mata kita pada hari ini, sebenarnya tidak berlaku. Jadi saya pohon supaya penganalisis-penganalisis di dalam Kementerian Kewangan melaksanakan tugas tanpa mempunyai rasa bias, rasa berat sebelah, buatlah dengan sebaik mungkin kerana akhirnya pada penghujung hari, kita mahu melihat sebenarnya kitaran ekonomi negara itu benar-benar dihormati dan juga disegani oleh rakan dan lawan kita.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin bangkitkan di dalam perbahasan rang undang-undang ini ialah tentang pegawai-pegawai keselamatan yang ditugaskan di dalam pengawalan keselamatan bank-bank di negara kita, di mana hari ini, kalau pihak Kementerian Kewangan dapat melihat secara terperinci bahawa kebanyakan pegawai serta pengawal keselamatan yang mengawal, bukan sahaja keselamatan harta benda, keselamatan wang-wang deposit di dalam bank-bank di dalam negara kita ini, perlu mempunyai latihan-latihan yang berkaitan dengan pertahanan diri,

mungkin juga serangan kepada pihak-pihak yang tertentu, tetapi mereka juga perlu mempunyai keupayaan fizikal yang benar-benar menepati ciri-ciri pengawal-pengawal keselamatan yang ditetapkan.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita dapat lihat ada bank-bank serta institusi-institusi kewangan yang menyara pengawal-pengawal keselamatan yang hendak kata, hidup pun tidak hidup, hendak kata mati pun tidak mati. Kita suruh dia jaga, dia lebih kepada tidur. Kebanyakan daripada pengawal-pengawal ini, saya dapat lihat menggunakan syarikat-syarikat yang mengawal keselamatan ini, menggunakan khidmat buruh-buruh asing yang lazimnya datang daripada negara India, Pakistan, Bangladesh dan sebagainya.

Saya yakin, polisi kementerian telah meletakkan bahawa warga asing ini tidak dibenarkan di dalam mengawal serta menjaga keselamatan institusi-institusi kewangan dan bank-bank ini. Pihak kementerian perlu melihat kerana saya difahamkan bahawa minat untuk merompak bank-bank ini ataupun membuat kacau bilau di dalam institusi kewangan ini bergantung kepada apakah sistem kawalan keselamatan yang digunakan di dalam sesebuah institusi kewangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita kalau boleh mencegah sebelum ianya menjadi padah. Kita dapat lihat bagaimana sistem pengawalan bank ini boleh ditembusi dan dibolosi oleh pihak-pihak yang ingin membuat kacau bilau seperti yang berlaku di daerah Segamat baru-baru ini. Hatta, kita juga dapat melihat pihak kawalan keselamatan kita yang sepatutnya kita percayai pun, dapat bersama-sama membolosi bank-bank, institusi kewangan ini dengan tujuan untuk merompak dan akhirnya mungkin akan menyebabkan berlaku kehilangan nyawa, harta benda dan anggota.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan supaya pihak kementerian meletakkan satu mekanisme kawalan yang benar-benar dapat memastikan bahawa syarikat-syarikat yang mengawal keselamatan bank-bank dan institusi kewangan ini benar-benar mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Bank Negara, benar-benar mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan benar-benar mematuhi apa juga syarat-syarat yang telah diletakkan oleh pihak institusi kewangan dan bank-bank tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin bangkitkan pada hari ini ialah tentang penglibatan institusi-institusi yang sepatutnya memberikan perkhidmatan yang berbeza daripada bank-bank tetapi cuba melaksanakan tugas-tugas bank ini. Institusi yang saya maksudkan adalah seperti Lembaga Tabung Haji. Lembaga Tabung Haji ini pada hemat saya adalah sebenarnya institusi untuk memudahkan penyimpan-penyimpan ataupun peserta-peserta untuk menunaikan haji pada tarikh yang mereka perlukan. Tetapi, hari ini kalau kita lihat, Tabung Haji ini telah melebihi daripada institusi-institusi kewangan dan bank-bank yang lain sehingga mereka telah mempelbagaikan pelaburan mereka, sehingga yang menjadi mangsa adalah penyimpan-penyimpan dan juga peserta-peserta yang ingin menunaikan haji pada masa yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, Tabung Haji perlulah lebih fokus, lebih objektif di dalam menjalankan peranan mereka sebagai organisasi yang boleh membela dan memberikan kesenangan kepada peserta-peserta dan penyimpan-penyimpan untuk mereka menunaikan haji.

Sekarang ini mereka lebih bertindak sebagai sebuah bank komersial, yang mana ramai di antara penyimpan-penyimpan mula membandingkan berapakah faedah, berapakah bonus ataupun berapakah hadiah yang disediakan oleh Tabung Haji berbanding dengan institusi-institusi kewangan dan bank-bank yang lain. Inilah yang perlu kita berikan perhatian oleh pihak Kementerian Kewangan supaya peranan dan tanggungjawab Tabung Haji tadi tidak lebih daripada memberikan keselesaan kepada penyimpan-penyimpan, kemudahan kepada peserta-peserta untuk mereka menunaikan haji. Inilah sebenarnya hasrat penubuhan Lembaga Urusan Tabung Haji suatu ketika dahulu walaupun pada hasrat awalnya ialah untuk membina ekonomi orang-orang kampung di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan, penjelasan. Pasal Tabung Haji ini. Sahaja hendak beri penjelasan kepada Yang Berhormat. Seperti yang kita

sedia maklum, Tabung Haji ini adalah ditubuhkan oleh kerajaan, idea daripada Profesor Ungku Aziz dahulu ialah untuk memberi peluang kepada umat Islam di negara kita ini berjimat cermat, himpun menabung, kemudian apabila cukup wang mereka akan dihantar untuk menunaikan haji. Apabila Tabung Haji ini mendapat pelaburan-pelaburan maka sudah tentu untuk memberi pulangan kepada pelaburan-pelaburan ataupun simpanan-simpanan orang-orang kampung kita ini, masyarakat Islam kita ini maka sudah tentu di samping memberi perkhidmatan yang baik kepada umat yang menunaikan haji, duit yang mereka menabung ini juga diberi balik pulangan.

Jadi, maknanya ada dua, kita akan dapat keuntungan dari segi penabungan kita dalam Tabung Haji, di samping itu juga kita dapat menunaikan haji apabila cukup duit yang telah kita tabungkan. Bagi saya konsep ini baik dan apabila duit ditabungkan sudah tentu Tabung Haji kena melibatkan diri di dalam bidang perniagaan pelaburan. Contohnya di dalam bidang kelapa sawit, membeli kelapa sawit, membeli harta sana dan sini supaya duit yang ditabungkan oleh penabung-penabung Tabung Haji ini mendapat pulangan.

Jadi, bermakna dua faedah yang dapat bagi pandangan saya. Satu menabung dan mendapat pulangan dan yang keduanya menabung untuk menunaikan haji. Setakat hari ini saya boleh katakan tidak ada seorang pun yang sudah cukup duit, yang hendak pergi ke Mekah, tidak boleh pergi ke Mekah kerana kegagalan Tabung Haji. Ini hendak bagi *clear* kepada Yang Berhormat kerana saya fahamlah sikit berkenaan Tabung Haji ini. Saya mengikuti Tabung Haji punya perjalanan. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya faham kerana Yang Berhormat Jerai mengikuti perkembangan Tabung Haji ini daripada dalam bukan daripada luar. Kami di luar ini sebenarnya memerlukan maklumat-maklumat seperti ini. Jadi, kalau boleh Yang Berhormat panjangkan maklumat-maklumat ini kepada kami supaya boleh kami perbincangkan lagi apakah sebenarnya peranan dan tanggungjawab Tabung Haji itu bagi membela hak-hak penyimpan, bagi memastikan penyimpan-penyimpan dan penabung-penabung dapat apa yang mereka kehendaki. Ini kita tidak cerita lagi tentang prestasi pegawai-pegawai di dalam Tabung Haji itu Yang Berhormat, kalau hendak dikirakan, dia lebih kepada "*Serahlah kepada Tuhan, ini ujian*" dia kata. Ada sedikit kepincangan, ada ujian, kalau pergi dekat kaunter kena beratur, "Apa lama sangat beratur?", "Ini ujian Tuhan". Dekat Malaysia lagi sudah kena uji, belum sampai ke Mekah lagi, Yang Berhormat. Itu, lebih kurangnya bunyinya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jasin.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Oh! Jasin dah berdiri pula. Ini mesti ada apa-apa lagi ini. Silakan, Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Minta penjelasan. Sepatutnya Yang Berhormat, sahabat kita Jerai ni dah jadi Lembaga Pengarah Tabung Haji, kita ucapkan tahniah kat dia. Tetapi dia harus ingat, tanggungjawab dia berat dan Tabung Haji ini beruntung kerana penyimpan-penyimpannya yang pendeposit duit adalah orang-orang kampung macam saya ini. Kalau apa yang berlaku di Tabung Haji pada hari ini kena macam mana bank-bank swasta yang lain saya kira Tabung Haji sudah lama tutup kedai. Walaupun macam-macam telah berlaku dalam Tabung Haji tetapi alhamdulillah penyimpan-penyimpan kita orang-orang luar bandar, orang-orang kampung masih tidak mengeluarkan deposit mereka. Yang inilah amanah kepada Tabung Haji dan kita berharap kita boleh maafkan yang telah berlaku dahulu tetapi yang akan datang ini kita mintalah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak tanya sama kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini penjelasan, Datuk. Sudah hendak dekat kepada soalan ini. Jadi ia *corner* sedikit, Datuk. Boleh Datuk, ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada tujuan untuk maklumkan kepada Yang Berhormat bagi Jeraikah?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Hendak *corner* kat dia, maklum dekat Jerai Datuk, supaya Jerai jangan seronok-seronok sahaja, duduk makan elau, dapat *driver* [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya minta tarik balik, Datuk. [Ketawa] Saya minta Yang Berhormat Jasin tarik balik.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya tidak tarik balik sebab kalau hendak buat macam Menteri pagi tadi pun buatlah. Saya tetap dengan kenyataan saya, Datuk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya minta di bawah Jawatankuasa ini [Ketawa]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini peringatan Datuk kerana ini amanah orang ramai dan kita berharap oleh kerana ini maruah bangsa Melayu dan maruah agama Islam kerana Tabung Haji ini kita pandang tinggi. Kita berharap supaya Tabung Haji juga dapat menjaga kredibilitinya dan segala pengurusan Tabung Haji biarlah cara profesional. Kalau kita dengar duit Tabung Haji hilang, yang pakai serban bukan main besar dan janggut bukan main lipat lagi, kita ingat orang alim macam mana pun tetapi lagi besar serban dia, lagi banyak dia kebas. Terima kasih. Setuju atau tidak dengan saya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya setuju, saya pun pernah ingat satu ketika dahulu saya katakan kalau pegawai-pegawai rasa hendak senang kerja, kerja di Tabung Haji kerana jawapan yang paling mudah adalah, "*Sabarlah pakcik, sabarlah makcik, ini ujian Tuhan. Ini di Malaysia lagi sudah kena sabar, nanti kena uji di Mekah lagi teruk kita.*" Jadi, sebab itulah Tabung Haji apa jadi pun penyimpan-penyimpan itu tetap setia pada Tabung Haji. Kalau bank-bank lain atau institusi-institusi kewangan lain boleh buat macam Tabung Haji, boleh didik jiwa, hati, nurani penyimpan-penyimpan seperti penyimpan Tabung Haji, saya ingat Bank Malaysia semua selamat. Penyimpan tidak akan lari punya. Itu lebih kurang bunyi dialah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, cerita pasal Tabung Haji ini banyak tetapi saya kira hari ini kita fokuskan kepada bank-bank dan institusi kewangan di mana saya nampak ada satu lagi perkara yang mungkin menarik perhatian kita di sini hari ini ialah tentang *bank untuk small and medium industries* ini, Bank Industri Kecil Sederhana, yang mana kita dapat tahu hari ini bank-bank ini sebenarnya menawarkan Skim Pinjaman Mudah pada pengusaha-pengusaha yang ingin membina perniagaan, yang ingin membina perusahaan mereka supaya mereka dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Hari ini persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, hendak tanya Menteri Kewangan, di manakah sebenarnya ketelusan proses tadi. *The transparency of the procedure* tadi itu apabila mereka yang memohon pinjaman terpaksa *suffer*, terpaksa terseksa selama lebih kurang 3 atau 4 bulan untuk pinjaman mereka diluluskan. Pada masa yang sama juga peminjam ini jika mereka mempunyai pinjaman di bank yang lain, contohnya pinjaman kereta di bank yang lain, Bank Industri Kecil dan Sederhana ini terpaksa meminta keputusan dari bank yang lain itu, boleh atau tidak kita bagi dan sebagainya. Ini kerenah birokrasi yang sebenarnya menidakkan hasrat kerajaan untuk membina usahawan.

Kerajaan kata kita bina usahawan, bagi dia pinjaman mudah RM100,000 tetapi proses yang ada tidak ke arah itu. Proses yang ada kata, "*Oh! tidak! Tiga bulan baru kita boleh luluskan.*" Tiga bulan, Tuan Yang di-Pertua, cukup seksa bagi pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana ini untuk hidup. Jadi, inilah yang saya katakan tadi, bagaimana prosedur, polisi atau pun peraturan yang ada di peringkat bank-bank ini sebenarnya melengkap, *comply to the standards set by the policy*. Ini yang saya katakan tadi dalam satu tangan kita mahu melihat kemajuan dalam satu tangan yang lain kita menghancurkan, kita membinasakan kemajuan tersebut.

Perkara ini harus dilihat secara terperinci oleh pihak kementerian bagaimana rangkaian di antara bank-bank ini boleh menafikan, boleh menidakkan seseorang itu untuk menerima kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Saya percaya jika ini diberikan perhatian maka akan lebih ramai lagi pengusaha-pengusaha kecil sederhana ini dapat kita bentuk, dapat kita bina dan seterusnya sekali gus ia dapat membina, mempertingkatkan lagi tahap kemajuan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal yang sama kita juga arif bahawa kerajaan memberikan perhatian kepada industri-industri kecil bumiputera yang benar-benar ingin secara jujur, secara ikhlas membangunkan diri mereka, seterusnya dapat membangunkan negara dalam bidang ekonomi ini.

Tetapi apa yang berlaku hari ini, laporan yang saya terima ialah pegawai-pegawai bumiputera yang terlibat di dalam proses ini seolah-olah membina birokrasi, membina tembok yang besar di antara pemohon-pemohon bumiputera kepada perkhidmatan dan produk yang disediakan oleh bank-bank tersebut. Saya dimaklumkan di sini, dia kata lebih mudah berurusan dengan pegawai yang bukan bumiputera. Mereka lebih ingin membantu peserta-peserta bumiputera tadi untuk membina perniagaan mereka lebih daripada pegawai-pegawai bumiputera yang ada di dalam sistem perbankan itu yang meletakkan berbagai-bagai syarat sehingga menyebabkan pemohon tadi merasa tidak upaya menepati syarat-syarat tersebut.

Jadi ini mungkin kes terpencil tetapi ia perlu dijadikan sebagai *tip of the iceberg* oleh pihak kementerian melihat kejujuran dan keikhlasan pegawai-pegawai di dalam melaksanakan dasar yang telah ditetapkan oleh kementerian. Jadi mungkin ini juga salah satu daripada sebab mengapa hari ini kita dapat melihat bagaimana kerasnya kerajaan berusaha membentuk polisi untuk membina golongan bumiputera ini di dalam sektor perindustrian, perusahaan dan sebagainya tetapi ia tidak mencapai kejayaan.

Inilah yang saya katakan tadi, kita mungkin seolah-olah merasakan semua polisi yang kita telah buat ini telah dihargai dan dihayati oleh pengamal-pengamal dasar tetapi sistem pemantauan yang mungkin kita terlepas pandang ataupun Yang Berhormat bagi Kinabatangan kata terlepas pandang atau tidak mahu buat. Yang mana satu itu, saya tidak tahu, tetapi mungkin kita tidak benar-benar serius dalam memastikan pemantauan kepada pelaksanaan dasar tadi benar-benar dapat dihayati dan dihargai oleh pihak yang melaksanakan dasar.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ada satu perkara lagi yang boleh kita bincangkan bersama pada hari ini yang mana ianya berlaku seperti cendawan tumbuh iaitu skim-skim *unit trust* yang hari ini berleluasa sehingga di dalam Parlimen ini pun kita dapat melihat di lobi Parlimen, bukan dalam Parlimen, beberapa ejen yang datang dengan kad nama yang begitu canggih, yang begitu meyakinkan, mengatakan inilah pelaburan yang sebaik mungkin. Saya sendiri baru menerima satu kad yang menyatakan dia boleh memberikan saya satu jaminan pulangan pelaburan (*investment*) yang begitu tinggi yang menyebabkan saya tidak perlu bekerja lagi sampai bila-bila.

Jadi ini perlu dikawal dan dilihat secara terperinci oleh pihak kementerian. Saya percaya skim *unit trust* ini yang menawarkan berbagai-bagai cara mudah melabur. Antaranya dengan mengambil ruang EPF, Skim KWSP ini. KWSP menawarkan kepada kita, "Tuan ambil KWSP ini sebahagian ini, sebanyak ini, masukkan dalam sini dan akan menerima pulangan dalam jangka masa yang lebih singkat daripada yang selalunya" dan meyakinkan kita dan sebagainya, kebanyakan mereka yang kurang berpengetahuan tentang pelaburan-pelaburan seperti ini akan terjebak dan akhirnya menyebabkan mereka terlibat dalam masalah sosial.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah diajar dengan pengalaman kita melalui amanah saham di peringkat negeri seperti yang saya sebutkan, seperti yang rakan-rakan Ahli Parlimen sebutkan, janganlah perkara ini juga akan menyebabkan berlaku lagi kemelut ekonomi di negara kita di mana ramai di antara penyimpan-penyimpan di dalam Skim KWSP ini akan terjebak dalam - ini saya tidak tahu dipanggil apa, ini bukan *direct selling* tetapi boleh dikira sebagai skim jualan langsung kepada masyarakat di negara kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita juga dapat lihat dalam skim ini di mana ejen-ejen ini berani menjanjikan kita satu pulangan yang begitu tinggi yang akhirnya akan menyebabkan kita sendiri bertanya, "Apa *you* dapat? Apa yang kamu dapat?" Apabila mereka tunjukkan pula apa yang mereka perolehi, apa yang mereka perolehi itu lebih daripada yang sepatutnya menerima pulangan daripada pelaburan yang dilakukan. Inilah yang menyebabkan kita semua merasa sistem kewangan di negara kita ini begitu longgar, begitu tidak terurus dan tidak meyakinkan sehingga berbagai-bagai pihak boleh datang dengan apa juga bentuk idea, apa juga bentuk fikiran dan meyakinkan pelanggan-

pelanggan, meyakinkan orang ramai yang memang kurang berpengetahuan dalam pelaburan-pelaburan ini, melainkan mereka ingin menjadi lebih senang daripada apa yang mereka ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita dapat lihat ejen-ejen ini amat jarang sekali menyatakan apakah risiko pelaburan yang bakal dihadapi oleh penyimpan-penyimpan ataupun bakal-bakal pelabur ini. Mereka lebih meletakkan kepada pulangan yang lumayan. Bila kita tanya apakah dia risikonya? Dia kata, "Hendak tahu tidak? Risiko tidak ada. Inilah pelaburan yang tidak ada risiko."

Dalam keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, tanpa mengeluarkan wang secara nyata dengan hanya menurunkan tanda tangan kepada borang yang mungkin tidak ditulis dalam bahasa kebangsaan pun, dalam bahasa Inggeris, cuba bayangkan dengan satu tanda tangan, pihak-pihak ini akan meraih keuntungan tetapi yang rugi adalah mereka yang menurunkan tanda tangan tadi.

Jadi saya hendak peringatkan kepada pihak Kementerian bagaimana fenomena ini boleh berlaku secara berleluasa di negara kita tanpa sebarang kawalan. Yang pastinya, Tuan Yang di-Pertua, dalam apa juga hal yang melibatkan pelaburan, kita perlu ingat ia mestilah mempunyai pulangan ataupun risiko. Inilah yang sebenarnya perlu kita panjangkan kepada masyarakat. Kita telah dapat melihat dalam rancangan-rancangan televisyen ada peringatan diberikan kepada mereka yang terlibat secara langsung dengan skim-skim *unit trust* ini dan saya percaya ingatan ini cuma akan berlaku kepada mereka yang faham tentang apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan *unit trust* ini.

Tetapi hari ini apakah peranan pihak Kementerian Kewangan di dalam memastikan bahawa masyarakat di negara ini yang mempunyai kelebihan dana dan sebagainya boleh meletakkan mereka dalam keadaan yang benar-benar seimbang sebelum mereka membuat keputusan sama ada ingin melaburkan sejumlah wang mereka ataupun tidak. Inilah yang saya ingin mohon kepada pihak Kementerian supaya menyediakan sedikit garis panduan kepada rakyat negara kita, kepada mereka yang berminat untuk melakukan pelaburan ini di dalam bentuk peringatan-peringatan apakah yang akan berlaku jika ini dilakukan oleh masyarakat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya apa yang telah saya sebutkan tadi juga adalah telah menjadi masalah sosial di negara kita dan ramai di antara penyimpan-penyimpan, pelabur-pelabur ini yang akhirnya tersepit apabila mereka melaporkan rentetan peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada pihak berkuasa, pihak berkuasa akan meletakkan kembali kepada mereka, "Siapa suruh *you sign* dulu? Siapa suruh *you* buat? Siapa suruh *you* melabur tanpa dapat khidmat nasihat?" dan sebagainya.

Persoalannya kepada diri kita, apakah bentuk khidmat nasihat yang kita sediakan kepada para penyimpan, bakal-bakal penyimpan, bakal-bakal pelabur di dalam skim-skim *unit trust* yang hadir di negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memohon untuk menyokong rang undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pagi tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Santubong.

3.59 ptg.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudah lama saya tidak bercakap di Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hari ini kita baru mula.
[Ketawa]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Semenjak sesi yang lepas, saya tidak bercakap. Tetapi sekarang berpeluang bercakap pada hari pertama, terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik mendengar hujah-hujah kawan-kawan yang bercakap terdahulu daripada saya dan sepenuhnya mendengar Yang Berhormat bagi Tangga Batu berhujah dan saya tertarik, memang banyak perkara yang relevan, perkara-

perkara yang terkini, perkara-perkara yang menjadi rungutan masyarakat yang ada hubung kait dengan perbankan dan sistem kewangan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pindaan undang-undang yang dibawa ke Dewan yang mulia ini iaitu Akta Bank dan Institusi Kewangan (Pindaan) ini, ialah satu pindaan *consequential* dengan lulusnya Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada sesi yang lepas. Saya cukup yakin pada penamatannya perbincangan undang-undang pindaan ini nanti kita juga akan meminda undang-undang Perbankan Islam supaya menyelaraskan perundangan ini keseluruhannya untuk mewujudkan satu pakej perinsurans kepada deposit dalam bank di negara Malaysia. Ini diberitahu kepada kita pada sesi yang lepas, semasa pembentangan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, ialah untuk melengkapkan lagi sistem kewangan negara.

Saya menyambut baik undang-undang ini bahkan kalau saya tidak membantah undang-undang Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dahulu, saya tidak sepatutnya membantah pindaan ini kerana ia adalah satu pindaan yang *consequential* yang ikutan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia yang lalu. Tetapi kalau kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, ini kita bincang soal Badan Perundangan dan Institusi Kewangan Malaysia (BAFIA), saya juga ingin menyebut sedikit sebanyak berhubung dengan apa yang telah disebut oleh kawan-kawan dan dicelah oleh banyak ahli di Dewan ini tadi. Perkara yang saya hendak sebutkan, pertamanya ialah soal unit trust yang baru disebut oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Unit trust ini ada dua dalam pandangan saya, iaitu satu yang diusahakan oleh pihak sebagai satu produk pihak bank yang beroperasi komersial bank di Malaysia ini. Yang kedua, unit trust yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri. Unit trust yang diusahakan oleh pihak bank ini mempunyai prestasi yang terlebih sikit elok daripada apa yang dibuat oleh pihak yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri yang dahulunya menjadi satu kehairahan untuk mendapatkan lesen mengusahakan unit trust.

Pada ketika itu saya telah bertanya kepada pihak Kementerian dalam Dewan yang mulia ini, adakah pihak kerajaan negeri di tiap-tiap negeri yang meminta lesen untuk mengusahakan unit trust ini mempunyai satu kepakaran yang khusus untuk mendagangkan unit trust di negeri mereka sendiri. Kalau ya, apakah *benchmark* atau pun garis panduan yang khusus diberi oleh pihak Bank Negara Malaysia supaya pelaburan yang dibuat oleh masyarakat di negeri itu apabila lesen diberi nanti supaya jangan ini menjadikan satu penganiayaan kepada masyarakat yang melabur di negeri-negeri tersebut. Jawapannya pada ketika itu Tuan Yang di-Pertua adalah amat membanggakan bahawa kerajaan negeri mempunyai cukup kepakaran.

Apabila tahun berlalu, khususnya apabila berlaku kemelut ekonomi pada tahun 1997, 1998, 1999 dan 2000 hampir semua pihak *trust fund* di tiap-tiap negeri merudum. Daripada satu ringgit jatuh kepada 15 sen pun ada, ada yang tinggal 10 sen pun ada pada ketika itu. Ini jelas menunjukkan bahawa pengurusan daripada pihak negeri tidak mencukupi. Tetapi pada tahun 2000 apabila persoalan yang sama ditanya di Dewan ini, semua Ahli Parlimen termasuk Ahli Parlimen Barisan Nasional berusaha mempercayai bahawa keadaan pada tahun 1997 sampai tahun 2000 itu adalah satu keadaan yang berbeza dari keadaan lain yang wujud sebelum itu. Maknanya mungkin keadaan yang tidak boleh dielakkan, keadaan luar jangka, keadaan yang mungkin tidak dalam pandangan kita bahawa akan berlaku pada ketika itu.

Itulah kenapa saham-saham ini merudum. Kita menerima hakikat bahawa ini adalah keadaan yang tidak boleh digunakan sebagai satu kayu pengukur bahawa kurangnya kepakaran, kurangnya kepandaian dan *profesionalisme* pihak pengusaha atau pengurus unit trust di kerajaan negeri, pihak negeri dan di negeri-negeri di seluruh negara.

Hingga sekarang prestasi ekonomi kita telah naik meningkat dan keadaan bank juga telah jauh lebih baik dari apa yang telah berlaku pada tahun 2002, tetapi malangnya unit trust di tiap-tiap negeri ini masih juga dalam keadaan yang amat mengecewakan dan meleset. Bahkan banyak pihak yang melabur dahulunya sudah tidak melihat lagi sijil-sijil mereka, tidak melihat lagi kertas-kertas atau pun apa saja *correspondence* yang diterima

dari unit trust-unit trust ini kerana mereka rasa kecewa dan berasa tidak berpuas hati dengan keadaan sedemikian.

Dalam keadaan *environment* yang sedemikian Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada pihak kewangan sebagaimana yang disebutkan oleh pihak Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Yang Berhormat bagi Larut dan Yang Berhormat bagi Jasin, mengatakan kerajaan sepatutnya sedikit sebanyak bertanggung jawab. Apabila institusi lain dahulu, saya tidak payahlah senaraikan institusi mana, badan mana, syarikat mana, yang mendapat kelemahan atau pun didapati mempunyai satu kelemahan dan di *bail-out* walaupun kita tidak bersetuju menggunakan perkataan *bail-out* oleh pihak kerajaan selepas ekonomi meleset pada tahun 1997, 1998, 1998 dan 2000. Kerajaan berusaha membantu syarikat-syarikat tersebut agar keadaan syarikat itu boleh terus beroperasi, pekerja-pekerjanya terus boleh bekerja dan mereka ini masih boleh menjalankan usaha mereka dan memberi pulangan kepada tuan punya saham dalam syarikat tersebut.

Tetapi dalam masa yang sama, kenapakah pihak pembeli, pelabur trust unit daripada negeri-negeri, orang-orang kecil-kecilan, orang-orang kampung yang mempunyai duit sebanyak ini sajalah mereka simpan dalam unit trust ini telah tidak dibantu dan telah tidak dibela nasib mereka yang sepatutnya dibelakan. Jadi saya cadangkan kepada kerajaan supaya membuat satu penyelidikan untuk membela mereka ini, membela sekurang-kurangnya *a dollar to dollar* pulangan kepada pelabur-pelabur ini dan selepas tindakan ini diambil, gulungkan semua unit trust di tiap-tiap negeri ini.

Gulungkan semua, tutupkan semua unit trust tiap-tiap negeri ini dan yang ketiga, jangan lagi beri satu lesen pun kepada sesiapa saja yang hendak minta untuk mengusahakan unit trust ini melainkan mereka yang mempunyai kepakaran-kepakaran dari segi pengurusan, dari segi pemasaran dan pelaburannya pada masa yang akan datang, melainkan Bank Negara cukup yakin bahawa pihak yang memohon itu mempunyai kepakaran-kepakaran yang mencukupi.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Santubong dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mencelah sedikit dan minta pandangan Santubong.

Sebenarnya untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya pernah terlibat semasa saya bertugas di pejabat daerah di mana ramai rakyat di luar bandar ini, penduduk miskin yang berada di luar bandar ini yang terdiri daripada ibu-ibu, orang-orang tua, petani-petani dan sebagainya. Yang telah membeli saham-saham amanah bukan sahaja dahulu ASN dan sekarang ASB, bahkan di negeri-negeri dan di antara perancangan kerajaan dahulu ialah, untuk mengatasi masalah kemiskinan di luar bandar, di bawah program PPRT, Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Salah satu syor yang dibuat oleh kerajaan melalui pejabat-pejabat daerah ataupun Jabatan Pembangunan Negeri ialah memberikan galakkan kepada penduduk luar bandar supaya membeli saham-saham amanah ini, kerana ketika itu saham-saham amanah ini harganya amat baik.

Sebagai contoh macam di negeri Pahang kita ada KUMIPA, di Terengganu kita ada ASDI, Johor, Sabah dan sebagainya. Mereka yang membeli saham-saham ini adalah kerana digalakkan oleh kerajaan dengan harapan supaya tahap kemiskinan yang ketika itu mereka berada akan dapat dibela melalui pembelian saham-saham amanah ini, dan tidaklah berharap sepenuhnya kepada bantuan kerajaan, tetapi malangnya apabila keadaan harga saham ini telah menurun kita lihat, dan saya telah mengemukakan soalan dua kali dalam Dewan yang mulia ini, minta kerajaan memberikan penjelasan kepada kita dan kepada rakyat, apakah usaha positif yang segera yang diambil oleh kerajaan bagi membantu rakyat luar bandar yang saya kira telah teraniaya ataupun telah terperangkap dalam membeli saham-saham amanah ini.

Saya minta pandangan Yang Berhormat daripada Santubong, bukan sekadar untuk membuat kajian atau minta kerajaan membuat kajian tentang perkara ini, bahkan saya ingin mencadangkan terus kalau boleh supaya kerajaan memperuntukkan wang tertentu bagi kita membantu rakyat luar bandar dan orang-orang miskin ini yang terlibat dengan membeli saham-saham amanah ini, supaya mereka dapat mengatasi balik masalah kerugian yang dihadapi oleh mereka, seperti mana yang dibuat oleh Johor, walaupun Johor pada kadar 10 *per cent* yang saya kira belum lagi dapat mengatasi masalah beban hutang

yang dialami oleh pelabur-pelabur melalui saham amanah ini. Saya minta penjelasan daripada Santubong, silakan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Maran sebenarnya saya menggunakan perkataan, 'Kajian. Sebenarnya kajian dan juga maksud di sini ialah, oleh sebab banyak sangat negeri-negeri yang mengadakan unit trust mereka sendiri. Jadi dalam konteks perkataan "Kajian" saya ini, ialah untuk menghitung dan membanci jumlah unit-unit yang telah dijual kepada mereka yang melabur dahulu daripada satu negeri ke satu negeri dan melihat macam mana jumlahnya.

Setelah didapati jumlah ini, saya bersetuju dengan tindakan susulan, iaitu dengan kerajaan memberi sumbangan kewangan untuk memberi balik *dollar to dollar* saham mereka ini. Tidak payah dibayar terus satu ratus ringgit, umpamanya kalau si A dan B daripada kawasan Santubong melabur RM1,000 dahulu, sekarang hanya tinggal RM5,000 nilai *sharenya* tetapi *share* mesti sama. Kerajaan mungkin *got to top up* RM5,000 lagi supaya dapat RM10,000. Jadi RM10,000 ini jangan diberi *cash* kepada.....

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tunggu sekejap, tunggu sekejap, tunggu saya habis perkataan ini, *sentence* ini dahulu.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Ada kaitan?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ada kaitan. Jadi telah cukup satu A bin B ini diberi RM5,000 dan dibelikan saham mungkin ASB dengan dia, diberi serahkan supaya dibeli ASB dan serahkan *share* ASB itu sebagai pulangan kepada dia supaya pelaburan dia tidak lagi dengan Saham Johor, umpamanya Saham Sabah ataupun Saham Sarawak, tetapi dia akan mempunyai jumlah saham yang sama RM10,000 dalam ASB, jadi dalam keadaan ASB sekarang, insya-Allah dia akan mendapat pulangan yang jauh lebih baik dan kita tidak tahu kewangan itu mungkin besar akan dibawa di Parlimen ini dan perlu diluluskan dan insya-Allah saya cukup yakin Ahli Parlimen akan menyokong tindakan kerajaan. Sila Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ledang, sila.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Santubong. Tadi Maran menyebut tentang Amanah Saham Johor, mungkin boleh membantu Santubong untuk kes ini.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Johor telah pun mendapat, pertama saya hendak ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor kerana Johor telah pun mendapat satu penyelesaian, di mana setiap tahun Johor membeli 10 peratus daripada kalangan pencarum ASJ ini dengan nilai satu ringgit satu unit setiap tahun, maknanya apabila sampai 10 tahun, 100 peratus daripada keseluruhan saham tersebut akan dibeli oleh Kerajaan Negeri Johor dengan nilai satu ringgit bukan hanya 10 peratus, 10 peratus setiap tahun, 10 tahun selesai untuk menyelesaikan masalah hutang yang ditanggung oleh pencarum-pencarum atau oleh pembeli-pembeli unit saham ASJ. Kalau boleh mungkin perkara ini boleh masuk dalam ucapan ataupun boleh dicadangkan kepada kerajaan negeri yang lain, sekian terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat sebenarnya kalau saya menyimpan pada tahun ini RM1,000, tetapi kalau dalam masa 10 tahun akan datang baru *second recover* RM1,000, makna saya akan kerugian RM900. Sebabnya dalam masa 10 tahun, saya sepatutnya dapat 10 kali ganda, kalau 10 peratus, kalau 3 peratus saya kena tambah tiap-tiap tahun 3 peratus. Dalam masa 13 tahun saya sepatutnya mempunyai pulangan RM10,000 campur RM1,800 atau RM2,800. Ini *simple calculation*, dengan izin, jadi kalau pulangan dalam masa 10 tahun dibuat sebagaimana yang diusahakan oleh Unit Trust Johor itu pulangannya belum lagi dapat kepuasan pada saya. Itulah saya bersetuju kalau Kerajaan Pusat sebagaimana kita *bail out* syarikat-

syarikat besar dahulu, kenapa tidak boleh *bail out* individu-individu dan pelabur-pelabur kecil daripada kampung yang betul-betul tidak ada duit ini, kadang-kadang betul Yang Berhormat sebutkan tadi, Maran ada sebut.

Dahulu ada daripada Kementerian KPLB, dia beri itu kita boleh beli saham nasional, kita boleh beli macam-macam saham yang boleh dibeli dengan RM5,000 dan kalau ada ASB sekarang sudah berapa, sudah 10 tahun, saya ingat sudah sampai RM20,000 hingga RM30,000 duit dia ini, tetapi malangnya dia beli kepada saham-saham negeri ini, saya tidak sebut Johor di sini, saya sebut negeri. Jadi kalau ada prestasi negeri-negeri yang baik, dia mungkin dimaafkan daripada apa perbincangan saya, negeri yang tidak mempunyai prestasi dan kepakaran yang khusus untuk melabur ini. Jadi sepatutnya Kerajaan Pusat patut mengambil alih walaupun kesalahan ini bukan satu perbuatan Kerajaan Pusat, hanya kesalahan masa meluluskan lesen dahulu untuk mereka ini membuat perniagaan dalam unit trust, yang mana tidak berkemampuan mempunyai satu kepakaran yang khusus. Bahkan saya pernah berbincang dengan pegawai-pegawai yang

kanan dalam Bank Negara, dia kata kita *under pressure* kena bagi lesen, bahkan mereka mengetahui bahawa negeri-negeri yang memohon itu tidak mempunyai kepakaran dan kemampuan untuk mendagangkan unit trust ini. Jadi sepatutnya kita meng*approach* dalam usaha kita memajukan masyarakat kita ini secara profesional sedikit kadang-kadang ada sedikit sebaknya orang yang terpijak, terasa sedikit oleh sebab kegagalan kita memberi lesen-lesen dan sebagainya.

Dato' Firdaus bin Harun: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Rembau bangun.

Dato' Firdaus bin Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Santubong. Saya cuma ingin mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Santubong memandangkan sekarang ini PNB, Permodalan Nasional Berhad telah berupaya mengumpul lebih kurang 71 bilion dana termasuk 50 bilion melalui 10 unit-unit saham amanah yang diwujudkan oleh PNB sejak tahun 80, bermula dengan skim ASN sampai sekarang.

Kita lihat PNB nampak berjaya. Apa pandangan Yang Berhormat Santubong jika Kementerian Kewangan dengan kerjasama PNB sama-sama memikirkan bagaimana kita hendak *bail out* tadi yang masyarakat miskin dan berpendapatan rendah yang melabur dalam amanah saham-saham negeri termasuk juga dalam Amanah Saham Bank Islam. Bank Islam hari ini harganya 23 sen supaya dengan cara itu mungkin ada satu mekanisme yang difikirkan PNB boleh mengambil alih saham-saham negeri tadi melalui mekanisme yang baru ini supaya dengan itu pelabur akan dapat sekurang-kurangnya mungkin kalau sekarang ini kebanyakan unit *trust* itu kita tahu ditubuhkan pada tahun 80'an - Amanah Saham Pahang, Amanah Saham Johor, Amanah Saham Terengganu dan sebagainya.

Mungkin dia memang hendak dapat keuntungan itu mungkin agak sukar tetapi sekurang-kurangnya dapat modal dia balik yang RM1 tadi di mana satu mekanisme yang mungkin boleh diusahakan bersama dengan PNB memandangkan PNB mempunyai kepakaran yang meluas dalam bidang pelaburan dalam saham amanah ini yang mana PNB telah terbukti berjaya memberikan pulangan yang sangat baiklah tanpa putus-putus sejak tahun 81 dalam skim ASN yang pertama dulu sampailah sekarang dan pulangan yang diberi oleh PNB itu pula ialah lebih tinggi daripada pulangan yang diberi oleh bank-bank tempatan. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Santubong?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Satu input yang baik. Saya menyebut kerajaan. Kerajaan mempunyai satu inisiatif, kerajaan yang mempunyai satu kuasa, kerajaan yang mempunyai semua bidang kemudahan. Jadi soalan mekanisme ini saya tidak perlulah secara *detail*. Kalau PNB berkemampuan untuk menguruskan lebih lagi negeri unit *trust* negeri-negeri ini, saya menyarankan supaya PNB berbincang ataupun kerajaan berbincang dengan PNB berkemampuan dalam keadaan sekarang PNB mengambil alih juga untuk menguruskan unit-unit daripada negeri-negeri agar unit-unit ini boleh dibela agar masyarakat-masyarakat yang melabur, masyarakat-masyarakat kampung yang tidak mempunyai sumber kewangan yang banyak menumpu

menaruhkan harapan mereka dengan unit *trust* ini dapat dibela oleh pihak kerajaan, kerana kita tidak bolehlah hanya menuding jari kepada mereka yang telah membuat satu kesilapan tanpa mengambil satu tindakan yang positif.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua dari unit *trust* biarlah saya berpindah sedikit ke perkara yang lain. Saya juga akan menyentuh perkara yang telah juga disentuh oleh kawan-kawan tadi iaitu bank industri yang bakal ditubuhkan untuk SME dan SMI untuk memperhebatkan lagi pembangunan SME dan SMI di negara kita ini. Sebagaimana yang kita maklumkan bahawa negara-negara yang mempunyai ekonomi yang membangun dengan cepat khususnya negara Jepun, Korea, yang mempunyai ekonomi yang membangun dengan cepat khususnya negara Jepun, Korea mempunyai *small medium enterprise* dan industri yang begitu kuat sekali, yang begitu banyak sekali, yang begitu hebat sekali.

Jadi, inilah telah memastikan pembangunan ekonomi negara-negara tersebut. Bahkan saya dimaklumkan juga Korea boleh begitu cepat sekali membangun selepas merudumnya ekonomi pada tahun 1997 sampai 2000 sampai boleh membayarkan semua pinjaman mereka pada institusi kewangan antarabangsa IMF dalam masa yang singkat dan asas kekuatan, kekukuhan ekonomi Korea ini selalu dibincang dan ditanya di mana letaknya. Letaknya ialah oleh kerana kekukuhannya SMI dan SME mereka.

Jadi kita memang mencontohi negara-negara ini tetapi malang sekali Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: ...semenjak beberapa tahun. Sila Dato'.

Dato' Razali bin Ismail: Ya terima kasih Yang Berhormat Santubong. Tadi dia telah sentuh tentang bank SME, SMI sebentar tadi. Satu gejala yang saya kira amat membimbangkan kita adalah dari segi *non-performing loans (NPL)*. Apakah pandangan Yang Berhormat, langkah-langkah yang hendak memastikan tidak berlaku hutang lapuk, tidak berlaku liat membayar balik pinjaman daripada bank SME ini. Apa pandangan Datuk dan apa cadangan-cadangannya?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, kadang-kadang bank kita begitu konservatif sekali. Mereka sebenarnya sebagaimana yang disebut wakil-wakil rakyat dalam Dewan yang satu hari ini sampai sekarang mungkin termasuk saya sendiri juga ialah mereka hanya akan meminjam apabila ada keuntungan. Jadi kalau tidak ada *persist* ataupun dijangka keuntungan akhirnya mereka akan berhenti ataupun tidak akan memberi pinjaman kepada mana-mana syarikat.

Dengan keadaan sedemikian semua bank di seluruh Malaysia bila kita hendak pinjam RM100 ribu umpamanya kita mesti mempunyai satu cagaran ataupun satu sekuriti bercorak cagaran yang tidak kurang daripada RM200 ribu. Nisbahnya ialah tidak lebih daripada 60 peratus sahaja bagi bank komersial. Selain daripada bertanya apakah keuntungan kita kena buat dia punya *working paper* menunjukkan kita punya *cash flow*, menunjuk kita punya *projection*, menunjukkan kita punya bahkan ada kebodohan lagi yang berlaku yang saya dapat jumpa sendiri bahawa bertanya, "*Sudah ada untungkan perdagangan tahun ini?*"

Ada pernah dia tanya, bank bertanya dengan kita - si pengusaha ini datang bertanya dengan bank hendak pinjam. Dia kata, "*Tahun ini ada untung tak? Berapa juta untung tahun ini?*" Kalau saya ada untung satu juta, jawapan oleh pelanggan ini, saya takkan datang nak pinjam dengan bank sebab saya ada juta untung dah. Ini kadang-kadang menjadi satu masalah. Saya bersetuju Yang Berhormat masalah NPL adalah salah satu masalah yang besar.

Tuan Salahuddin bin Haji Ayub: [Bangun]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tunggu sekejap Yang Berhormat, tunggu saya habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk Yang Berhormat, duduk.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Masalah NPL adalah satu masalah yang besar. Ini juga mungkin menjadi satu asas penilaian oleh pihak bank sebelum memberi satu pinjaman kepada pengusaha-pengusaha. Kadang-kadang rakyat Malaysia ini dia pandai meminjam tetapi malas membayar. Saya tak kata tak nak bayar, malas membayar. Dia tahu skim dia bila nak bayar, dia punya *period* nak bayar, masa nak bayar dia tangguh hari yang akhir sekali baru bayar. Sampailah bank itu dah ketuk pintu, surat peguam dah sampai baru nak bayar.

Jadi, ini juga satu budaya yang kurang disenangi dan bahkan telah mengubahkan pemikiran pihak-pihak pegawai dalam bank itu supaya jangan beri pinjaman sembarangan. Jadi ini telah mendatangkan keadaan menjadi satu masalah tetapi NPL pada tahun 1997,1998 dan tahun 2000 Yang Berhormat bukan daripada masalah tak mahu bayar, ini disebabkan pada ketika itu kita mempunyai *experience* pembangunan yang begitu pesat dalam masa sepuluh tahun *running* yang tak berhenti-henti sampai tahun 1997 itu di antara lapan ke sepuluh peratus, makna kita *building so much*, banyak barang-barang yang kita buat, bangunan kita buat, rumah yang kita buat, apa sahaja premis yang kita buat itu kita tak dapat jual.

Dalam keadaan sedemikian peminjaman bank dan pinjaman daripada pihak bank kompeni ini pula begitu rupa dengan tidak ada cagaran yang tertentu, ini telah membuat NPL yang begitu banyak di negara kita berlaku ketika itu. Tapi sepatutnya kalau satu bank industri ditubuhkan janganlah pandang sangat soalan NPL itu. Kerajaan kena melihat secara *holistic* yang mana keuntungan daripada kerugian itu persoalan NPL. Sebelum saya meneruskan soalan bank industri, silakan Yang Berhormat.

4.30 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Santubong. Saya sungguh tertarik tentang bagaimana Korea Selatan dan juga Jepun dalam membangunkan SMI ini '*Small and Medium Industry* ini dan saya teringat awal tahun 70-an satu rancangan besar-besaran, satu revolusi industri berlaku di Korea Selatan. Tidak silap saya namanya 'Semaul Undung' dan *cottage industry* ini yang melanda Jepun. Kita melihat dalam sistem yang dibuat oleh kerajaan Korea Selatan dan Jepun ini semua rakyat mendapat faedahnya terutama petani mereka yang berusaha di peringkat kampung ini dibina *cottage* industri ini, industri kecil ini.

Bank-bank memberikan pinjaman yang begitu mudah tetapi dalam negara kita kalau kita melihat masalah pinjaman ini sehingga berteluasanya masalah Along disebabkan oleh birokrasi yang berlaku di kalangan bank. Saya tidak menafikan ada kelemahan dan sikap membayar dan usaha kerajaan Korea Selatan dan Jepun ini perlu ditiru supaya kesungguhan dan komitmen kerajaan itu nampak ketulusannya dan komitmennya untuk membantu golongan miskin petani ini supaya mereka akhirnya yang menjadi asas kepada kekuatan ekonomi Jepun dan Korea ini adalah antara *pillars ini* adalah kekuatan *cottage industry* ini, jadi adakah Yang Berhormat Santubong bersetuju dengan pandangan ini.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat biar saya menyingkap sejarah sedikit yang mana Jepun dan Korea tidak boleh dibanding secara *simplistic form*, dengan izin dengan Malaysia kerana kita kena melihat ke belakang sedikit semasa negara kita masih dijajah.

Di Malaysia kita mempunyai hampir 60% kalau tidak salah saya orang Bumiputera dan hendak 40% golongan orang Cina dan orang India dan etnik-etnik lain. Kalau kita lihat daripada kumpulan ini kebanyakan masyarakat Bumiputera ialah bukan golongan orang yang terlibat dengan *economic activities* sebenarnya selain daripada pertanian, nelayan secara kecil-kecilan dahulu. Dengan dasar British ataupun dasar koloni pada ketika itu ialah *divide and rule* pihak Cina buat perniagaan yang mengasaskan ekonomi *activities* dan *acumen* yang membina mereka sebagai *businessmen*.

Pihak kaum India saya juga mendengar percakapan di Dewan ini dan membaca sedikit majalah mengatakan mereka ini hanya dihantarkan ke kebun-kebum, ke ladang-ladang dan sebagainya dan dibendung menjadi orang ladang dan sebagainya. Orang

Melayu hanya dibentuk minda dia soalan politik dan bekerja dengan pihak kerajaan itulah kenapa askar, polis semua orang Melayu termasuk orang Bumiputera di Sarawak.

Kita telah dibahagi-bahagikan. Ini telah tidak berlaku di negara Jepun dan tidak berlaku di Korea. Kita hanya berharap bahawa yang 40% itu tadi yang berkemungkinan akan menjadi penggerak pemikiran soalan ekonomi kita menjurus kepada ekonomi yang ada kita lihat sekarang ini. Dengan itu, dengan sendirinya pergerakan kita tidak dapatlah diletak ke atas bahu kerajaan mengatakan kerajaan lemah bahkan keseluruhannya kita belum pada ketika itu pada tahun 70-an dan 80-an belum bersedia lagi keseluruhannya rakyat Malaysia selain daripada mereka yang memang telah dibimbing dan disuruh masuk ke dalam bidang pergerakan ekonomi sahaja yang bergerak dalam soal ekonomi.

Orang-orang khususnya orang Melayu, orang Bumiputera di Sarawak, di Sabah masih memikirkan habis sekolah anak saya nanti dia kerja jadi, kalau di Sarawaklah saya sebut dia hendak jadi DO, dia hendak jadi kerani, dia hendak jadi pegawai, inspektor polis, dia hendak jadi kapten askar dan macam itulah pandangan dia. Tanyalah dengan masyarakat-masyarakat dahulu dan di dalam kampung-kampung sedemikian. Tujuan dia hendak kerja dengan kerajaan kalau ditawarkan, pada tahun 70-an ditawarkan orang ini satu dua tawaran dengan bank, sepupu saya sendiri pada tahun 70'an - lupa saya tahun dia tetapi tahun 70'an. Dia mungkin kelulusan daripada sekolah yang elit di Kuching, St. Thomas School, Form Six, sijil HSC. Dia ditawarkan oleh pihak bank, ditawarkan oleh pihak information office, ditawarkan oleh jabatan kerajaan lagi dia pilih masuk *information office*.

Tetapi kawan yang seorang lagi masuk, kawan dia masuk bank. Kawan dia masuk bank pada tahun 80-an, tengah tahun 80-an sudah jadi *regional manager*, dia masih pegawai kanan *information office* sampai belum dapat jadi *Assistant Director* dalam negeri sekarang, masih bekerja. Masalah dia, orang Bumiputera, orang Melayu masih memikirkan kerajaan itu, pendidikan itu menjurus kepada bekerja dengan kerajaan tidak menjurus kepada pengusaha ataupun perniagaan, lain daripada pihak Cina. Ha, ini Cina ini berapa banyak kerja sahaja pada ketika itu pada tahun itu tahun 70-an, 80-an. Jadi minda kita hanya baru *digeared into* membuat *business* pada mungkin tahun 80-an. Kalau di Sarawak mungkin pada tahun 90-an baru bergerak memikirkan the *government will never be the sole employer and provider of work and services for graduates* daripada universiti-universiti pada pihak Bumiputera.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands bangun, Cameron Highlands bangun

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Penjelasan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Santubong. Saya hendak bawa perkara yang dikatakan tadi sejarah perkembangan ekonomi di kalangan pelbagai masyarakat yang disebut tadi.

Saya bawa satu senario di Cameron Highlands. Tanah-tanah Cameron Highlands itu adalah TOL (*Temporary Occupation Land*) bukan tanah geran. Kebanyakannya 90% daripada tanah-tanah Cameron Highlands milik kerajaan negeri dan tiap-tiap tahun pekebun-pekebun kena *renew* TOL dia. Dia kena ambil lesen tetapi bank bagi duit, bank berani bagi pinjaman kepada tanah-tanah TOL kerana mereka mempunyai satu sejarah masuk dan keluar duit daripada bank tersebut. Dia tengok dia punya akaun-akuan bank begitu kukuh sekali dari segi eksport sayur dia, bunga dia.

Sedangkan saya tengok di Ipoh pula di negeri Perak pula ada tanah pun dia tidak mahu bagi duit, orang pohon dia tidak mahu bagi duit, bank, dan satu lagi saya tengok budaya di kalangan masyarakat Cina ini yang meniaga dia tidak payah *agreement* dia gunakan janji mulut. Kalau dia kata hari ini dia akan bayar balik dia akan bayar balik. Kebanyakan pekebun-pekebun sayur gunakan satu sistem yang tidak perlukan janji-janji bank. Dia ada dia punya sistem sendiri di mana ada satu wadah kepercayaan, wadah amanah di antara mereka, antara mereka sendiri. Maka ini merupakan satu perikatan rangkaian kepercayaan yang sukar saya cerita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu bahasa falsafah Yang Berhormat?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Bukan falsafah kebenaran di kaki lima. Maka saya hendak tanya Yang Berhormat Santubong bagaimanakah mereka dapat mencipta satu sistem sendiri begini sehingga mereka begitu kukuh dalam ekonomi sedangkan kita diadakan dengan pelbagai bank. Baru-baru ini ada pinjaman mikro kredit. Saya diperdengarkan bahawa 40% daripada orang yang pinjam mikro kredit ini sampai 20,000 tidak bayar balik. Sampai pi mai pi mai dok cari dia dan orang yang jadi dia punya penjamin dia, bukan penjaminlah *recommendation* dia pun kena juga. Sepuluh dia boleh *recommend* sepuluh orang semua sangkut. Mentor dia kena sangkut.

Inilah keadaannya saya pun tidak faham kalau kita hendak selesaikan Yang Berhormat Santubong masalah golongan-golongan Along ini, kerajaan sediakan bantuan tetapi orang-orang yang tidak ada syarikat pun tiba-tiba muncul syarikatnya sendiri seperti cendawan tut tut tut keluar. Inilah masalahnya dan di mana maka macam mana sistem pun kita bawa, kita luluskan rang undang-undang ini Yang Berhormat Santubong, bolehkah masalah manusia ini dapat diselesaikan selagi tidak ada amanah selagi tidak ada prinsip-prinsip rohaniah yang utuh saya rasa susah untuk kita. Macam-macam undang-undang dibawa pun tidak gunalah Yang Berhormat, betul tidak?

Saya rasa beginilah, minta penjelasan bagaimana benda ini boleh diperkasakan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis dengan cerita soalan sejarah saya tadi. Sebab sejarah, cerita sejarah saya itu walaupun tak disampaikan dengan perkataan yang elok dan indah sebagaimana yang telah dibuat dan dilafaz oleh Cameron Highlands, sekurang-kurangnya saya hendak menjelaskan sebab-sebabnya kenapa asas ekonomi kita tidak boleh dibandingkan dengan Korea dan Jepun membangunkan SME, SMI walaupun bantuan-bantuan telah pun diwujudkan oleh Kerajaan. Kerajaan juga - akan saya ulaskan nanti, sama ada kerajaan telah menunaikan tugas dan tanggung jawab untuk memberi sumbangan dan bimbingan ini dengan sepenuh hati ataupun telah hanya melepas batuk di tangga dan penyampaian tidak sampai kepada sasarannya.

Tuan Yang Di Pertua, saya hendak menyebut - soalan tadi saya sebut yang saya sebut Cina, yang saya sebut India, yang saya sebut orang Melayu, yang saya sebut Bumiputera dari Sabah dan Sarawak tadi. Kita Bumiputera dan orang Melayu ini tergolong dengan 60% rakyat Malaysia. Inilah golongan-golongan yang hanya mendapat pemikiran untuk membuat satu *business* pada tahun 80an sahaja. Seawal-awalnya tahun 80 an.

Adalah orang yang jadi besar sikit-sikit di sana itu, kiri dan kanan itu, betul, memang ada. Tetapi dahulunya, kadang-kadang orang Melayu ini hendak bawa bakul, kata orang Di Semenanjung ini kata bakul jugakah? [*Disampuk*] Ha, bakul - bawa kuih dalam itu, hendak jual kuih, malu. Hendak berdagang sikit ini, jual benda-benda di kaki lima ini, malu. Sebab kita dibimbing untuk jadi pegawai kerajaan. Di *built in mentality* kita akan jadi pegawai kerajaan sekurang-kurangnya jadi kerani, yang adapun jadi peon, adapun jadi *office boy*, tetapi sekurang-kurangnya pegawai kerajaan. Kepada orang kampung, pegawai kerajaan itu pangkatnya lebih tinggi daripada nelayan dan petani. Mentaliti kita di *built up*, *along that line* oleh penjajah dahulu. Jadi, senang untuk mereka *to govern*lah, dengan izin.

Tuan Yang Di Pertua, kita balik kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands dan saya akan jelaskan secara *illustration*. Apa yang ditunjuk oleh Yang Berhormat Cameron Highlands tadi, berlaku satu di Cameron Highlands, dan yang kedua kalau tak salah saya Cameron Highlands ini mungkin dia orang Cina, dan yang di Perak itu tadi, orang India ataupun orang bumiputera. [*Disampuk*] Ha, dua-dua.

Saya hendak sebut Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak, - Ha, ini Cameron Highlands dengan ini, ha ni cerita Sarawak. Orang Melayu, orang Cina berjual ikan di gerai tiap-tiap hari minggu. Datanglah ke Kuching kalau hendak melihat. Pada tahun 80-an apabila gerai mula-mula diwujudkan oleh pihak MARA, orang Melayu kalau dia kita tunjukkan duit RM10, nak beli ikan, dia tak ada duit hendak bagi tukaran kepada kita. Dia akan pergi kepada kawan sebelah, orang Melayu juga; orang Melayu itu ada duit. Dia kata, duit aku tak cukup, kau carilah. Pergi bank ke pergi mana, tukar duit. Tetapi kalau orang

Cina, sebelah ini orang Cina, sebelah ini orang Cina, bila kawan ini tak ada cukup duit tukaran, dia tunjuk kepada kawan sebelah, kawan sebelah akan berusaha mencari tukaran, beri kepada dia supaya semua boleh berniaga. Dia akan bantu.

Ini tahun 80-an, mula-mula dia berniaga. Maknanya, budaya itu sudah disemai daripada awal lagi. Sebab satu perkara, memang tolong bantu sesama sendiri supaya dapat kerjasama ini, *strategic alliance*. Hari ini, *I* tak ada tukaran mungkin besok hari, *you* ada tukaran *I* tak ada tukaran. Maknanya, kita boleh membantu. *Today I do good for you, tomorrow you'll do good for me*. Jadi, macam ni kerjasama telah diwujudkan. Jadi, orang Melayu masih kalau dia tidak ada tukaran beli dengan dia, saya ingat dia akan beli pada saya? Dengan harapan dia tu, dalam hati fikiran dia. Kalau dia tidak tukar sana, dia akan boleh tukar dengan saya sebab saya ada tukaran. Dia akan beli dengan saya, itu pandangan dia.

Ini berlaku Tuan Yang di-Pertua, baru hari minggu. Eh! pada hari Sabtu di Miri, semasa seminar besar-besaran parti saya. Ini satu kumpulan orang Melayu Melanau, di sebelah gerai kumpulan Melayu Melanau juga. Jadi saya yang beli. Saya beli dekat sini, kuih muih. Bukan sahaja tak pernah itu - oleh kerana orang suruh saya beli, kita orang parti nak jual, kita belilah. Beli kuih muih dekat sini, selepas itu saya pergi sebelah sana, saya beli ikan masin dan sebagainya. Saya kata yang jual kuih muih ini bagi kotak dengan saya.

Selepas tu, saya beritahu dengan orang yang jual ikan masin itu, *you* hantar orang yang ada kotak tu masuk ikan masin saya, masuk dalam kotak sekali. Bila saya balik ke gerai yang jual kuih itu, ikan masin saya masih kat luar. Bila saya kata, kenapa tak masukkan sini? Dia kata tak cukup tempat. Eh, mana tak cukup tempat? *I* buka lagi. Bila buka, masih cukup tempat? Oh, dia bukan dari gerai kami, dia dari gerai sana. Saya kata, kalau *you* nak *success* dalam perdagangan ini, *you* kena kerjasama di antara diri sendiri. Hari ini *you* ada kotak, besok dia ada kotak, *you* tak masuk juga sebab dia nak balas dendam.

Ini budaya yang belum kita amalkan bahawa budaya perniagaan ini kena kerjasama. Begitulah juga budaya-budaya lain berhubung dengan perniagaan, iaitu budaya membayar apabila berhutang. Benar, memang betul bahawa banyak masalah kerajaan, bahkan sekarang kita lihat budak-budak kita meminjam duit daripada institusi-institusi kerajaan untuk meminjam pergi universiti dan sebagainya, balik sudah kerja besar, sudah gaji besar, lupa bayar, tak bayar. Tak bayar, dia kata tunggu kerajaan saman. Ada yang pandai lagi jumpa peguam. Jumpa peguam memang menang punya. Tak boleh saman. Pinjaman-pinjaman *scholarship* ini tak boleh saman. *You* cubalah di mahkamah, susah hendak menang. Jadi, kalau kita bawa mahkamah pun, orang kita juga yang bankrap semua, pegawai-pegawai kerajaan, pegawai-pegawai syarikat, mungkin kena buang kerja pula.

Budaya membayar ini patut di*inculcate*, dengan izin, di peringkat sekolah lagi supaya membudayakan mereka ini secara dengan jujur - kejujuran, tanggung jawab dan kerjasama khususnya dalam bidang-bidang yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang Di Pertua, balik saya kepada soalan Bank Industri SME, SMI. Masalah yang dihadapi selama ini, Tuan Yang Di Pertua ialah pihak bank ini apabila telah di*allocate* kerajaan kata, okey saya serahkan dengan bank ini RM500 juta dan terbukalah dalam Dewan ini, menteri mengatakan bahawa RM500 juta akan disalurkan kepada bank-bank untuk diberi kepada SME, SMI ini kepada yang berkelayakan, kepada yang berkemampuan, untuk memajukan perniagaan mereka. Akhirnya, tahun demi tahun, bulan berjalan, hari berlari bertukar tahun, abad berganti, yang RM500 ribu tak keluar, Tuan Yang Di Pertua. Sebabnya dia tanya tadi mana *you* punya *performed report*, mana *you* punya *cashflow*? Selepas itu, dia habis-habis tanya lagi, ada untung atau tidak tahun ini?

Saya bercakap bukan sahaja dari segi teori - melihat sendiri. Ada seorang pengusaha yang berjaya di Sarawak. Keluarga dia semua terlibat dalam perniagaan dan diberi kerajaan lagi satu *central contract, supply* dengan sekolah-sekolah tetapi syarat oleh Kementerian Pendidikan ialah ia mesti mengusahakan produk untuk diberi sekolah itu dalam masa yang tertentu. Orang ini melabur, bila sudah dapat lesen daripada *central contract, five plus three*, dengan izin, 5 + 3, oleh kerajaan dia tubuhkan satu kilang laburkan RM1 juta. RM1 juta - beli mesin, buat kilang tapi apa yang tinggal, dia nak beli bot; dia nak

beli bot untuk tangkap ikan ke laut supaya dia tak payah beli daripada pembekal ikan lagi, *middle man* lagi pasal ikan ini, dia nak buat sendiri. Betul-betul pengusaha daripada penangkapan ikan dan *processing* ikan dan akhirnya ikan itu boleh dijadikan benda *value added* sebelum dihantarkan ke sekolah sebagaimana dikehendak oleh Kementerian Pendidikan.

Apa bank industri, saya sendiri yang bawa dia, jumpa dengan pegawai bank industri, *interview* satu hari, hari kedua saya ikut, dia tanya dengan orang itu, "Berapa untung tahun ini?" Orang itu hendak pinjam RM2 juta hendak beli dua buah bot. Saya kata, "Apa untung? Dia sudah labur, tanah dia hampir nilai setengah juta". Pelaburan *cash* dia satu juta. Sekarang dia hendak pinjam RM2 juta hendak beli dua bot. You tanya untung dari mana, daripada *cash flow, projection* semua cukup.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di mana letaknya bantuan yang akan disalur oleh pihak kerajaan. Di manakah impian kerajaan hendak dibinakan SME, SMI yang akan memperkukuhkan, memperkasakan industri di negara ini, kalau pihak bank masih bersifat sedemikian. Jadi, kalau SME bank, SMI bank ini akan ditubuhkan, dan pihak kerajaan masih menggunakan garis panduan yang lama, masih menggunakan garis panduan yang diguna pakai oleh pihak komersial bank yang wujud sekarang ini, mungkin kita akan maju menerusi SME, SMI ini pada tahun selepas tahun 2020. Tetapi dalam masa yang singkat Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai satu keyakinan. Masalahnya bumiputera tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk terlibat dalam industri-industri.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan beri satu contoh lagi. Menyahut seruan kerajaan terlibat dengan *food* industri, terlibat dengan *processing* ikan di tempat yang disarankan oleh kerajaan negeri pergi ke sana melabur RM2 juta, semua dari poket kawan-kawan yang dipanggil satu konsortium. Keluar dari poket sendiri. Satu sen pun tidak pinjam duit kerajaan, jumpa dengan bank 5, 6 bank mula dia bercakap cantik-cantik dengan kita, akhirnya bila tanya berapakah nilai tanah yang akan dicagarkan untuk pinjaman? Saya kata, "Kilang itu dibina atas tanah yang disewa daripada agensi kerajaan". Kita sudah beli *machine* berharga lebih kurang satu RM1 juta. Kita sudah bina kilang dan kemudahan-kemudahan lain dan termasuk kereta yang kita beli, RM1 juta.

Mana pula ada tanah hendak dicagarkan dengan ini? Ahli-ahli yang diberi itu adalah, ahli-ahli syarikat individu itu adalah tanah-tanah peribadi dia. Tidak akan boleh *ditransfer* kepada syarikat dan dicagarkan kepada pihak bank? Akhirnya tidak satu bank pun boleh membantu. Kita sudah melabur RM2 juta, semua orang bersetuju bahawa pelaburan itu akan mendatangkan hasil. Kilang saya mengeluarkan 60 ribu tan *feedmeal* dalam satu tahun. Makna dalam penilaian kita, kalau dapat mengeluarkan 40 ribu tan *break even* ini pun tidak boleh juga, sudah dilihat dua tahun dia punya prestasi, tidak boleh. Jadi hendak tanya, *machine* ini boleh dibuat cagaran tidak? Akhirnya kita sudah terkandas kerana kita punya *rolling capital* tidak mencukupi, kawan-kawan tidak boleh mengeluarkan lagi, minta *machine* ini diguna untuk dicagar baru keluar setengah juta.

Dr. James Dawos Mamit: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Mambong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi Tuan Yang di-Pertua, inilah keadaan yang ada sekarang ini. Yang Berhormat bagi Mambong, sedia rela.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di kebanyakan negara maju di Eropah dan juga di Amerika Syarikat. Kadangkalanya mereka tidak memerlukan harta fizikal sebagai cagaran hanya *licence* sahaja pun boleh jadi cagaran. Sebagai contoh di Denmark, mereka ini kalau memohon pinjaman dari bank untuk membeli kapal, sebab di Denmark mereka bukan hanya menggunakan bot-bot yang kecil sahaja untuk menangkap ikan untuk membeli kapal. Apabila mereka mohon meminjam daripada bank ataupun *fisherman bank*, mereka hanya memerlukan *licence* dan kuota penangkapan ikan itu sahaja. Kenapa itu boleh berlaku dan tidak boleh berlaku di negara kita?

Pendapat saya begini, kerana kalau kita lihat kakitangan bank di negara kita, ramai mereka ini adalah *financial expert*, ataupun *business expert*. Bank di negara kita tidak mengambil *specialist* daripada bidang-bidang yang lain. Kalau saya ke belakang lagi, apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu pagi tadi, dia mengatakan, bahawa kawan dia pergi ke bank untuk memohon pinjaman untuk *biomass business* dia kata. *Biomass business* ini saya pun tidak tahu apa dia hendak buat. Mungkin dia hendak buat *biofuel* ke ataupun dia hendak buat benda-benda yang lain ataupun *particle boat* dan sebagainya. Bank tidak boleh meluluskan kerana bank tidak mempunyai *expert* yang boleh menilai sama ada *business* itu boleh membawa keuntungan atau tidak. Kalau kita lihat daripada *structure world bank*, semua sektor dalam *world bank* ada dekat situ.

Expert dalam alam sekitar, *expert* dalam bidang perhutanan, *expert* dalam bidang penternakan dan sebagainya. Jadi kenapakah bank di negara kita tidak mengambil *expert-expert* seperti yang saya sebut ini, agar mereka ini boleh menilai sama ada satu perusahaan ini boleh membawa keuntungan atau tidak agar perusahaan ini boleh terus maju atau tidak. Ini juga amat penting, tetapi saya lihat bank di negara kita memang tidak ada peraturan begini. Tolong mohon penjelasan Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat ini pakar *environment*, soalan *biomass* memang pakarlah, memang tahu betul. Soalan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu persoalan kepakaran dan juga dari segi pelaburan, kepakaran dari segi *investment*, kepakaran daripada bidang-bidang di luar persoalan *accounting*.

Memang saya menerima hakikat bahawa di negara kita kalau hendak masuk bekerja dengan bank, yang pertama, *choice* yang pertama ialah orang yang mempunyai kepakaran dalam bidang *accounting*. Tetapi bidang *accounting* ini juga adalah satu bidang yang *very conservative*, bidang yang hanya *counting dollar and cent*. Dia lihat setiap hitungan itu ialah dari soalan keuntungan tidak melihat benda-benda lain. Tetapi sedikit sahaja pihak bank melihat pakar, walaupun tidak ada kepakaran yang boleh dikatakan *entrepreneurial skill*, tetapi orang yang dalam bidang *entrepreneur* ini sepatutnya dimasukkan dalam bank itu ataupun ditumpu oleh pihak bank.

Itulah kenapa di negara kita pembangunan macam penglibatan pihak bank ini hanya sebagai peminjam sahaja, mereka tidak mempunyai satu kepakaran untuk memberi nasihat dan bimbingan kepada pengusaha-pengusaha sebagaimana yang dibuat di Amerika, sebagaimana yang dibuat di Australia. Di Australia dia tidak melihat, begitu juga di Amerika tidak melihat daripada segi *collateral* bentuk *landed property* yang dibuat di Malaysia.

Di sini *landed property* baru dianggap sebagai satu cagar yang mencukupi sebagai satu *security* dalam satu pinjaman. Tetapi di Amerika khususnya bermula daripada pergerakan *entrepreneurial development* pada tahun 80-an, 82 apabila undang-undang diluluskan oleh President Johnson untuk membangunkan *entrepreneur* di negara tersebut yang mewujudkan beberapa skim dan juga bantuan termasuklah *venture capital*, *investment* kepada syarikat-syarikat yang mempunyai daya saing dan berdaya maju.

Mereka akan melihat kertas kerja dan potensi *business* itu, kalau satu-satu *business* itu mempunyai satu potensi, pihak bank tidak akan teragak-agak memberi pinjaman. Inilah sebenarnya asas pembangunan *Dot Com Company* pada tahun 90an yang walaupun *Dot Com Company* ini hampir *collapse* kesemuanya pada tahun 2000 oleh kerana kemelut ekonomi. Tetapi asas pembangunan semua *Dot Com Company* umpamanya *Amazon*, *Yahoo*, *E-bay* dan sebagainya itu ialah berasaskan *capital injection* yang diberi oleh pihak-pihak yang tertentu, bukan sahaja bank, bahkan ada *champions* yang tertentu yang mahu melabur kerana melihat dari segi potensi, kemajuan syarikat-syarikat tersebut.

Kalau kita lihat *Amazon* umpamanya pengasasnya menjadi *billionaire* dalam masa 48 bulan berlandaskan hanya satu kertas sahaja, tidak ada tanah, tidak ada apa pun. Jadi dalam keadaan sedemikian saya memintalah pihak kementerian macam mana hendak menggalakkan pihak bank kita supaya berpindah sedikit,.....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [Bangun]

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [Bangun]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:berhijrah sedikit daripada melihat kepada *collateral property* ini sebagai *guarantee* kepada satu potensi *business* yang boleh dimajukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua-dua bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat Cameron Highlands dahulu Yang Berhormat, Yang Berhormat Cameron Highlands dahulu.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Santubong. Saya cukup tertarik dengan ulasan yang diberi oleh Yang Berhormat. Saya rasa sistem kapitalisme yang diperkenalkan oleh dunia barat ini khususnya macam Amerika Syarikat yang dikatakan tadi adalah sebenarnya untuk mencari kejayaan bagi seseorang dari segi ekonomi, dari segi kekayaan.

Tetapi acuan yang diterima daripada orang barat ini, kini dijadikan sebagai suatu yang bertentangan dengan kepentingan negara khususnya oleh sistem perbankan di Malaysia. Saya balik kepada apa yang kita bincang berkenaan akta untuk memindahkan Akta Bank dan Institusi Kewangan ini. Sebenarnya seperti yang dikatakan tadi, *collateral* yang diperlukan adalah tanah, bank-bank di Malaysia mahu sesuatu yang tetap baru dia akan bagi hutang balik sedangkan benda ini lain di negara-negara barat yang memperkenalkan sistem kapitalisme.

Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Santubong, adakah kita sudah kembali kepada sistem feodal di mana yang kaya akan semakin kaya, yang miskin akan semakin miskin kerana mereka tidak ada keupayaan untuk menerima bantuan kerana bank-bank iaitu pihak swasta telah begitu bermaharajalela sehingga kerajaan tidak mempunyai satu mekanisme untuk mengawal dan mengawal selia peranan bank-bank ini di Malaysia. Sekiranya benda ini dibiarkan untuk dalam bahasa Inggeris, dengan izinnya, *to perpetuate* maka kita akan melahirkan satu golongan kapitalis baru yang mungkin akan menyebabkan aspirasi negara dan hala tuju negara terganggu.

Maka saya minta satu penjelasan bagaimanakah senario ini boleh diubah suai? Saya dengar baru-baru ini, Citibank bila dia bagi pinjaman kalau tidak boleh bayar, dia tidak akan runding juga untuk bincang untuk bayar balik secara ansuran, dia terus ambil sahaja dia bagi beberapa surat peguam, selepas itu beberapa ketika dia akan ambil alih sahaja. Adakah ini satu percubaan oleh bank-bank untuk menguasai sistem kewangan negara sendiri? Mungkin ini ada sesuatu yang berkaitan dengan ancaman negara dari perspektif yang berbeza. Maka bagaimana ini boleh di realisasikan supaya kita tidak jatuh ke dalam kancuh kapitalisme yang telah membawa kehancuran dan membawa satu konsep baru, *capitalistic feudalism*.

*Sorry*lah saya menggunakan benda-benda yang mungkin perkataan yang sukar canggih sedikit, sebenarnya bukan canggih, saya tidak tahu macam mana hendak mengungkapkannya kembali. Maka inilah masalah bank-bank ini. Kalau sistem ini berterusan Yang Berhormat Santubong, saya rasa Malaysia akan menjadi sebuah negara yang kaya semakin kaya, yang miskin akan semakin miskin seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mambong tadi. Kalau kita ada satu *business potential* maka bantuan kewangan mesti dihulurkan untuk memastikan bahawa pihak yang ada kemahiran, yang ada dia punya idea boleh terus maju.

Itulah yang dikatakan tadi Syarikat Dot Com, *ideas to make money*. Tetapi saya rasa di Malaysia tidak boleh jual idea, idea tidak akan dikira langsung itu sebab sampai mati kita akan pinjam idea orang. Bila sesuatu di barat muncul kita *copycat* kita terus tiru fotostat dan kita mulakan satu yang baru di sini kerana idea sini tidak pernah dihormati. Apa pandangan Yang Berhormat Santubong?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita berputar kepada soalan *idea, marketable ideas* ini saya ingat sampai besok bolehlah bincangkan cerita ini, panjang-panjang ini. Tetapi saya cukup bersetuju pihak bank patut berubah sedikit, tetapi kalau pihak bank tidak berubah Tuan Yang di-Pertua, saya cukup yakin dan saya bersetuju apa yang Yang Berhormat Cameron Highlands sebut tadi akan menjadi suatu kenyataan, bagaimana yang telah menjadi kenyataan sekarang. Siapa yang

mempunyai tanah, siapa yang mempunyai harta benda yang boleh dikatakan di atas tanah dialah yang berkemampuan mengambil peluang kepada sumber kewangan yang bakal dibuat oleh kerajaan. Minta maaflah Tuan Yang di-Pertua kawan-kawan dari Sarawak ini, dua juta tanah adat di Sarawak.

Seorang Ahli: 1.6 million hectares.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: 1.6 million hectares tanah adat di Sarawak yang tidak ada geran, yang tidak ada *title* ini, *sorry*lah.....

Seorang Ahli: Tidak boleh maju.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak boleh maju, *they will continue to own the land* tetapi *land that has no value to the bank*. Akhirnya *they become the poor population*, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak berubah sikap, kalau kita tidak mengubah pandangan dan pendirian pihak bank, kalau kita wujudkan bank industri SME, SMI ini dia akan tanya di mana tanah kita. Siapa yang akan dapat nanti ialah orang yang ada tanah, betul orang ini sudah kaya.

Memang betul kalau hendak pinjam RM25 juta, cari tanah RM50 juta siapa yang dapat? *Sorry*lah Yang Berhormat Wan Junaidi, *sorry*lah Jawah Gerang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ketereh pun berminat Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Santubong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok semangat yang dibawa oleh sahabat saya daripada Santubong ini cukup tinggi komitmen kepada rakyat dan saya cukup faham dan saya rasa ini patut disokong hebat dan saya harap pihak kerajaan mengambil perkara ini dengan serius.

Saya ada pengalaman, pengalaman sendiri, saya Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan, tahun ini tahun yang kesembilan. Di antara projek yang dikenal pasti oleh Pertubuhan Peladang Kawasan Ketereh saya ini ialah hendak pelihara lembu, atas permintaan daripada Menteri Pertanian dan Pengerusi KADA yang baru. Di Bank Pertanian ada 3F - tabung makanan, banyak berpuluh juta. Sebagai pertubuhan peladang kita hendak pinjam, kita bawa kertas kerja ada, projek ada, tempat ada, *recommended by* Jabatan Haiwan, *recommended* oleh Kementerian Pertanian, mesyuarat agung bersetuju.

Hantar permohonan, seperti biasa *collateral*nya ialah tanah, mana ada Pertubuhan Peladang ada tanah dan nilainya pula diletak nilai. Hendak pinjam RM500 ribu mesti ada sekurang-kurangnya RM180 ribu nilai tanah, baru boleh ambil RM500 ribu. Mana hendak cari? Projek ada, komitmen ada, pegawai ada, orang yang hendak buat ada tetapi tidak boleh ambil pinjaman, bila tidak boleh ambil pinjaman projek tidak berjalan, so pejabat projek ini tidak berjalan. Ini kena kepada pertubuhan, individu lagilah, ini pertubuhan, pertubuhan yang ada duit, yang ada komitmen yang bersedia untuk buat, tabung pun ada dan wang ini bukan wang bank 3F ini, tetapi wang yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Saya tengok 3F ini diambil oleh 'mereka-mereka' *redundancy*, mereka maksud saya. Mereka yang ada *collateral* untuk guna duit, untuk buat pinjaman. Jadi cadangan daripada Yang Berhormat Santubong ini patut diambil perhatian dan kalau kita hendak tengok negara ini terus berjaya. Terima kasih, boleh setuju dengan saya?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ada cerita yang sama, apa nama universiti di Pulau Pinang? Universiti Sains Pulau Pinang, saja saya tanya Datuk, minta maaf. Saja saya tanya sebab saya nak tahu, tahu tak universiti di Pulau Pinang itu, Universiti Sains Pulau Pinang?

Ada seorang pakar, pakar tanam buah, seorang profesor, orang Melayu. Saya bukan nak kata orang Melayu mesti tolong orang bumiputera, mesti tolong orang Cina, orang India - tak payah tolong, saya nak sebut ni *emphasis* orang Melayu, seorang profesor. Dia adalah seorang pakar buah-buahan yang kedua di Malaysia, satu orang di Sarawak nama dia Voon, seorang Cina. Hanya dua orang di Malaysia pakar tanam buah-

buahan, kalau Datuk nak tanam buah dia kata, "*Tanamlah, masa hari Tahun Baru Cina nanti baru berbuah*", dia boleh aturkan buah tu, berbuah pada Tahun Baru Cina. Dua pakar saintis ini, jumpa saya dekat lobi Parlimen, pada sesi lepas.

Diberi oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 100 ekar saja untuk dia tanam, dia tanam tapi masalah hanya sumber kewangan, 100 ekar tanah diberi oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang bukan kepunyaan dia, makna tidak boleh dicagar, dia tanam dengan pokok-pokok buah-buahan menggunakan semua kepakarannya sebagai dia yang punya. Lepas itu, dia pergi berjumpa dengan Bank Pertanian nak minta RM1 juta pinjaman untuk membangunkan 100 ekar ini. Dia boleh jamin dalam masa tiga tahun, dia boleh bayar semua.

Bagaimana Yang Berhormat Ketereh sebut, dikehendaki oleh Bank Pertanian, you mesti ada *cash in bank* RM400,000, minta maafah Datuk, orang Melayu profesor kerja dengan universiti mana RM400,000 datang Datuk? Mana RM400,000? Itu saya buka *hand phone* tadi nak cari nama dia, sebab ada nama dalam ini tapi telefon bising pula. Jadi saya tak jadi, tutup, dia berjumpa dengan saya, dia tanya dengan saya, "*Yang Berhormat ada tak, boleh tak kita maju, you boleh datang tengok benda ini, boleh tak you keluarkan, kita kerjasama*". Malanglah saya Yang Berhormat miskin, RM400,000 susah nak cari, nak cari kawan kiri kanan pun tak ada, malangnya saya tak ada kawan yang kaya-kaya. Akhirnya Datuk,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kenapa tak jumpa Mambong? *[Ketawa]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tak dapatlah 100 ekar ni nak dimaju, yang berpotensi maju, yang memang saya kata boleh jamin boleh maju. Dia seorang pakar, *the only one*, yang seorang nama Voon tu, di Sarawak, saya dah pernah panggil dia datang ke rumah saya sebab maaf ya Yang Berhormat, saya pernah panggil dia datang ke rumah saya sebab saya tanam buah *tamarind* ini yang manis daripada Perlis tu, saya bawa balik ke Kuching, saya tanam, banyaklah anak, jadi saya beri kepada pak saudara saya, beri kepada mak saudara saya, beri kepada anak buah saya, tanam.

Jadi di belakang rumah saya pokok dah besar ini, bunga banyak tapi buah tak ada, jadi saya panggil Voon ini untuk

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: *Tamarind* jantan kot Yang Berhormat?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi dia kata, tak Tuan Yang di-Pertua, dia kata ini betina juga, tapi dia nak jantan, ini masalah dia. Dia kata ini perlu *cross pollination* punya *tree*, dia kena ada pokok lain, berbunga juga, you tanam satu saja kata dia, you kena tanam dua, bila dia berbunga, yang ini berbunga, yang satu mesti kena *cross pollination* baru dia boleh berbuah.

Jadi, kalau dia terbang semua dekat sini, *the nearest* pokok yang macam ini *is 14 miles away*, di Semengo. Jadi dia bawa bunga *pollen* daripada Semengo itu, simpan macam mana saya tak tahu, dia *sprinkle* dekat saya punya pokok, alhamdulillahlah *artificial sprinkle* macam ni dia tak menerusi burung, tak menerusi lebah, tak menerusi benda-benda macam tu, dia tak berapa elok. Jadi berbuah juga, itu saya percaya betul Datuk, dia saintis memang pakar, profesor ini beritahu, "Yang Berhormat, *you want to know my counterpart*, cari Mr. Voon, dia berkhidmat dengan *Research Centre Agriculture* di Sarawak.

Saya dah jumpa dia sebelum profesor ini beritahu, ini orang yang berpotensi maju malangnya profesor ini rasa kecewa pergi jumpa bank, bank kata kalau nak pinjam RM1 juta, you kena ada RM400,000 dulu. Maju tak SMI sebegini? Tadi saya ada sebut orang buatmi, diberi kontrak oleh pihak kerajaan tapi dua eksekutif bank jumpa kami, saya duduk dengar belakang saja sebab saya nak lihat orang ini maju, sebab dia dapat kontrak daripada kerajaan 5+3, *supply* barang makan tetap dengan sekolah dan dia nak tangkap ikan sendiri, dia tak nak beli ikan. Kadang-kadang *businessman* ni jahat juga. Tengok dia punya kilang maju, ikan yang dulu harga 50 sen sekilo, jadi RM1 sekilo. Dia nak peras ni, jadi *profit* margin dekat kilang ni habislah. Jadi, dia nak beli bot, kapal tunda, Kementerian Pertanian bagi dia lesen, tapi malangnya Bank Industri tak nak bagi dia duit untuk beli ni.

Akhirnya Datuk, saya nak bagi maklumat, akhirnya kawan ini jual 50% daripada syer dia kepada orang Cina *to inject fund* untuk dia cari sumber ikan. Jadi pada dia *this is a strategic arrangement* sebagai *businessman* untuk memajukan *business* dia supaya boleh dijalankan. Tapi akhirnya 50% lari pada dia, inilah masalah kenapa kita tak boleh *achieve* 30% Datuk, inilah sebabnya, inilah yang dikatakan oleh Cameron Highlands tadi. Bila masa pun, yang kaya *will continue to be rich*, yang miskin *continue to go down* sebab kita *more and more become more conscious* keuntungan daripada membela masyarakat ini.

Dan, kita punya *attitude* kepada sumber kewangan ini pula satu, kalau di Amerika, kalau di Australia, kalau di negara-negara maju lain boleh menggunakan kertas yang canggih sebagaimana yang saya sebut tadi, yang berpotensi mendatangkan hasil yang besar boleh diberi pinjaman menerusi *injection of fund*, *capital injection* dan sebagainya, apa kata orang *venture capital* ini? *Venture capital* kerana kita punya *venture capital* dulu, dua, tiga tahun kerajaan bagi buat di RM350 juta dalam konteks SME, SMI Datuk, RM350 juta ini *chicken feed only* tapi yang dapat akhirnya pula orang yang kaya, bukan yang miskin. Bukan yang ada pemikiran yang berkehendakkan maju yang betul-betul.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyarankan kepada kementerian, kalau tak ada orang mempunyai *business thinking* dalam Kementerian Kewangan, ambil pakar-pakar yang elok, pakar-pakar bukan soalan hal kewangan ini, soalan pakar hal *business*. Pakar *business* lain, *business thinkers* ni lain, berlainan daripada pakar kewangan. Mereka mengetahui macam mana keadaan ciri-ciri satu *business* yang boleh mendatangkan hasil, *business* yang boleh mendatangkan peluang, *business* yang mempunyai potensi yang baik pada masa-masa akan datang.

Jadi, kalau kita boleh melihat dan menilai perkara ini dan kita majukan mereka ini, tak payah tanya sangatlah soalan cagaran, soalan tanah, soalan *collateral* dan sebagainya. Kalau kita *continue* bertanya ni saja Tuan Yang di-Pertua, akhirnya nanti ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *Target* kita, sasaran kita tidak akan tercapai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Santubong, dah ada janggut la ni. Itu nikmat janggut, itu siapa pun tak tau, Yang Berhormat Santubong tau, ini adalah satu perubahan dalam hidup. Sabda Rasulullah S.A.W, "*9 daripada 10 pintu rezeki adalah meniaga*". Jadi perniagaan ini Yang Berhormat bukan mudah tetapi kita kena berusaha, sebab itulah orang kata, "*Ibarat burung terbang pagi, balik malam*". Dan orang berniaga ini, kita kena ingat, bila dia berniaga dia hendak cari rezeki untuk hendak bela keluarga dia. Jadi hari ini yang menyebabkan kadang-kadang matlamat kerajaan tidak sampai itu pertamanya kerana banyak sangat red tape yang kita harus permudahkan.

Saya ingin mencadangkan dengan bank SMI ini kerana saya adalah matan ahli perniagaan, jadi kita tahu memang sukar kadang-kadang kalau orang yang betul-betul genuine dalam perniagaan dia sanggup bergadai bergolok, kadang-kadang kertas kerja untuk memohon sesuatu pinjaman itu menyusahkan sedangkan perniagaan itu bukanlah susah, kalau kita buat kerja betul-betul dia senang, tetapi disebabkan oleh working paper dia, itu ini yang diperlukan, gadaian dan sebagainya, kadang-kadang modal yang hendak dikeluarkan untuk mengambil pinjaman itu dah banyak digunakan untuk kertas kerja, nak cari konsultan dan sebagainya.

Dan, dari segi bidang perniagaan tidak semestinya orang itu *qualified*. Ahli *qualified*, *to show that they can be successful in business*, dengan izin, tidak tentu tidak boleh. Orang yang tidak ada *qualification* tinggi pun dia boleh berjaya dalam bidang perniagaan. Rintisan kita hari ini, kebocoran kita hari ini ialah disebabkan amanah kerajaan bagi kepada orang-orang yang besar supaya melihat apa Yang Berhormat kata tadi ni mendapat nikmat tidak ada. Mereka lebih mementingkan diri mereka. Mereka berjaya mereka katakan bahawa kejayaan ini adalah atas kebolehan mereka, bukan di atas pertolongan kerajaan. Tetapi mereka dapat nikmat adalah atas dasar kerajaan. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya kerajaan mengehendakkan pemberian projek-projek besar ini harus diagih-agihkan, jangan ditumpukan kepada satu atau dua orang sahaja. Projek itu *privitisation* boleh kepada orang tu juga, projek baru orang tu juga.

Saya ada satu projek yang telah dibuat di Pulau Bunting, sampai hari ini jalan yang mereka guna untuk buat titi Pulau Bunting itu tidak diperbaiki. Rakyat susah, jalan berdebu dan berlubang kerana disebabkan oleh projek yang mereka buat mereka kata yang ini tanggungan kerajaan, bukan mereka. Jadi inilah ciri-ciri yang menyebabkan kadang-kadang orang-orang besar yang berjaya mereka tidak melihat ke belakang lagi, Tuan Yang di-Pertua. Mereka tidak melihat ke belakang dah. Mereka kira

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini bukan berucap tetapi saya hendak beri penjelasan kepada Yang Berhormat Santubong supaya bersetuju dengan saya kerana ini adalah dasar kerajaan, hendak menolong kerana dasar itu baik. Tetapi adakah Yang Berhormat Santubong sedar bahawa kadang-kadang orang berniaga ini fasal apa dia pergi kepada 'along' kerana bank kadang-kadang lebih daripada 'along' tetapi dengan cara terhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Giliran Yang Berhormat besok, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya? Tadi janji pukul 4.00 petang pun tidak dapat. Maaf cakap, kadang-kadang bank ini, saya minta Bank Negara buat satu peraturan. Ini kadang-kadang bank, cek orang lain 'pok' kita kena bayar denda. Caj itu dan caj ini, tidak selaras. Bank ini cara lain, bank ini charge cara lain, tidak sama. Ada pula kalau tukar *cash* cek kalau nama orang lain, saya bagi *cash* cek kepada Yang Berhormat Santubong, bila Yang Berhormat Santubong pergi tukar di bank saya kena caj RM5. Duit saya, saya beri kepada Yang Berhormat Santubong dicaj pula kepada saya RM5 pasal cek tunai. Cek tunai ini saya sendiri kena tunaikan. Ini lebih teruk daripada along. Along dia 'rimbuk', dia pukul sahaja kepada orang yang tidak bayar. sementara bank pula dia bankrap. Sekurang-kurang dia rimbuk, pukul kawan itu boleh hidup lagi, tetapi bila bankrap teruk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi Yang Berhormat Santubong jawab dahulu Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi Yang Berhormat Santubong bersetuju tak dengan saya ni, pandangan bernas saya pada petang ini? Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak benda yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Jerai. Saya tidak tahu yang mana satu yang dia suruh saya bersetuju ni. *[Ketawa]* Bersetuju pasal 'along' ke atau bersetuju pasal *business* yang besar-besar itu jangan bagi kepada satu atau dua orang sahaja. Jadi kira-kiranya semuanya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua. Sayang dan kesian tengok Yang Berhormat Jerai ni, semangat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengulas secara serius soalan *business* yang diberi kepada pihak-pihak yang tertentu, dua tiga sahaja. Pada pembentangan Rancangan Rangka Jangka Panjang Malaysia yang lepas ada disebut oleh kerajaan yang mengatakan "Kita kenal pasti pihak-pihak yang berpotensi, mempunyai daya saing, berpotensi maju dan berpotensi menjadi *world* atau *global player*, dengan izin maka kita akan bimbing," itu dasar yang dibuat dalam Rancangan Malaysia, panjang ke panjang yang lepas. Malangnya Tuan Yang di-Pertua, saya salah seorang daripada penghujah pada ketika itu tidak bersetuju. Saya kata kalau kita hendak bina meja, buat kaki empat, satu kaki meja patah maka meja akan terjatuh tetapi kalau kita buat meja kaki sepuluh bila empat patah Insya Allah meja *continue to* berdiri kata saya.

Begitu jugalah peniaga (*businessman*), kalau kita hendak sokong sama ada beri lesen ke, beri AP ke, beri apa ke beri ramai-ramai, beri banyak-banyak tetapi beri syarat yang tertentu. Beri syarat-syarat yang tertentu. Saya tidak hendak sebut soal AP Yang Berhormat. Kalau saya dapat 2,000 AP, dua *generation* keluarga saya tidak payah beri apa-apa lagi. Sebab saya sudah *calculate*, 1,000 AP dapat RM30 juta, 2,000 AP dapat RM60 juta. Saya pergi ke Sarawak jumpa Ketua Menteri minta *a few packaged plantations*, saya buat dua *plantation packages* dapat 22,000 ekar. Saya tanam dalam masa empat tahun maka empat tahun saya sudah *harvest* dah, tahun ke lima saya sudah mendapat pulangan. *Investment cash* saya tidak pinjam daripada bank, saya mungkin ada lagi *cash*

dalam bank daripada penjualan AP tadi RM30 juta, sekarang saya tuan ladang yang menerima pulangan RM800 satu ekar satu tahun. Kira kalau 22,000 ekar berapa banyak pulangan saya dalam satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjadi jutawan satu kali jalan sahaja. Kita bagilah satu-satu perkara itu dengan syarat orang boleh buat tetapi perbesarkan, jangan satu orang itu sahaja yang dapat sebagai mana Yang Berhormat Jerai sebut tadi. Hendak bagi *privitization* projek ke satu kali gus sudahlah, bagilah dengan orang lain, tengoklah yang berpotensi yang boleh memajukan bagi juga, tengok dia bagaimana. Kontrak pun macam itu, buat jalan di sini buat bangunan di situ, kita bagi satu-satu *Insya Allah*, mereka semua ini boleh maju dengan syarat kalau dah bagi RM200 juta punya kontrak yang minta lain kali. Satu kali ini cukuplah, buat untung cukup, you *diversify business*, you cari jalan buat *business*, jangan minta sokong kerajaan tiap-tiap kali.

Kalau kita boleh buat macam itu, insya-Allah, kita boleh buat *business* kita. Jangan lihat kelompok yang kecil dan tertentu sahaja. Kita kena perbesarkan skop pemberian dan bantuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Santubong. Saya minat dengan konsep tadi tulah. Adakah Yang Berhormat hendak cadangkan kepada pihak kementerian supaya mensyaratkan pula kepada yang berjaya tadi tu menjadi payung pula. Dia pula mencipta beberapa jutawan di bawahnya. Kalau Yang Berhormat boleh jawab, masih ada satu minit lagi. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, you tahu ada pepatah Cina, bank ini dia macam payunglah tetapi bila panas dia bagi payung, bila hujan jatuh payung tarik balik. Ha, saya bimbang payung-payung yang macam ini Yang Berhormat. Saya amat bersetuju kalau dia panas pun payung, hujan pun payung, ribut taufan pun payung, barulah kita boleh jadi payung. Masalahnya Yang Berhormat, kalau sudah dapat apa benda daripada kerajaan, kemudahan daripada kerajaan, projek daripada kerajaan tidak nampak lagi yang kecil-kecil tu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Santubong, boleh sambung besok?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Insya Allah Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang jam 5.30 petang. Dewan yang mulia ini ditangguhkan hingga 10.00 pagi besok. *[Ketawa]*

Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang.